





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Kementerian/Jabatan/
Agenzi Dan Pengurusan
Syarikat Kerajaan
NEGERI SABAH

SIRI 3





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SABAH

SIRI 3

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI	3
Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia	
JABATAN KERJA RAYA	37
Pengurusan Pembinaan Projek Pembetungan	
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH NEGERI SABAH	54
Projek Mini Estet Sejahtera (MESEJ)	
KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH	75
Desa Lestari Sdn. Bhd.	
PENUTUP	97



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sabah.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2012 Siri 3 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana hasrat Kerajaan.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Sebanyak 3 aktiviti dan 2 pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sabah Tahun 2012 Siri 2. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 3 ini pula melaporkan sebanyak 3 lagi aktiviti dan 1 pengurusan syarikat iaitu Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia, Pengurusan Pembinaan Projek Pembetungan, Pengurusan Mini Estet Sejahtera (MESEJ), dan Desa Lestari Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 19 syor untuk diambil tindakan Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Agensi Kerajaan Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
1 Oktober 2013



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI

- Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia

1.1. Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia adalah di bawah pengendalian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan semua Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). JAKIM berfungsi sebagai badan pemantau di peringkat pusat dan juga bertanggungjawab mengeluarkan sijil pengesahan halal. Manakala JAIN termasuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) pula bertanggungjawab terhadap proses permohonan sijil hingga ke peringkat kelulusan daripada pengusaha/premis di dalam negeri masing-masing. Bagi pengurusan pensijilan halal dari luar negara, ianya diurus sepenuhnya oleh pihak JAKIM. Di peringkat Negeri Sabah, pengurusan pensijilan halal dilaksanakan oleh JHEAINS menerusi Bahagian Pengurusan Halal Negeri Sabah dan dipantau oleh Jawatankuasa Makanan dan Bahan Gunaan Islam (MGI). Mulai 1 Januari 2012, pihak JHEAINS telah menggunakan Sistem e-Halal dan Manual Prosedur Pensijilan Halal 2011 yang dikeluarkan oleh JAKIM bagi melaksanakan pengurusan pensijilan halal. Sehingga tahun 2012, sebanyak 348 sijil halal telah dikeluarkan merangkumi kategori rumah sembelih, premis makanan dan produk makanan serta bahan gunaan.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2012 dan beberapa lawatan susulan mendapati, pengurusan pensijilan halal adalah kurang memuaskan kerana beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Sijil halal lambat diproses dan dikemukakan kepada pengusaha.
- Manual Prosedur Pensijilan Halal tidak diperakui.
- Kadar bayaran tidak diwartakan.
- Pemeriksaan terhadap premis dan mesyuarat panel lewat dijalankan.
- Premis yang mendapat pensijilan halal melanggar syarat pensijilan.
- Penyalahgunaan logo halal dan penandaan mengelirukan.
- Penolong Pengawal Perihal Dagangan dan Pegawai Teknologi Makanan masih belum dilantik.
- Penguatkuasaan tidak dilaksanakan.
- Promosi dan hebahan mengenai pensijilan halal tidak menyeluruh.

1.3. Bagi memastikan pengurusan pensijilan halal dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan, pihak Audit mengesyorkan langkah-langkah penambahbaikan seperti berikut:

1.3.1. JHEAINS hendaklah mengkaji semula prosedur pengeluaran pensijilan halal termasuk keahlian Jawatankuasa Panel Pengesahan MGI merangkumi aspek komitmen dan bilangan keahlian mesyuarat supaya sijil dapat dikeluarkan dan dikemukakan kepada pengusaha dengan kadar segera.

1.3.2. JHEAINS hendaklah mewujudkan perjawatan dengan melantik Pegawai Teknologi Makanan bagi melicinkan urusan permohonan pensijilan.

1.3.3. JHEAINS dan MUIS hendaklah mengambil tindakan mewartakan pemakaian Manual Prosedur Pensijilan Halal yang diguna pakai dan kadar fi yang dikenakan.

1.3.4. JHEAINS hendaklah mengambil tindakan yang tegas berdasarkan peruntukan undang-undang kepada pengusaha dan mana-mana orang yang tidak mematuhi syarat dan perundangan APD 2011 serta memastikan Pegawai Penguatkuasa dilantik dengan segera.

1.3.5. JHEAINS hendaklah mempertingkatkan lagi aktiviti promosi dan hebahan kepada golongan sasar dan orang awam.

1.3.6. JHEAINS/MUIS hendaklah mengemas kini pengurusan kewangan Tabung MGI termasuk menyediakan anggaran belanjawan tahunan.

2. JABATAN KERJA RAYA

- Pengurusan Pembinaan Projek Pembetungan

2.1. Mengikut Seksyen 111 dan 112(1), Ordinan Kesihatan Awam 1960, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan sistem pembetungan termasuk kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan. Bagaimanapun, memandangkan PBT tidak mempunyai kepakaran teknikal yang mencukupi bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut, Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah (JKR) telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan pembetungan serta melaksanakan tugas penyenggaraan dan pembaikan bagi pihak PBT. Tanggungjawab tersebut dinyatakan melalui *The Public Health (Supply of Sewerage Services) Order 1961* yang dikeluarkan mengikut kuasa di bawah Seksyen 113(2), Ordinan Kesihatan Awam 1960. JKR melaksanakan 24 projek bernilai RM439.29 juta bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, di mana 14 projek dibiayai oleh Kerajaan Negeri bernilai RM136.08 juta dan 10 projek dibiayai melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan bernilai RM303.21 juta.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2012 dan susulan Audit pada bulan Februari 2013 terhadap prestasi pelaksanaan projek pembetungan, kerja-

kerja pembinaan dan kapasiti loji rawatan kumbahan adalah memuaskan. Bagaimanapun, wujud beberapa kelemahan seperti berikut:

- Projek tidak disiapkan mengikut jadual.
- Kerja-kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi.
- Kerja tidak dilaksanakan tetapi telah dibayar.
- Kapasiti loji rawatan kumbahan tidak dapat menampung keperluan semasa.

2.3. Bagi tujuan penambahbaikan dan memantapkan lagi pengurusan pembinaan projek pembetungan, pihak Audit mengesyorkan JKR mengambil tindakan seperti berikut:

2.3.1. Kajian awal dijalankan secara menyeluruh dengan melibatkan semua pihak seperti penduduk setempat, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi yang terlibat bagi memastikan projek dilaksanakan berdasarkan keperluan yang sebenar dan beroperasi mengikut tempoh yang sepatutnya serta dapat menyelesaikan masalah sistem pembetungan sedia ada di daerah berkenaan.

2.3.2. Meningkatkan pemantauan dan penyeliaan terhadap kerja-kerja Kontraktor bagi mengelakkan kelewatan penyiapan projek, ketidakpatuhan terhadap reka bentuk dan spesifikasi serta pembayaran terhadap kerja yang tidak dilaksanakan.

3. LEMBAGA KEMAJUAN TANAH NEGERI SABAH

- **Pengurusan Mini Estet Sejahtera (MESEJ)**

3.1. Mini Estet Sejahtera (MESEJ) yang bermula pada tahun 2006 dalam RMKe-9 merupakan satu komponen kecil Skim Pembasmian Kemiskinan di bawah Bahagian Pembasmian Kemiskinan (BK), Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS). Objektif penubuhan MESEJ adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar secara mampan disamping menikmati peningkatan kualiti hidup. MESEJ melibatkan pewartaan tanah di bawah **Seksyen 28, Ordinan Tanah Negeri Sabah** dan dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS), Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS), Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Sabah (LPPBS) serta pejabat-pejabat daerah dengan nasihat pakar agensi pembimbing yang berkaitan. MESEJ terdiri daripada 3 komponen iaitu ekonomi 98 hektar tanah, fizikal 33 buah rumah di Penempatan Masyarakat Sejahtera di tanah seluas 20 hektar dan modal insan melibatkan 33 peserta bagi setiap MESEJ. Pembangunan MESEJ bagi aktiviti pertanian dan akuakultur dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada KPLBS. Pembinaan perumahan dan kemudahan lain dibiayai melalui Akaun Amanah Pembasmian Kemiskinan (sumbangan FELDA kepada Kerajaan Negeri). Setakat bulan Disember 2012, sejumlah RM16.55 juta telah diperuntukkan bagi projek MESEJ pertanian berteraskan kelapa sawit bagi perbelanjaan penyediaan tanah sehingga menanam, RM4.83 juta sebagai perbelanjaan penyenggaraan ladang sehingga matang dan RM3.53 juta sebagai kos kapital.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga November 2012, secara keseluruhannya mendapati pelaksanaan projek di 4 MESEJ bagi aktiviti pertanian kelapa sawit adalah memuaskan dari segi prestasi pembangunan tanah, penyenggaraan ladang, pengeluaran hasil kelapa sawit, penyediaan kemudahan rumah dan infrastruktur asas. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan pelaksanaan projek seperti berikut:

- Pembangunan tanah tidak mengikut jadual.
- Penyenggaraan ladang dijalankan tidak mengikut jadual.
- Rekod bincian mengenai bilangan pokok tidak dibuat.
- Pengeluaran buah kelapa sawit tidak mencapai sasaran.
- Peserta dipilih tidak menyertai projek.
- Pendapatan bulanan peserta dan isi rumah tidak melepas Paras Garis Kemiskinan (PGK).

3.3. Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan KPLBS, LKTNS, LPPBS, pejabat-pejabat daerah dan Majlis Perbandaran mengambil tindakan berikut:

3.3.1. Memantau dengan rapi pihak kontraktor bagi memastikan kerja pembangunan tanah siap mengikut jadual kontrak dan menyenarai hitam kontraktor yang gagal mematuhi syarat kontrak.

3.3.2. Menyenggara ladang mengikut program kerja yang dirancang, menyediakan rekod bincian bilangan pokok sawit dan menjalankan kerja menanam babit gantian.

3.3.3. Mengambil tindakan untuk mengganti peserta terpilih yang tidak menyertai projek.

3.3.4. Mempertimbangkan untuk membayar dividen daripada Akaun Amanah MESEJ kepada peserta.

3.3.5. Menilai aduan yang dibangkit oleh peserta projek dan mengambil tindakan bersesuaian.

4. KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

- **Desa Lestari Sdn. Bhd.**

4.1. Desa Lestari Sdn. Bhd. (DLSB) adalah sebuah syarikat dimiliki 100% oleh Kerajaan Negeri Sabah. Syarikat ini ditubuhkan pada 27 Januari 1981 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan nama asalnya KPD Holdings Sdn. Bhd. (KPDH) sebagai satu unit komersil kepada Korporasi Pembangunan Desa (KPD), sebuah agensi Kerajaan Negeri. Sehingga bulan Disember 2012, modal saham dibenarkan DLSB adalah sejumlah RM100 juta dan modal berbayar sejumlah RM99.98 juta. Aktiviti utama yang dijalankan oleh DLSB adalah tertumpu kepada bidang pelaburan.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2012 hingga Februari 2013 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan DLSB adalah memuaskan di mana DLSB memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM15.24 juta pada tahun 2012 berbanding dengan RM1.82 juta pada tahun 2011 dan RM15.25 juta pada tahun 2010. Keuntungan yang diperoleh adalah daripada pelaburan dalam sebuah syarikat bersekutu. Dari segi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat masih terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Pulangan yang diperoleh daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari adalah kurang memuaskan di mana daripada 10 syarikat subsidiari yang dilaburkan, 7 syarikat telah berhenti beroperasi/tidak aktif/dormant. Tiga syarikat subsidiari yang aktif tidak mengisyiharkan dividen kerana syarikat masih dalam kedudukan kerugian terkumpul.
- Syarikat subsidiari dan bersekutu yang berhenti beroperasi/tidak aktif/dormant antara 8 hingga 20 tahun belum digulungkan/dilupuskan seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993.
- Tanah DLSB yang belum dibangunkan di Daerah Ranau dicerobohi oleh penduduk/pengusaha tanpa izin.

4.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang disyorkan pihak DLSB mengambil tindakan berikut:

4.3.1. Prestasi kewangan syarikat subsidiari perlu dipertingkatkan.

4.3.2. Melupuskan syarikat subsidiari yang tidak aktif, dormant atau berhenti beroperasi.

4.3.3. Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan perlu mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan bagi meningkatkan kawalan dan pemantauan ke atas syarikat.

4.3.4. SOP perlu dikemas kini dan dilengkapkan dengan polisi dan prosedur asas untuk perakaunan terimaan dan perbelanjaan, pengurusan aset dan inventori, pelaburan, pendahuluan kepada syarikat subsidiari dan lain-lain aspek yang berkaitan.

4.3.5. Menyiasat dan menentukan hutang lapuk yang tidak boleh dipungut diambil tindakan pelupusan mengikut peraturan yang ada.

4.3.6. Tindakan untuk menyelesaikan masalah pencerobohan tanah perlu diambil segera bagi membolehkan ianya dibangunkan.



AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI

1. PENGURUSAN PENSIJILAN HALAL MALAYSIA

1.1. LATAR BELAKANG


1.1.1. Pengurusan pensijilan halal Malaysia bertujuan memberi pengiktirafan dan jaminan kepada pengguna terutama masyarakat Islam bahawa makanan yang dimakan dan produk/bahan gunaan/premis yang digunakan adalah halal, bersih dan suci. Produk halal telah mendapat permintaan yang tinggi berikutan peningkatan jumlah penduduk dunia yang mencecah 2 bilion orang dengan 57 buah negara adalah majoritinya Islam. Nilai dagangan produk halal adalah dianggarkan berjumlah RM3 trillion. Keadaan ini telah menarik perhatian terutama pengusaha bukan Islam dan menjadi *trade mark* dalam pasaran untuk memenangi hati pengguna. Oleh itu, satu pengurusan pensijilan halal yang cekap dan berkesan adalah perlu bagi memastikan setiap produk halal yang dipasarkan menepati *standard* dan mengikut hukum syarak.

1.1.2. Pengurusan pensijilan halal Malaysia adalah di bawah pengendalian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan semua Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). JAKIM berfungsi sebagai badan pemantau di peringkat pusat dan juga bertanggungjawab mengeluarkan sijil pengesahan halal. Manakala JAIN termasuk Jabatan Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) pula bertanggungjawab terhadap proses permohonan hingga ke peringkat kelulusan sijil halal di peringkat negeri. Bagi pengurusan pensijilan halal dari luar negara, ianya diurus sepenuhnya oleh pihak JAKIM. Pelaksanaan pensijilan halal Malaysia tidak mandatory, namun apabila salah guna ianya boleh dikenakan tindakan undang-undang.

1.1.3. Seksyen 7(2)(k), Enakmen Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) 2004 menyatakan MUIS dan JHEAINS berkewajipan untuk memastikan makanan, minuman dan bahan gunaan disediakan secara halal bagi kegunaan umat Islam. Di Negeri Sabah, pensijilan halal telah mula dilaksanakan pada tahun 1992 yang diurus oleh MUIS dan di bawah pemantauan Jawatankuasa Makanan dan Bahan Gunaan Islam (MGI) Negeri Sabah. Pada tahun 2011, pengurusan tersebut telah diambil alih oleh JHEAINS menerusi Unit Pengurusan Halal Negeri Sabah. Bagaimanapun, Jawatankuasa MGI masih bertindak sebagai badan pemantau. Unit ini diketuai oleh seorang Penolong Pengarah dan dibantu seramai 5 orang kakitangan. Di peringkat daerah pula, pihak JHEAINS telah melantik seorang pegawai gunasama bagi tujuan membantu pengurusan pensijilan halal di peringkat daerah. Struktur pengurusan pensijilan halal Negeri Sabah adalah seperti di **Carta 1.1**.

Carta 1.1

Struktur Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia Negeri Sabah



Sumber: JHEAINS

- 1.1.4.** Terdapat 13 jenis perundangan melibatkan 6 agensi Kerajaan yang diguna pakai dalam pelaksanaan pensijilan halal Malaysia seperti di **Jadual 1.1**. Manakala dalam pengurusan pensijilan halal, pihak JHEAINS juga mengguna pakai Manual Prosedur Pensijilan Halal 2011 yang dikeluarkan oleh JAKIM. Mulai 1 Januari 2012, kaedah pengurusan dan permohonan pensijilan halal telah dilaksanakan melalui sistem e-Halal.

Jadual 1.1**Senarai Perundangan Yang Diguna Pakai Dalam Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia**

Bil.	Akta / Perundangan	Agensi Penguatkuasa	Keterangan
1.	Akta Perihal Dagangan 1972 dan Perintah Perihal Dagangan		Diguna pakai sehingga 31 Disember 2011. Akta ini menjelaskan takrif halal dan penyediaan makanan halal dari segi hukum syarak serta kesalahan pemalsuan bahan mentah dan dokumen halal.
2.	Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011), Perintah Perihal Dagangan Takrifan Halal 2011 dan Perintah Perihal Dagangan Perakuan dan Penandaan Halal 2011	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)	Telah diwartakan pada 1 November 2011 menggantikan Akta Perihal Dagangan 1972. Dikuatkuasa pada 1 Januari 2012. Bagaimanapun, pelaksanaan undang-undang yang termaktub dalam akta ini hanya akan bermula pada 1 Januari 2013. Akta ini memberi peruntukan yang jelas mengenai pemakaian dan penandaan yang dibenarkan (termasuk logo halal) serta denda dan hukuman terhadap penyalahgunaannya.
3.	Akta Cap Dagangan 1976		
4.	Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	Berkaitan pelabelan, amalan kebersihan dan keselamatan makanan.
5.	Akta Racun 1952 dan Peraturan Kawalan Dadah & Kosmetik 1984 (pindaan 2010)		
6.	Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993 dan <i>Animals Rules 1962, Animals (Importation) Order 1962</i>	Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)	Berkaitan penternakan haiwan dan kawalan penyakit.
7.	Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1998	Jabatan Kastam Diraja Malaysia	Berkaitan import daging halal.
8.	Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997	Jabatan Agama Islam Negeri	Penandaan makanan halal.
9.	Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak, 2001	Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak	
10.	Enakmen Majlis 2004	Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	
11.	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri	Jabatan Agama Islam Negeri	
12.	Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan	Pihak Berkuasa Tempatan	
13.	Enakmen Rumah Sembelihan Sabah 2004	Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Negeri Sabah	

Sumber: JHEAINS

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pengurusan pensijilan halal Malaysia dirancang, dilaksana dan dipantau sewajarnya supaya pemprosesan makanan/bahan gunaan produk dan premis yang telah dipersijilkan diurus mengikut perundangan dan peraturan yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pensijilan halal Malaysia di Negeri Sabah bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, bagi proses permohonan pensijilan, skop pengauditan adalah tertumpu pada tahun 2012, di mana sistem e-Halal mula dilaksanakan. Pengauditan terhadap data, rekod dan dokumen berkaitan telah dijalankan di Ibu Pejabat JHEAINS di Kota Kinabalu, Pejabat JHEAINS Daerah Sandakan dan Pejabat JHEAINS Daerah Tawau. Maklumat tambahan juga diperolehi daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDKKK), Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (JPHPT). Pemeriksaan fizikal juga dijalankan terhadap premis yang mendapat pensijilan halal seperti restoran, rumah penyembelihan, premis menjual ayam dan daging dan kedai roti. Maklumat turut dikumpul melalui soal selidik dengan para pengusaha, peniaga dan orang awam bagi menilai maklum balas awam.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2012 dan beberapa lawatan susulan mendapati, pengurusan pensijilan halal adalah kurang memuaskan kerana beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Sijil halal lambat diproses dan dikemukakan kepada pengusaha.
- Manual Prosedur Pensijilan Halal tidak diperakui.
- Kadar bayaran tidak diwartakan.
- Pemeriksaan terhadap premis dan mesyuarat panel lewat dijalankan.
- Premis yang mendapat pensijilan halal melanggar syarat pensijilan.
- Penyalahgunaan logo halal dan penandaan mengelirukan.
- Penolong Pengawal Perihal Dagangan dan Pegawai Teknologi Makanan masih belum dilantik.
- Penguatkuasaan tidak dilaksanakan.
- Promosi dan hebahan mengenai pensijilan halal tidak menyeluruh.

1.4.1. Isu-isu Yang Dibangkit Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Lalu

Jabatan Audit Negara pernah menjalankan kajian Audit terhadap pensijilan halal pada tahun 2006. Kedudukan terkini bagi isu-isu yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun tersebut adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2

Kedudukan Terkini Terhadap Isu Berbangkit Laporan Ketua Audit Negara 2006

Bil.	Isu Berbangkit	Kedudukan Terkini
1.	Peruntukan undang-undang tidak jelas dan menyeluruh	JHEAINS telah menggunakan pakai Akta Perihal Dagangan 2011
2.	Garis panduan Manual Pengurusan Logo Halal belum diwartakan	JHEAINS menggunakan pakai Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bilangan 2 Tahun 2012 – Pelaksanaan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011
3.	Kadar bayaran belum diwartakan	Masih belum diwartakan
4.	Tiada Piagam Pelanggan	Telah disediakan
5.	Sijil dan logo halal lewat diperolehi menyebabkan premis tiada sijil dan logo halal sah	Tindakan sewajarnya telah diambil
6.	Proses permohonan lambat	Masih berlaku kelewatan
7.	Mengguna pakai sijil dan logo tamat tempoh	Terdapat pengusaha menggunakan pakai sijil tamat tempoh
8.	Mengguna pakai sijil dan logo palsu	Masih terdapat pemakaian logo palsu
9.	Penguatkuasaan tidak dapat dijalankan kerana pematuhan undang-undang tidak jelas	JHEAINS telah menggunakan pakai APD 2011
10.	Kekurangan kakitangan dan logistik dan sumber kewangan	Masih wujud kekurangan kakitangan dan logistik
11.	Pengurusan dan premis tidak mematuhi syarat	Terdapat pengusaha yang tidak mematuhi syarat
12.	Pemantauan dan lawatan berkala tidak mengikut jadual	Pemantauan dilaksanakan oleh Bahagian Hub Halal JAKIM
13.	Anggaran hasil dan anggaran bajet bagi aktiviti pengeluaran dan penguatkuasaan logo halal tidak disediakan	Anggaran Belanjawan tidak disediakan
14.	Kempen kesedaran tidak berjaya diadakan sebagaimana dirancang	Kempen dan seminar pensijilan halal telah dilaksanakan
15.	Tahap kesedaran terhadap makanan halal dan penggunaan sijil dan logo halal di kalangan pengusaha adalah rendah	Tahap kesedaran telah meningkat

Sumber: Jabatan Audit Negara dan JHEAINS

1.4.2. Prestasi Pensijilan Halal Malaysia

1.4.2.1. Terdapat 3 kategori pensijilan halal yang dikeluarkan iaitu rumah sembelih, premis makanan dan produk makanan/bahan gunaan. Dari analisis yang dijalankan didapati, dalam tempoh tahun 2010 hingga 2012 jumlah pensijilan halal yang dikeluarkan oleh JHEAINS bagi ketiga-tiga kategori telah meningkat pada setiap tahun. Jumlah tersebut adalah berdasarkan pengeluaran sijil halal tahun semasa dan juga pembaharuan pensijilan. Ini disebabkan kebanyakan pengusaha telah mengetahui kepentingan dan kelebihan pensijilan halal dari aspek ekonomi dan sosial. Di samping itu, usaha yang telah diambil oleh pihak Kerajaan melalui agensinya seperti JHEAINS, JAKIM, MARDI, MITI dan Halal Development Corporation (HDC) turut memberi impak yang besar terhadap

peningkatan prestasi pensijilan halal. Antara usaha yang telah diambil ialah mengadakan seminar, pameran dan kempen melalui media. Butiran prestasi pensijilan halal Malaysia yang telah dikeluarkan mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 1.3** dan **Carta 1.2**.

Jadual 1.3


Prestasi Pensijilan Halal Malaysia Yang Dikeluarkan Mengikut Kategori Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Kategori Pensijilan			Jumlah	Perubahan	
	Rumah Sembelih	Premis Makanan	Produk Makaran Dan Bahan Gunaan		Bilangan	(%)
2010	12	25	81	118	-	-
2011	19	66	154	239	121	102.5
2012	26	104	218	348	109	31.3

Sumber: JHEAINS

Carta 1.2

Prestasi Pensijilan Halal Malaysia Yang Dikeluarkan Mengikut Kategori Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012



Sumber: JHEAINS

1.4.2.2. Daripada analisis Audit terhadap **Jadual 1.3** di atas mendapati, jumlah sijil yang dikeluarkan dan diperbaharui telah meningkat kepada 239 atau 102.5% pada tahun 2011 berbanding tahun sebelumnya dan meningkat lagi kepada 348 atau 31.3% pada tahun 2012.

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran dan pegangan sijil halal dalam pasaran bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah memuaskan kerana bilangannya telah meningkat pada setiap tahun iaitu daripada 118 kepada 348.


1.4.3. Pelaksanaan Pensijilan Halal Malaysia

1.4.3.1. Pengurusan pensijilan halal Malaysia di Negeri Sabah telah dilaksanakan mengikut Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 (Semakan Kedua). Pemakaian manual tersebut adalah bertujuan menyeragamkan Pengurusan Pensijilan Halal Malaysia merangkumi prosedur permohonan, pemeriksaan, kelulusan, pemantauan dan penguatkuasaan. Berdasarkan manual tersebut, aliran prosedur pensijilan halal hendaklah dilaksanakan seperti di **Carta 1.3**. Mulai 1 Januari 2013, semua permohonan pensijilan halal Malaysia dibuat melalui sistem e-Halal.

Carta 1.3

Aliran Prosedur Pensijilan Halal

PROSES PEMBERIAN SIJIL HALAL MALAYSIA



Sumber: JHEAINS

1.4.3.2. Di peringkat JHEAINS, aktiviti pensijilan dilaksanakan dari proses permohonan sehingga ke peringkat kelulusan. Permohonan yang diterima akan disemak oleh Unit Pengurusan Halal Negeri Sabah untuk memastikan maklumat yang dinyatakan dalam sistem adalah benar berdasarkan dokumen sokongan yang dikemukakan. Selepas semakan, kelulusan permohonan akan diputuskan dalam Mesyuarat Panel Melulus oleh

Jawatankuasa Makanan dan Bahan Gunaan Islam (MGI) Negeri Sabah yang dianggotai oleh pelbagai agensi. Sijil Halal akan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JAKIM berdasarkan keputusan Mesyuarat Panel Melulus tersebut. Mengikut Piagam Pelanggan Pensijilan, permohonan sijil halal yang lengkap dengan dokumen sokongan akan diproses dan dikeluarkan sijil halal dalam tempoh 30 hari.

1.4.3.3. Permohonan Sijil Halal

- a. Setiap pemohon sijil halal hendaklah mendaftar dalam sistem e-Halal dengan memasukkan semua maklumat mengenai syarikat dan produk yang hendak dipersijilkan. Setelah didaftarkan, pemohon dikehendaki memasukkan semua maklumat dan bahan mentah bagi menghasilkan produk yang terbabit. Pemohon juga dikehendaki mengemukakan salinan dokumen sokongan bagi mengesahkan maklumat yang dinyatakan kepada pihak JHEAINS.

i. Permohonan Lewat Diproses

Setiap permohonan yang diterima berserta dengan dokumen sokongan yang lengkap hendaklah diproses selaras dengan Piagam Pelanggan. Pada tahun 2012, Unit Pengurusan Halal Negeri Sabah telah menerima sebanyak 168 permohonan sijil halal. Semakan Audit terhadap rekod permohonan mendapati, sebanyak 140 permohonan telah lewat diproses dari tempoh yang ditetapkan iaitu antara 31 hingga melebihi 91 hari. Semakan Audit selanjutnya mendapati, kelewatan ini disebabkan pihak JHEAINS tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi dan terpaksa menggunakan kepakaran daripada agensi lain. Selain itu, Pegawai Teknologi Makanan seperti dinyatakan dalam Manual masih belum dilantik. Keadaan ini menyebabkan kehendak Piagam Pelanggan tidak dapat dipatuhi dan boleh menjelaskan imej JHEAINS. Butiran kelewatan memproses borang permohonan mengikut hari adalah seperti di **Jadual 1.4**.

**Jadual 1.4
Tempoh Kelewatan Memproses Permohonan**

Tempoh Kelewatan Memproses Permohonan (Hari)	Bilangan	%
31 Hingga 60	13	9
61 Hingga 90	24	17
Melebihi 91 Hari	103	74
Jumlah	140	100

Sumber: JHEAINS

ii. Permohonan Tidak Dapat Diproses

Mengikut Manual Prosedur Pensijilan Halal, permohonan pensijilan halal akan diproses sekiranya maklumat permohonan seperti butiran syarikat, butiran produk, bahan gunaan dan dokumen sokongan yang diperlukan dikemukakan dengan lengkap. Semakan Audit terhadap rekod permohonan sehingga tahun 2012 mendapati, sebanyak 4 permohonan bagi produk dan bahan gunaan Islam dan 6 permohonan bagi premis makanan tidak dapat diproses kerana tidak mengemukakan maklumat atau dokumen sokongan yang lengkap. Antara maklumat yang tidak dinyatakan ialah jenis bahan yang digunakan dan status pekerja yang mengendalikan pemprosesan produk. Semakan Audit juga mendapati, sebanyak 82 permohonan masih berstatus ‘Draf’ kerana pemohon hanya menyatakan butiran syarikat sahaja tanpa maklumat sokongan mengenai produk dan premis yang hendak di sijil. Keadaan ini disebabkan pemohon terbabit tidak mengetahui kaedah pengisian maklumat melalui sistem e-Halal secara lebih terperinci kerana kurang didedahkan mengenai sistem tersebut. Permohonan yang tidak dapat diproses telah mengakibatkan pelaksanaan pensijilan halal melalui e-Halal tidak tercapai sepenuhnya.

- b. Berdasarkan maklum balas pihak JHEAINS pada 19 Julai 2013, kelewatan memproses adalah disebabkan pemohon tidak melengkapkan permohonan mengikut syarat yang ditetapkan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia Tahun 2011. Selain itu, ketika pemeriksaan dijalankan, tiada proses dijalankan dalam premis dan pihak pengurusan tidak bersedia untuk diperiksa menyebabkan pemeriksaan tidak dapat dijalankan. Bagaimanapun, pihak JHEAINS sentiasa berhubung dengan pemohon supaya melengkapkan dokumen yang diperlukan.**

Pada pendapat Audit, proses permohonan pensijilan halal Malaysia melalui sistem e-Halal adalah kurang memuaskan kerana terdapat 103 atau 74% permohonan diterima lewat diproses melebihi 91 hari. Selain itu, masih terdapat pemohon/pengusaha kurang pendedahan kepada sistem e-Halal.

1.4.4. Bayaran fi Permohonan

- 1.4.4.1.** Manual Prosedur Pensijilan Halal menyatakan permohonan pensijilan halal akan dikenakan bayaran fi untuk tempoh 2 tahun kecuali bagi permohonan rumah sembelih iaitu selama setahun sahaja. Kaedah pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk wang pos, kiriman wang, atau bank draf sahaja secara bank in atau talian atas nama Pengarah JHEAINS. Bayaran fi permohonan hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari bekerja sebagai syarat agar permohonan dapat diproses. Kadar bayaran fi permohonan pensijilan halal adalah mengikut Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011 dan klausu 9.1.2 Lampiran 4, Manual Prosedur Pensijilan Halal seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Kadar Bayaran Fi Permohonan Pensijilan Halal

Bil.	Perkara	Kategori		RM
		Jenis Industri	Ciri-ciri	
1.	Produk, logistik dan khidmat pengilangan	Industri Kecil	Nilai jualan tahunan ≤ RM500,000.00	100
		Industri Kecil Sederhana	Nilai jualan tahunan ≤ RM500	400
		Syarikat Multi Nasional	Nilai jualan tahunan ≤ RM500	700
2.	Rumah Penyembelihan	Saiz Premis Mengikut Jenis Haiwan		Bilangan Penyembelihan Sehari
		Premis Kecil	Ayam	1 – 2,999 ekor
			Kambing/ Biri-biri	1 – 499 ekor
			Lembu/ Kerbau	1 – 49 ekor
		Premis Sederhana	Ayam	3,000 – 10,000 ekor
			Kambing/ Biri-biri	500 – 700 ekor
			Lembu/ Kerbau	50 – 100 ekor
		Premis Besar	Ayam	Melebihi 10,000 ekor
			Kambing/ Biri-biri	Melebihi 700 ekor
			Lembu/ Kerbau	Melebihi 100 ekor
3.	Premis Makanan, Restoran, Dapur Dan Hotel	-		100 bagi setiap premis
4.	Perkhidmatan Katering	-		100

Sumber: JAKIM dan JHEAINS

1.4.4.2. Kawalan Terimaan Fi

Semakan Audit terhadap rekod terimaan fi permohonan mendapati, semua pemohon pensijilan halal telah mengemukakan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan. Pembayaran telah dilakukan di Unit Pengurusan Halal Negeri Sabah. Terdapat juga pemohon yang telah mengemukakan pembayaran di pejabat JHEAINS daerah dan kemudiannya dihantar ke ibu pejabat JHEAINS. Semakan Audit juga mendapati, kawalan terimaan terhadap bayaran fi permohonan telah direkodkan dengan teratur dan kemas kini.

Pada pendapat Audit, kawalan terimaan bayaran fi permohonan adalah memuaskan.

1.4.5. Pemeriksaan Premis

1.4.5.1. Klaus 7.3 dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia menyatakan pemeriksaan premis akan dilakukan setelah permohonan memenuhi semua syarat yang ditetapkan dan fi permohonan telah dijelaskan. Mengikut manual tersebut, pemeriksaan premis hendaklah dilakukan oleh sekurang-kurangnya 2 orang pegawai iaitu Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pegawai Teknologi Makanan. Manakala di peringkat JHEAINS pula,

pemeriksaan premis diketuai oleh Penolong Pengarah Unit Pengurusan Halal Negeri Sabah dan dibantu oleh pegawai dari agensi yang berkaitan. Agensi tersebut ialah dari Jabatan Kesihatan, KPDNKK, JPHPT dan Pihak Berkuasa Tempatan. Bantuan daripada agensi lain terpaksa diperolehi oleh JHEAINS kerana Pegawai Teknologi Makanan belum dilantik. Skop pemeriksaan melibatkan perkara-perkara seperti dokumentasi, bahan ramuan, peralatan dan utensil, pembungkusan, penyimpanan, pemprosesan, pengangkutan, pekerja, kebersihan premis dan pengurusan sisa buangan. Prosedur pemeriksaan merangkumi mesyuarat pembukaan, semakan dokumen, pemeriksaan lapangan, penyediaan laporan hasil pemeriksaan dan mesyuarat penutup. Sampel makanan, bahan ramuan, bahan mentah yang dirasakan perlu akan diambil untuk ujian makmal dan sampel bahan pembungkusan atau label akan diambil untuk penelitian panel pengesahan halal. Laporan pemeriksaan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Panel Pengesahan Halal dan panel berhak menolak atau meluluskan mana-mana permohonan.

a. Pemeriksaan Lewat Dijalankan

Semakan Audit terhadap daftar pemeriksaan premis mendapati, Unit Pengurusan Halal Negeri Sabah telah lewat menjalankan pemeriksaan selepas permohonan yang lengkap diterima. Pada tahun 2012, melalui sistem e-Halal pihak JHEAINS telah menerima sebanyak 139 rekod permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 132 permohonan telah lewat diperiksa antara 31 hingga melebihi 90 hari. Pihak Audit mendapati, ianya berlaku kerana JHEAINS tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi. Manakala bantuan daripada agensi berkaitan sukar dipastikan kerana terdapat komitmen masing-masing. Kelewatan yang berlaku telah menyebabkan tempoh pemprosesan pensijilan halal tidak dapat menepati piagam pelanggan yang ditetapkan. Butiran kelewatan pemeriksaan yang ditemui adalah seperti di **Jadual 1.6.**

**Jadual 1.6
Tempoh Kelewatan Pemeriksaan Premis**

Tempoh Kelewatan Pemeriksaan Premis (Hari)	Bilangan	%
31 Hingga 60	16	12
61 Hingga 90	32	24
Melebihi 91 Hari	84	64
Jumlah	132	100

Sumber: JHEAINS

b. Pemohon Tidak Mematuhi Syarat Pensijilan

Semakan Audit terhadap laporan pemeriksaan premis mendapati, daripada 139 permohonan bagi tahun 2012 yang diperiksa sebanyak 24 pemohon/pengusaha telah tidak mematuhi syarat permohonan yang telah ditetapkan. Pihak JHEAINS telah mengeluarkan laporan ketidakakururan syarat kepada pemohon dan tindakan pembetulan yang perlu dilaksanakan. Antara syarat yang tidak dipatuhi ialah tahap

kebersihan yang tidak memuaskan, penggunaan bahan mentah yang diragui dan pekerja tidak menjalani pemeriksaan kesihatan. Keadaan ini disebabkan pemohon tidak memahami syarat permohonan secara terperinci. Fakta ini disokong hasil temubual Audit dengan pengusaha terbabit semasa lawatan Audit dijalankan ke premis berkenaan. Antara aduan yang dikemukakan oleh pengusaha ialah mereka kurang arif mengenai pensijilan halal dan memerlukan pendedahan melalui seminar dan kursus berkaitan pensijilan halal. Keadaan ini menyebabkan pihak JHEAINS terpaksa mengulangi aktiviti pemeriksaan premis dan mengakibatkan proses pensijilan halal lewat dilaksanakan.

c. Pegawai Teknologi Makanan Belum Dilantik

Pemeriksaan premis dijalankan adalah untuk memastikan pengusaha telah mematuhi syarat permohonan. Antara syarat yang ditetapkan adalah memerlukan kepakaran dalam bidang khusus seperti bahan gunaan dan kesihatan. Hasil pemeriksaan Audit mendapati, pihak JHEAINS tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut kerana belum melantik Pegawai Teknologi Makanan sepertimana yang dilaksanakan oleh JAKIM. Oleh itu, bantuan kepakaran dari agensi lain terpaksa digunakan untuk tujuan pemeriksaan. Keadaan ini menyebabkan pihak JHEAINS sukar untuk menetapkan jadual pemeriksaan dan mengakibatkan kelewatan proses pensijilan.

1.4.5.2. Berdasarkan maklum balas pihak JHEAINS pada 19 Julai 2013, pihak JHEAINS menyatakan pada ketika ini pemeriksaan premis dibuat bersama dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. Memandangkan mereka mempunyai komitmen masing-masing maka proses pemeriksaan premis akan mengambil masa. Kelewatan lawatan ke premis akan dapat diatasi apabila pewujudan jawatan Pegawai Teknologi Pemakanan diluluskan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pemeriksaan terhadap premis adalah kurang memuaskan kerana sebanyak 132 daripada 139 permohonan telah lewat diperiksa dan Pegawai Teknologi Makanan belum dilantik bagi tujuan pemeriksaan.

1.4.6. Panel Pengesahan Kelulusan

1.4.6.1. Mengikut Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia, keahlian Mesyuarat Panel Pengesahan Halal hendaklah dianggotai oleh Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pegawai Teknikal. Di peringkat JHEAINS, keahlian Panel Pengesahan Halal adalah terdiri daripada ahli-ahli Jawatankuasa Makanan Dan Gunaan Islam (MGI) Negeri Sabah yang dilantik oleh Majlis Tertinggi MUIS. Keahlian dalam jawatankuasa tersebut adalah seramai 11 orang dari pelbagai agensi Kerajaan yang berkaitan. Mesyuarat akan diadakan sekiranya ada laporan pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan yang perlu dibentangkan. Jawatankuasa MGI bertanggungjawab membuat keputusan terhadap laporan pemeriksaan premis bagi permohonan pensijilan sama ada melulus, menolak, menangguh permohonan atau mengarahkan pemeriksaan semula. Jawatankuasa MGI

juga bertanggungjawab memutuskan sama ada menggantung, menarik balik sijil, mengarahkan pemeriksaan semula atau mengarahkan penyerahan semula sijil terhadap laporan pemantauan dan penguatkuasaan yang dikemukakan oleh pegawai pemeriksa.

a. Mesyuarat Jawatankuasa Makanan dan Bahan Gunaan Islam (MGI) Tertunda

Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, Mesyuarat Jawatankuasa MGI telah bermesyuarat sebanyak 4 kali pada tahun 2010, 3 kali pada tahun 2011 dan 5 kali pada tahun 2012. Tujuan mesyuarat diadakan adalah untuk membentangkan laporan pemeriksaan dan membuat keputusan sama ada melulus/menolak/menangguh atau menyemak semula permohonan yang diterima. Semakan Audit terhadap rekod dan minit mesyuarat serta hasil temu bual dengan pegawai Unit Pengurusan Halal Negeri Sabah mendapati, Mesyuarat Jawatankuasa MGI telah ditunda kerana kesukaran mendapatkan kepastian mengenai kehadiran ahli-ahli Jawatankuasa MGI. Ini disebabkan ahli jawatankuasa tersebut juga merupakan pegawai dari agensi lain yang mempunyai tanggungjawab dan komitmen masing-masing. Sebagai contoh, Mesyuarat Jawatankuasa MGI bil.4/2012 hanya dapat diadakan pada 17 Oktober 2012 setelah ditangguhkan sebanyak 3 kali akibat masalah tersebut. Kesukaran memenuhi korum telah menyebabkan mesyuarat sukar diadakan dan melambatkan keputusan mengenai kelulusan permohonan pensijilan halal.

b. Laporan Pemeriksaan Dan Pemantauan Belum Dibentangkan

Setakat tahun 2012, Unit Pengurusan Halal Negeri Sabah telah menerima 2 laporan pemeriksaan dan pemantauan mengenai ketidakakuratan syarat pensijilan halal melibatkan kesalahan yang serius dengan syor pengantungan sijil halal. Laporan tersebut dikemukakan oleh Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasa, Bahagian Pensijilan Halal, JAKIM pada bulan Disember 2012. Mengikut Manual Prosedur Pensijian Halal, Mesyuarat Jawatankuasa MGI hendaklah diadakan setelah apa-apa laporan pemeriksaan dan pemantauan diterima. Semakan Audit terhadap rekod dan minit Mesyuarat Jawatankuasa MGI mendapati, mesyuarat masih belum diadakan bagi membincangkan perkara tersebut. Ini disebabkan laporan berkenaan belum dibentangkan oleh Bahagian Pengurusan Halal Negeri Sabah. Kelewatan mesyuarat dan pembentangan laporan menyebabkan syor pengantungan pensijilan halal terhadap 2 premis terbabit tidak dapat dikuatkuasakan. Keadaan ini juga boleh menjelaskan kepentingan pengguna jika premis tersebut terus beroperasi menggunakan pensijilan halal berkenaan.

1.4.6.2. Berdasarkan maklum balas JHEAINS pada 19 Julai 2013, ahli panel adalah terdiri daripada beberapa agensi yang juga mempunyai komitmen masing-masing. Apabila korum kehadiran mesyuarat tidak mencukupi maka Mesyuarat Panel Melulus tidak dapat diteruskan. Bagaimanapun, pihak JHEAINS akan berusaha mengatasi kelewatan ini pada masa akan datang.

Pada pendapat Audit, proses kelulusan dan penilaian laporan pemantauan terhadap pensijilan halal adalah kurang memuaskan kerana mesyuarat panel pengesahan telah ditunda dan laporan pemeriksaan dan pemantauan belum dibentangkan.

1.4.7. Pengeluaran Sijil Halal

1.4.7.1. Piagam Pelanggan Pensijilan menyatakan sijil halal perlu dikeluarkan dalam tempoh 5 hari selepas keputusan Mesyuarat Panel Pengesahan JHEAINS. Pihak JHEAINS akan mengemukakan laporan keputusan kelulusan ke Ibu Pejabat JAKIM bagi pengeluaran sijil.

a. Sijil Halal Lewat Dikeluarkan

- i. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, sebanyak 348 permohonan telah diluluskan. Semakan Audit terhadap keputusan mesyuarat panel mendapati, sebanyak 157 permohonan telah lewat dikeluarkan sijil antara 1 hingga melebihi 61 hari. Butiran kelewatan mengikut tempoh hari adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Tempoh Kelewatan Mengeluarkan Sijil Halal

Tempoh Kelewatan Mengeluarkan Sijil (Hari)	Bilangan	%
1 Hingga 30	56	36
31 Hingga 60	51	32
Melebihi 61 Hari	50	32
Jumlah	157	100

Sumber: JHEAINS

- ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap permohonan melalui sistem e-halal mendapati, daripada 109 permohonan yang diluluskan oleh panel pengesahan sebanyak 26 kelulusan masih belum dikeluarkan sijil. Ini disebabkan Ibu Pejabat JAKIM lewat memproses sijil halal setelah pengesahan kelulusan diterima dari JHEAINS. Ini menyebabkan pihak pengusaha lewat menerima pengesahan pensijilan halal dan matlamat piagam pensijilan halal tidak tercapai.

b. Sijil Halal Lewat Dikemukakan Kepada Pengusaha

Sijil Halal yang telah diproses oleh Ibu Pejabat JAKIM akan dihantar kepada pihak JHEAINS untuk dikemukakan kepada pengusaha terbabit. Sijil yang diterima oleh pihak JHEAINS akan direkodkan dalam Daftar Pensijilan Halal. Semakan Audit terhadap Daftar tersebut mendapati, daripada 109 sijil halal yang diterima sebanyak 35 sijil atau 30% telah lewat dikemukakan kepada pengusaha antara 7 hingga 30 hari. Antara punca kelewatan adalah berlakunya birokrasi pentadbiran dan juga kelemahan di Unit Pengurusan Halal Negeri Sabah sendiri. Kelemahan ini menyebabkan pihak pengusaha lewat menerima pengesahan halal terhadap produk

perniagaan mereka. Fakta ini disokong dan disahkan oleh pihak pengusaha terbabit hasil temu bual pihak Audit semasa lawatan Audit dijalankan.

1.4.7.2. Berdasarkan maklum balas JHEAINS pada 19 Julai 2013, pada ketika ini sijil halal dicetak di Bahagian Hub Halal, JAKIM Cyberjaya, Kuala Lumpur dan pihak Urusetia Pensijilan Halal JHEAINS hanya akan mengagihkan kepada pemohon sebaik sahaja menerima sijil berkenaan dengan menghubungi pemohon sama ada mengambil sendiri sijil tersebut atau dikirim melalui pos. Dalam perkara ini, pihak pengurusan Pensijilan Halal Malaysia bercadang supaya sijil halal dicetak di negeri masing-masing bagi mempercepatkan pengeluaran sijil supaya dapat diberikan dalam masa 14 hari.

Pada pendapat Audit, proses pengeluaran sijil halal adalah kurang memuaskan kerana daripada 348 kelulusan pensijilan, sebanyak 157 sijil halal telah lewat dikeluarkan oleh pihak JAKIM dan 35 sijil yang diterima lewat dikemukakan kepada pengusaha.

1.4.8. Pemantauan Dan Pematuhan Syarat Pensijilan

Klausula 7.4, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 menyatakan semua pengusaha yang telah mendapat Sijil Halal Malaysia hendaklah dipantau. Sekiranya terdapat sebarang ketidakakuruan syarat pensijilan yang serius, pengesahan halal boleh ditarik balik dan bagi kesalahan yang kecil, notis peringatan hendaklah diberi kepada pengusaha terbabit. Mengikut APD 2011, Menteri boleh melantik mana-mana orang sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan bagi menjalankan pemantauan terhadap pensijilan halal. Setakat ini, pemantauan terhadap pensijilan halal hanya dilaksanakan oleh Cawangan Pemantauan Dan Penguatkuasaan di Bahagian Hub Halal Ibu Pejabat JAKIM. Seramai 37 pegawai daripada Bahagian ini telah dilantik oleh Menteri sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan di bawah akta berkenaan. Pemantauan yang dijalankan adalah mengikut ketetapan dalam Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011.

1.4.8.1. Pemantauan Terhadap Premis Yang Diberi Pensijilan Halal

- a. Semakan Audit terhadap rekod pemantauan yang dilaksanakan oleh pihak JAKIM mendapati, setakat tahun 2012, sebanyak 10 premis di daerah Tawau telah dipantau. Hasil pemantauan tersebut, pihak JAKIM telah mengeluarkan laporan ketidakakuruan kepada 5 premis yang tidak mematuhi syarat Pensijilan Halal Malaysia. Dua premis lagi telah disyorkan kepada Jawatankuasa MGI supaya sijil pengesahan halal digantung kerana melakukan kesalahan yang serius. Sementara itu, 3 premis lain telah mematuhi syarat pensijilan. Semakan Audit selanjutnya mendapati, ketidakakuruan dan kesalahan serius yang dilakukan adalah seperti penggunaan bahan mentah tidak halal, haiwan peliharaan (anjing) dalam kawasan premis dan pekerja tidak mempunyai sijil kesihatan. Keadaan ini disebabkan pihak pengusaha kurang peka mengenai syarat dan peraturan pensijilan halal yang ditetapkan. Oleh

itu, pemantauan yang berterusan adalah perlu bagi memastikan pengusaha sentiasa mematuhi syarat pensijilan agar keyakinan pengguna terhadap pensijilan halal tidak diragui dan dipertikaikan.

- b. **Berdasarkan maklum balas JHEAINS pada 19 Julai 2013, pihak JHEAINS akan membuat jadual lawatan seberapa kerap bagi memastikan semua premis yang telah dipersijilkan sentiasa mematuhi syarat-syarat Pensijilan Halal.**

1.4.8.2. Pematuhan Terhadap Syarat Pensijilan Halal

- a. Manual Prosedur Pensijilan Halal menetapkan beberapa syarat umum dan khusus mengikut kategori premis yang perlu dipatuhi oleh pemegang sijil. Lawatan dan pemeriksaan Audit bersama pegawai JHEAINS telah dijalankan ke 35 premis yang mendapat pensijilan halal di daerah Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau pada bulan Julai hingga November 2012. Lawatan susulan juga telah dijalankan pada 8 Januari hingga 11 April 2013. Kategori premis yang dipilih meliputi rumah sembelih, premis makanan, produk makanan dan bahan gunaan. Tujuan pemeriksaan Audit adalah untuk memastikan premis terbabit telah mematuhi semua syarat pensijilan. Pemeriksaan Audit mendapati ketidakakururan seperti berikut:

i. Rumah sembelih

Manual Prosedur Pensijilan Halal menetapkan 31 syarat khusus yang perlu dipatuhi oleh pengusaha rumah sembelih antaranya haiwan yang disembelih, proses penyembelihan, pengendalian peralatan dan tenaga kerja. Selain itu, pengurusan rumah sembelih juga tertakluk kepada beberapa undang-undang yang berkaitan. Hasil pemeriksaan Audit di 10 buah rumah sembelih mendapati, beberapa syarat pensijilan tidak dipatuhi oleh pengusaha seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Syarat-syarat Pensijilan Halal Bagi Rumah Sembelih Yang Tidak Dipatuhi

Bil.	Ketidakakuran/Kesalahan	Bilangan Ketidakakuran			Jumlah
		KK	SDK	TWU	
1.	Haiwan yang tidak sempurna sembelihan (tidak halal) tidak dilabel dengan jelas seperti di Gambar 1.1 hingga Gambar 1.2 .	1	1	-	2
2.	Pisau digunakan untuk sembelihan tidak dibersihkan dengan air yang mengalir seperti di Gambar 1.3 hingga Gambar 1.4 .	1	2	-	3
3.	Takungan basuh kaki tidak diisi air semasa proses penyembelihan dilakukan seperti di Gambar 1.5 .	-	2	-	2
4.	Pekerja tidak memakai pakaian pelindung iaitu sarung tangan, penutup kepala dan penutup mulut seperti di Gambar 1.6 .	-	2	-	2
5.	Kebersihan kawasan pemprosesan tidak memuaskan seperti di Gambar 1.7 hingga Gambar 1.8 .	1	2	-	3
6.	Haiwan sembelihan diproses dan di kendali menggunakan air yang tidak bersih seperti di Gambar 1.9 .	-	1	-	1
7.	Premis dimasuki haiwan bukan peliharaan seperti di Gambar 1.10 .	-	1	-	1
8.	Saliran sisa buangan tidak berfungsi seperti di Gambar 1.11 hingga Gambar 1.12 .	-	3	1	4
9.	Kebersihan persekitaran premis tidak memuaskan seperti di Gambar 1.13 hingga Gambar 1.14 .	-	2	-	2
10.	Tiada Jawatankuasa Audit Halal Dalaman ditubuhkan bagi kategori premis besar dan sederhana.	2	-	-	2
11.	Penyembelih tidak mempunyai Sijil Penyembelih dan tauliah penyembelihan.	1	-	-	1

Sumber: Jabatan Audit Negara

*Nota: KK – Kota Kinabalu

SDK – Sandakan

TWU – Tawau

Gambar 1.1



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Rumah Sembelihan Ayam, Kota Kinabalu
 Tarikh: 9 April 2013

Gambar 1.2



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Rumah Sembelihan Ayam, Sandakan
 Tarikh: 30 Oktober 2012

Gambar 1.3
Pisau Penyembelihan Tidak Dibersihkan Menggunakan Air Yang Mengalir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Sembelihan Ayam, Sandakan
Tarikh: 30 Oktober 2012

Gambar 1.5
Takungan Basuh Kaki Tidak Diisi Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Sembelihan Ayam, Sandakan
Tarikh: 30 Oktober 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Sembelihan Ayam, Kota Kinabalu
Tarikh: 10 April 2013

Gambar 1.6
**Pekerja Tidak Memakai Pakaian Pelindung
(sarung tangan, penutup kepala dan
penutup mulut)**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Sembelihan Ayam, Sandakan
Tarikh: 30 Oktober 2012

Gambar 1.7
Kawasan Pemprosesan Tidak Bersih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Sembelihan Ayam, Sandakan
Tarikh: 1 November 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Sembelihan Ayam, Sandakan
Tarikh: 30 Oktober 2012

Gambar 1.9
Pemprosesan Haiwan Sembelihan
Menggunakan Air Tidak Bersih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Sembelihan Ayam, Sandakan
Tarikh: 30 Oktober 2012

Gambar 1.10
Premis Dimasuki Haiwan Bukan
Peliharaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Sembelihan Ayam, Sandakan
Tarikh: 1 November 2012

Gambar 1.11
Saliran Sisa Buangan Tidak Berfungsi




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Sembelihan Ayam, Sandakan
Tarikh: 30 Oktober 2012

Gambar 1.12



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Sembelihan Ayam, Sandakan
Tarikh: 30 Oktober 2012

Gambar 1.13
Kebersihan Persekutuan Premis Tidak Memuaskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Sembelihan Ayam, Sandakan
Tarikh: 1 November 2012

Gambar 1.14



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Sembelihan Ayam, Sandakan
Tarikh: 30 Oktober 2012

ii. Premis Makanan

Sebanyak 15 syarat khusus yang ditetapkan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal kepada pengusaha premis makanan adalah melibatkan sumber bahan mentah/ramuan makanan dan tenaga kerja Muslim. Selain itu, pengusaha juga perlu memastikan premis makanan diurus mengikut undang-undang lain terutama berkaitan penyediaan dan pengendalian makanan. Hasil pemeriksaan Audit mendapati, 5 pengusaha daripada 12 premis makanan yang dilawat tidak mematuhi syarat yang ditetapkan seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9

Syarat-Syarat Pensijilan Halal Bagi Premis Makanan Yang Tidak Dipatuhi

Bil.	Ketidakakururan/Kesalahan	Bilangan Ketidakakururan			Jumlah
		KK	SDK	TWU	
1.	Bahan ramuan tiada logo halal seperti di Gambar 1.15 hingga Gambar 1.16 .	2	1	3	6
2.	Logo halal bahan ramuan dari badan Islam yang tidak diiktiraf seperti di Gambar 1.17 hingga Gambar 1.18 .	-	2	2	4
3.	Kebersihan tempat pengendalian makanan tidak memuaskan seperti di Gambar 1.19 .	-	-	1	1
4.	Peralatan untuk hidangan tidak halal tidak diasingkan seperti di Gambar 1.20 .	-	-	2	2
5.	Bahan mentah tidak disusun dengan teratur di dalam stor penyimpanan seperti di Gambar 1.21 .	-	-	1	1
6.	Minuman tidak halal tidak dihidang di ruang berasingan seperti di Gambar 1.22 .	-	-	1	1
7.	Pekerja tidak mendapatkan suntikan Anti-Typhoid.	-	-	7	7

Sumber: Jabatan Audit Negara

*Nota: KK – Kota Kinabalu

SDK – Sandakan

TWU – Tawau

Gambar 1.15



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 4, Jalan Utara, Sandakan
Tarikh: 30 Oktober 2012


Bahan Ramuan Tiada Logo Halal

Gambar 1.16



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sabindo Square, Tawau
Tarikh: 30 Januari 2013

Gambar 1.17
Logo Halal Bahan Ramuan Tidak Diiktiraf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Mabul, Semporna, Tawau
Tarikh: 31 Januari 2013

Gambar 1.19
Kebersihan Tempat Pengendalian Makanan Tidak Memuaskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sabindo Square, Tawau
Tarikh: 30 Januari 2013

Gambar 1.21
Stor Penyimpanan Bahan Mentah Tidak Disusun Dengan Teratur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sabindo Square, Tawau
Tarikh: 30 Januari 2013

Gambar 1.18



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 4, Jalan Utara, Sandakan
Tarikh: 30 Oktober 2012

Gambar 1.20
Penggunaan Peralatan Untuk Hidangan Tidak Halal Tidak Diasingkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Mabul, Semporna, Tawau
Tarikh: 31 Januari 2013

Gambar 1.22
Hidangan Minuman Tidak Halal Tidak Diasingkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Mabul, Semporna, Tawau
Tarikh: 31 Januari 2013

iii. Produk Makanan Dan Bahan Gunaan

Setiap pengusaha produk makanan dan bahan gunaan perlu memenuhi 34 syarat pensijilan khusus yang telah ditetapkan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal terutamanya yang melibatkan sumber bahan mentah, tenaga kerja, pembungkusan dan pelabelan. Produk yang dikeluarkan juga perlu menepati standard dan peraturan-peraturan lain mengenai pemprosesan, kebersihan dan keselamatan makanan. Pemeriksaan Audit terhadap 15 premis produk makanan mendapati, semua pengusaha telah melakukan beberapa ketidakakuruan seperti di **Jadual 1.10**.

Jadual 1.10
Syarat-Syarat Pensijilan Halal Bagi Produk Makanan Dan Bahan Gunaan Yang Tidak Dipatuhi

Bil.	Ketidakakuruan/Kesalahan	Bilangan Ketidakakuruan			Jumlah
		KK	SDK	TWU	
1.	Bahan ramuan tiada logo halal seperti di Gambar 1.23 hingga Gambar 1.24 .	2	1	-	3
2.	Pekerja tidak memakai pakaian pelindung iaitu penutup kepala, apron dan penutup mulut seperti di Gambar 1.25 hingga Gambar 1.26 .	2	2	-	4
3.	Pakaian pekerja tidak sesuai kerana memakai seluar pendek dan selipar ketika pemprosesan makanan seperti di Gambar 1.27 .	2	1	-	3
4.	Kebersihan lantai kawasan pemprosesan tidak memuaskan seperti di Gambar 1.28 .	1	1	-	2
5.	Stor penyimpanan bahan mentah bercampur dengan bahan kimia beracun seperti di Gambar 1.29 hingga Gambar 1.30 .	1	-	-	1
6.	Bahan ramuan tidak ditutup dan terdedah kepada pencemaran seperti di Gambar 1.31 .	-	1	-	1
7.	Alat penyembahan berada dalam premis berdekatan kawasan produk siap seperti di Gambar 1.32 .	1	-	-	1
8.	Produk siap dicemari serangan makhluk perosak seperti di Gambar 1.33 .	-	1	-	1
9.	Produk siap tidak dibungkus sewajarnya dan diletakkan secara langsung di atas lantai stor penyimpanan seperti di Gambar 1.34 .	-	1	-	1
10.	Stor penyimpanan produk siap dicemari sampah dan makanan rosak seperti di Gambar 1.35 .	-	1	-	1
11.	Bahan mentah diletakkan secara langsung atas lantai seperti di Gambar 1.36 .	1	-	-	1
12.	Produk siap digoreng dikeringkan atas kertas kotak seperti di Gambar 1.37 .	-	1	-	1
13.	Bahan mentah disimpan bersama peralatan lain seperti di Gambar 1.38 hingga Gambar 1.39 .	1	1	-	2
14.	Susun atur peralatan dan barang dalam premis berselerak dan tidak selamat seperti di Gambar 1.40 .	-	1	-	1
15.	Sijil dan logo halal tamat tempoh masih dipamerkan seperti di Gambar 1.41 .	1	-	-	1

Sumber: Jabatan Audit Negara

*Nota: KK – Kota Kinabalu

SDK – Sandakan

TWU – Tawau

Gambar 1.23

Bahan Ramuan Tiada Logo Halal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lok Kawi Industrial Estate, Kota Kinabalu
Tarikh: 10 April 2013

Gambar 1.24



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Labuk, Sandakan
Tarikh: 31 Oktober 2012

Gambar 1.25

Pekerja Tidak Memakai Pakaian Pelindung
(sarung tangan, apron, penutup kepala, penutup mulut)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Labuk, Sandakan
Tarikh: 31 Oktober 2012

Gambar 1.26

Pekerja Tidak Memakai Pakaian Pelindung
(sarung tangan, apron, penutup kepala, penutup mulut)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: BDC Batu 1 1/2 Jalan Utara, Sandakan
Tarikh: 31 Oktober 2012

Gambar 1.27

Pakaian Pekerja Tidak Sesuai
(Memakai Seluar Pendek Dan Selipar
Ketika Memproses Makanan)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: BDC, Batu 1 1/2 Jalan Utara, Sandakan
Tarikh: 31 Oktober 2012

Gambar 1.28

Kebersihan Lantai
Kawasan Pemprosesan Tidak
Memuaskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lok Kawi Industrial Estate, Kota Kinabalu
Tarikh: 10 April 2013

Gambar 1.29
Stor Penyimpanan Bahan Mentah Bercampur Dengan Bahan Kimia Beracun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lok Kawi, Kota Kinabalu
Tarikh: 20 Februari 2013

Gambar 1.31
Bahan Ramuan Tidak Ditutup Dan Terdedah Kepada Pencemaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Labuk, Sandakan
Tarikh: 31 Oktober 2012

Gambar 1.30
Alat Penyembahan Berada Dalam Kawasan Premis



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lok Kawi, Kota Kinabalu
Tarikh: 20 Februari 2013

Gambar 1.32
Alat Penyembahan Berada Dalam Kawasan Premis



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Penampang, Kota Kinabalu
Tarikh: 16 Julai 2012

Gambar 1.33
Produk Siap Dicemari Serangan Makhluk Perosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 1 1/2 Jalan Utara, Sandakan
Tarikh: 1 November 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu 1 1/2 Jalan Utara, Sandakan
Tarikh: 1 November 2012

Gambar 1.34
Stor Penyimpanan Produk Siap Dicemari Sampah Dan Makanan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: BDC, Batu 1^{1/2} Jalan Utara, Sandakan
Tarikh: 31 Oktober 2012

Gambar 1.36
Bahan Mentah Diletakkan Secara Langsung Atas Lantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Penampang, Kota Kinabalu
Tarikh: 16 Julai 2012

Gambar 1.35
Produk Siap Tidak Dibungkus Sewajarnya Dan Diletakkan Secara Langsung Di Atas Lantai Stor Penyimpanan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: BDC, Batu 1^{1/2} Jalan Utara, Sandakan
Tarikh: 31 Oktober 2012

Gambar 1.37
Makanan Siap Digoreng Diletakkan Atas Meja Beralaskan Kertas Kotak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: BDC, Batu 1^{1/2} Jalan Utara, Sandakan
Tarikh: 31 Oktober 2012

Gambar 1.38
Bahan Mentah Disimpan Bersama Peralatan Lain



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Penampang, Kota Kinabalu
Tarikh: 16 Julai 2012

Gambar 1.39
Bahan Mentah Disimpan Bersama Peralatan Lain



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Labuk, Sandakan
Tarikh: 31 Oktober 2012

Gambar 1.40
Susun Atur Peralatan Dan Barang Dalam Premis Berselerak Dan Tidak Selamat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Labuk, Sandakan
Tarikh: 31 Oktober 2012

Gambar 1.41
Sijil Dan Logo Halal Tamat Tempoh Masih Dipamer



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Beringis, Papar, Kota Kinabalu
Tarikh: 11 April 2013

- b. Kegagalan pengusaha mematuhi syarat pensijilan dan peraturan berkaitan adalah disebabkan pengusaha kurang peka mengenai syarat dan peraturan pensijilan halal secara menyeluruh. Perkara ini boleh menjelaskan kepentingan pengguna terutama umat Islam dan standard pensijilan halal boleh dipertikaikan.
- c. **Berdasarkan maklum balas JHEAINS pada 19 Julai 2013, pihak JHEAINS akan membuat jadual lawatan seberapa kerap bagi memastikan semua premis yang telah dipersijilkan sentiasa mematuhi syarat-syarat Pensijilan Halal.**

1.4.8.3. Pemantauan Terhadap Penyalahgunaan Logo Halal Dan Penandaan Mengelirukan

- a. Dengan berkuat kuasanya Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Seksyen 29, Akta Perihal Dagangan 2011 untuk makanan dan barang-barang bermula 1 Januari 2012, JAKIM dan JHEAINS mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan kepada mana-mana syarikat pengeluar dan pengedar makanan atau barang-barang yang masih menggunakan logo dan ungkapan halal selain logo halal Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM. Melalui perintah ini, logo halal dan ungkapan halal seperti 'ditanggung halal', 'makanan orang Islam', 'bufet Ramadhan' dan lain-lain lambang Islam yang boleh mengelirukan dan memperdayakan orang Islam adalah dilarang.
- b. Bagi menilai pelaksanaan pemantauan terhadap perkara ini, beberapa lawatan dan susulan Audit telah dibuat pada 30 Oktober hingga 1 November 2012 mendapat, masih terdapat pengusaha premis yang ingkar terhadap peruntukan perundangan tersebut seperti yang ditunjukkan di **Gambar 1.42** hingga **Gambar 1.44**. Hasil temu bual yang dijalankan dengan pengusaha terbabit mendapat, ianya disebabkan mereka tidak mengetahui mengenai peraturan tersebut. Selain itu, pelaksanaan penguatkuasaan APD 2011 belum dilaksanakan sepenuhnya dan hanya berkuat

kuasa pada 1 Januari 2013. Ketidakpatuhan kepada perundangan dan pemantauan yang belum dilaksanakan menyebabkan terdapat pengusaha telah menyalahgunakan pemakaian logo halal dan penandaan yang mengelirukan kepada pengguna dan orang awam. Penyalahgunaan logo halal dan penandaan yang mengelirukan juga akan memperdaya pengguna terutamanya umat Islam yang kurang arif.

Gambar 1.42

Penandaan Halal Yang Mengelirukan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sandakan
Tarikh: 30 Oktober 2012

Gambar 1.43

Penandaan Halal Yang Mengelirukan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kota Kinabalu
Tarikh: 1 November 2012



Gambar 1.44

Penandaan Halal Yang Mengelirukan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sandakan
Tarikh: 1 November 2012

- c. Berdasarkan maklum balas JHEAINS pada 19 Julai 2013, semua pelanggaran syarat tersebut akan dikemukakan kepada KPDNKK untuk tindakan selanjutnya sebaik sahaja ianya disedari berlaku.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan pematuhan terhadap syarat pensijilan adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat beberapa pengusaha premis yang ingkar terhadap perkara ini.

1.4.9. Penguatkuasaan Terhadap Pensijilan Halal

- 1.4.9.1. Terdapat 3 agensi yang terlibat secara langsung dalam menguatkuasakan perundangan dan peraturan mengenai pensijilan halal. Agensi tersebut ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), JAKIM dan

JHEAINS. Peruntukan perundangan dan peraturan yang diguna pakai oleh agensi tersebut adalah seperti di **Jadual 1.11**.

Jadual 1.11

Senarai Agensi Dan Perundangan/Peraturan Yang Diguna pakai

Bil.	Nama Agensi	Perundangan/Peraturan Diguna pakai
1.	KPDKKK	<ul style="list-style-type: none"> • Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) • Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal 2011) • Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal 2011) • Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan Dan Penandaan Halal 2011)
2.	JAKIM	<ul style="list-style-type: none"> • Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) • Perintah dan Peraturan Perihal Dagangan Berkaitan Halal yang dikeluarkan oleh KPDKKK • Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bilangan 2 Tahun 2012
3.	JHEAINS	<ul style="list-style-type: none"> • Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) • Perintah dan Peraturan Perihal Dagangan Berkaitan Halal yang dikeluarkan oleh KPDKKK • Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bilangan 2 Tahun 2012 • Enakmen MUIS 2004

Sumber: KPDKKK, JAKIM dan JHEAINS

1.4.9.2. Mengikut seksyen 29 APD 2011, jika sabit kesalahan denda boleh dikenakan kepada premis dan mana-mana orang yang melanggar peruntukan dalam akta seperti berikut:

- Jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi RM200,000 dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM500,000 atau;
- Jika orang itu bukan suatu pertubuhan atau perbadanan didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

1.4.9.3. Penguatkuasaan APD 2011 Ditangguhkan

- Mengikut Bahagian VII APD 2011, penguatkuasaan boleh dilaksanakan terhadap premis/mana-mana orang yang tidak mematuhi syarat pensijilan dan melanggar undang-undang dalam akta ini. Penguatkuasaan ini dilaksanakan oleh Pengawal, Timbalan Pengawal dan Penolong Pengawal Perihal Dagangan yang dilantik oleh Menteri. Antara tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil ialah kuasa menangkap, menyita, melucut hak barang, mengkompaun dan mendakwa kes ke mahkamah.

- b. Semakan Audit terhadap rekod pendakwaan KPDNKK Negeri Sabah mendapati, tiada kes pendakwaan dibuat pada tahun 2010 dan 2011. Ini disebabkan terdapat kelonggaran peruntukan undang-undang lama iaitu Akta Perihal Dagangan 1972. Ekoran kelonggaran tersebut, pihak Kerajaan telah menggubal undang-undang baru iaitu Akta Perihal Dagangan 2011 dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2012. Semakan Audit selanjutnya mendapati, pada tahun 2012 juga tiada kes pendakwaan dibuat mengikut akta baru kerana penguatkuasaannya telah ditangguhkan pemakaianya selama setahun oleh pihak Kerajaan dan akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2013. Penangguhan tersebut bertujuan memberi peluang dan ruang kepada pengusaha dan orang awam memahami kehendak akta tersebut. Hasil temu bual Audit dengan pihak KPDNKK Negeri Sabah, dimaklumkan perancangan dan pelaksanaan sedang dibuat dan akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2013. Keadaan ini menyebabkan penguatkuasaan terhadap APD 2011 tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh tersebut.

1.4.9.4. Pegawai Penguatkuasa JHEAINS Tidak Dilantik

- a. Mengikut Seksyen 3, Akta Perihal Dagangan 2011, Menteri boleh melantik Pengawal, Timbalan Pengawal dan Penolong Pengawal Perihal Dagangan untuk menguatkuasakan akta tersebut. Terdapat seramai 37 orang pegawai dari JAKIM yang telah pun dilantik sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan melalui Warta Kerajaan bil.PU(B)265 bertarikh 10 Jun 2010 bagi maksud tersebut. Manakala pihak JHEAINS juga telah mengemukakan senarai nama seramai 22 orang pegawai kepada KPDNKK pada bulan Mac 2012 untuk dilantik sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan oleh Menteri.
- b. Semakan Audit mendapati, hingga kini, pelantikan tersebut masih belum dibuat. Pihak Audit juga mendapati, pegawai terbabit telah menjalankan pemeriksaan dan pemantauan terhadap premis yang dipersijilkan dan premis lain berdasarkan aduan awam yang diterima. Hasil temu bual dengan pihak JHEAINS menyatakan bahawa kelewatan ini disebabkan pihak KPDNKK masih lagi dalam proses penyemakan sebelum dikemukakan kepada Menteri. Keadaan ini menyebabkan pegawai JHEAINS yang melaksanakan tanggungjawab pemeriksaan dan pemantauan bagi menguatkuasakan kehendak akta terhadap premis berkenaan, tidak diberi kuasa yang sewajarnya.
- c. **Berdasarkan maklum balas JHEAINS pada 19 Julai 2013, pihak JHEAINS telah mengemukakan nama seramai 15 orang pegawai JHEAINS untuk dilantik sebagai Penolong Penguatkuasa bagi menguatkuasakan penyalahgunaan Sijil Halal Malaysia termasuk juga yang mengelirukan.**

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan terhadap pensijilan halal adalah kurang memuaskan kerana penguatkuasaan masih belum dapat dilakukan berikutan penangguhan penguatkuasaan APD 2011 dan pegawai penguatkuasa masih belum dilantik.

1.4.10. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia Tidak Diperakui

1.4.10.1. Seksyen 82, Enakmen MUIS 2004 menyatakan semua peraturan dan tatacara yang hendak dilaksanakan hendaklah diperakui oleh Majlis Tertinggi MUIS dan diwartakan. Semakan Audit terhadap Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 yang digunakan mendapati, manual tersebut masih belum diperakui oleh MTM. Ini disebabkan pihak JHEAINS masih belum menyediakan kertas cadangan mengenai perkara tersebut. Keadaan ini mengakibatkan pewartaan tidak dapat dilaksanakan dan pemakaian manual tersebut adalah tidak sah dari segi perundangan dan boleh dipertikaikan.

1.4.10.2. Berdasarkan maklum balas JHEAINS pada 19 Julai 2013, pihak JHEAINS akan menyediakan kertas cadangan kepada MTM bagi menggunakan pakai Manual dan Akta Perihal Dagangan 2011 bagi tujuan pengurusan pensijilan Halal Malaysia Negeri Sabah termasuk pewartaan kadar bayaran (fi).

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pensijilan halal dengan menggunakan pakai Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2011 adalah tidak sah dari segi perundangan dan perlu diwartakan.

1.4.11. Promosi Dan Hebahan

1.4.11.1. Semua agensi dan perbadanan yang berkaitan Pensijilan Halal Malaysia seperti JAKIM, JAIN, KPDKKK, MARDI dan HDC adalah bertanggungjawab terhadap aktiviti promosi dan hebahan mengenai perkara ini. Bagi pihak JHEAINS, tanggungjawab ini dinyatakan dalam seksyen 7(2)(k), Enakmen MUIS 2004 iaitu membantu umat Islam memilih makanan dan bahan gunaan yang bukan sahaja halal dari hukum syarak tetapi suci dan bersih dari bahan atau persekitaran yang membahayakan kesihatan. Tanggungjawab ini dilaksanakan oleh Bahagian Sebaran Am, JHEAINS dan dibantu oleh Unit Pengurusan Halal Negeri Sabah. Ianya menjadi begitu penting sekali apabila akta baru, APD 2011 dikuatkuasakan dan penggunaan sistem e-Halal untuk tujuan permohonan dan pensijilan diperkenalkan pada tahun 2012. Antara promosi dan hebahan yang dilaksanakan adalah melalui seminar, bengkel, kursus dan pemakluman melalui media massa. Semua agensi termasuk JHEAINS juga telah menyediakan laman web mengenai pensijilan halal yang perlu dikemas kini dari semasa ke semasa.

a. Direktori Halal Tidak Lengkap Dan Kemas Kini

- i. Pihak JAKIM dan JHEAINS ada menyediakan laman web berkaitan pensijilan halal Malaysia. Laman web tersebut antara lain mengandungi maklumat latar belakang pengurusan pensijilan halal Malaysia, senarai premis yang telah diberi sijil halal dan produk serta bahan gunaan yang telah diperakui halal. Laman web JAKIM dikenali sebagai ‘Hub Halal JAKIM’ dan bagi JHEAINS pula dikenali sebagai ‘Halal Sabah’.
- ii. Semakan Audit terhadap laman web ‘Halal Sabah’ mendapati, maklumat pensijilan halal tidak lengkap dan kemas kini. Tarikh terakhir maklumat dan data laman web tersebut dikemas kini ialah pada 4 Ogos 2008. Antara maklumat yang masih belum dikemaskini ialah senarai premis baru dan pembaharuan pensijilan. Sebagai contoh, semua premis dan produk serta bahan gunaan yang telah dipersijilkan pada tahun 2012 masih belum dimasukkan dalam laman web terbabit. Ini disebabkan tiada pegawai yang diberi tanggungjawab untuk mengemas kini maklumat dalam laman web. Keadaan ini mengakibatkan maklumat diberi dan diterima oleh orang awam adalah tidak tepat dan boleh mengelirukan.

b. Promosi dan Hebahan Pensijilan Halal Tidak Menyeluruh

- i. Pihak JHEAINS dengan kerjasama lain-lain agensi yang berkaitan bertanggungjawab melaksanakan pelbagai aktiviti promosi dan hebahan. Antara aktiviti terbabit ialah penganjuran seminar dan bengkel pensijilan halal, pameran produk halal dan hebahan mengenai pensijilan halal melalui semua saluran media. Aktiviti ini menjadi keutamaan berikutan pemakaian perundangan baru iaitu APD 2011 dan pengenalan sistem e-Halal.
- ii. Semakan Audit mendapati, pada tahun 2010 hingga 2012 pihak JHEAINS telah menganjur dan mengadakan 10 kali seminar dan bengkel serta pameran produk dan barang gunaan halal di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Bagaimanapun, daripada temu bual Audit dengan pihak pengusaha premis yang dilawati mendapati, 3 pengusaha dari Kota Kinabalu, 2 pengusaha di Sandakan dan seorang pengusaha di Tawau mengatakan mereka kurang arif dan kurang diberi pendedahan maklumat mengenai pensijilan halal Malaysia. Temu bual dengan orang awam juga mendapati, ada yang kurang arif dan tidak mengetahui aktiviti promosi yang dijalankan. Ini disebabkan kempen yang dijalankan tidak menyeluruh dan hebahan tidak sampai kepada golongan sasar. Kempen promosi yang tidak menyeluruh dan hebahan tidak dikeluarkan menyebabkan kebanyakan pemohon dan orang awam tidak mendapat maklumat yang sewajarnya serta kurang faham tentang sistem pensijilan halal yang baru dilaksanakan.

1.4.11.2. Berdasarkan maklum balas JHEAINS pada 19 Julai 2013, pihak JHEAINS akan sentiasa mengadakan hebahan kepada orang awam mengenai penggunaan produk halal dan juga kepentingan Pensijilan Halal. Sementara itu, laman wen direktori halal sedang dikemaskini bersama dengan Bahagian Hub Halal, JAKIM.


Pada pendapat Audit, pelaksanaan promosi dan hebahan mengenai pensijilan halal adalah memuaskan. Bagaimanapun, aktiviti yang dilaksanakan perlu dipertingkatkan lagi agar golongan sasar memperolehi maklumat yang tepat dan jelas.

1.4.12. Maklum Balas Awam

1.4.12.1. Pihak Audit telah mendapatkan maklum balas dari orang awam melalui edaran borang soal selidik mengenai Pensijilan Halal Malaysia. Tujuan maklum balas adalah untuk menilai tahap kesedaran mengenai kepentingan dan kelebihan pensijilan halal, maklumat premis dan produk serta bahan gunaan yang dipersijilkan. Sebanyak 150 borang soal selidik telah diedarkan kepada orang awam di 3 daerah iaitu Daerah Sandakan, Tawau dan Kota Kinabalu. Dari jumlah tersebut, sebanyak 145 responden telah memberi maklum balas bersetuju terhadap Pensijilan Halal Malaysia yang dilaksanakan ketika ini. Butiran lanjut hasil maklum balas yang diterima adalah seperti di **Carta 1.4** dan **Carta 1.5**.


- a. Analisis Audit terhadap maklum balas seperti pada **Carta 1.4** mendapati, 85% responden bersetuju pensijilan halal Malaysia ini dilaksanakan kerana ianya melibatkan kepentingan orang awam terutama bagi orang Islam. Sebanyak 10% responden tidak setuju kerana ianya menghalang kebebasan pengguna dan orang awam. Manakala 5% responden lagi bersikap berkecuali terhadap perkara ini.

Carta 1.4
Pendapat Responden Terhadap Kepentingan Dan Kelebihan Pensijilan Halal Malaysia



Sumber: Jabatan Audit Negara

- b. Analisis Audit terhadap tahap kesedaran responden tentang kewujudan premis, produk dan bahan gunaan yang dipersijilkan di pasaran sepetimana di **Carta 1.5** mendapati, sebanyak 66% responden telah menyatakan mereka mengetahui tentang kewujudan perkara tersebut. Manakala 34% responden lagi memaklumkan mereka tidak menyedari mengenai kewujudan premis, produk dan bahan gunaan yang telah dipersijilkan. Analisis Audit juga mendapati, responden telah mengesyorkan agar maklumat mengenai premis, produk dan bahan gunaan yang dipersijilkan dikemas kini dan diperluaskan melalui semua saluran komunikasi dan sebaran am.



Sumber: Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, berdasarkan maklum balas responden pengurusan dan pelaksanaan Pensijilan Halal Malaysia adalah memuaskan. Bagaimanapun, maklumat mengenai perkara ini perlu diperluaskan lagi kepada umum.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan pensijilan halal ini dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan, Jabatan Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) disyorkan mengambil langkah-langkah penambahbaikan berikut:

1.5.1. JHEAINS hendaklah mengkaji semula prosedur pengeluaran pensijilan halal termasuk keahlian Jawatankuasa Panel Pengesahan MGI merangkumi aspek komitmen dan bilangan keahlian mesyuarat supaya sijil dapat dikeluarkan dan dikemukakan kepada pengusaha dengan kadar segera.

1.5.2. JHEAINS hendaklah mewujudkan Bahagian Pensijilan Halal termasuk di peringkat daerah dan melantik Pegawai Teknologi Makanan bagi melicinkan urusan permohonan pensijilan.

1.5.3. JHEAINS dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) hendaklah mengambil tindakan mewartakan pemakaian Manual Prosedur Pensijilan Halal yang diguna pakai dan kadar fi yang dikenakan.

1.5.4. JHEAINS hendaklah mengambil tindakan yang tegas berdasarkan peruntukan undang-undang kepada pengusaha dan mana-mana orang yang tidak mematuhi syarat dan perundangan APD 2011 serta memastikan pegawai penguatkuasa dilantik dengan segera.

1.5.5. JHEAINS hendaklah mempertingkatkan lagi aktiviti promosi dan hebahan kepada pengusaha, orang awam, penjawat awam dan generasi muda di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi.

1.5.6. JHEAINS/MUIS hendaklah memberi tanggungjawab kepada pegawai yang mengurus Tabung MGI termasuk menyediakan penyata kewangan tahunan dan anggaran belanjawan.

JABATAN KERJA RAYA

2. PENGURUSAN PEMBINAAN PROJEK PEMBETUNGAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Sistem pembetungan memainkan peranan penting bagi memastikan air kumbahan dirawat sebelum dialirkan ke sistem perparitan, sungai atau laut. Ia boleh membantu memelihara kualiti sumber air dengan mewujudkan persekitaran yang bersih dan selamat. Mengikut Seksyen 111 dan 112(1), Ordinan Kesihatan Awam 1960, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan sistem pembetungan termasuk kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan bagi memastikan sistem pembetungan berfungsi dengan baik. Bagaimanapun, memandangkan PBT tidak mempunyai kepakaran teknikal yang mencukupi bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut, Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah (JKR) telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan pembetungan dan melaksanakan tugas penyenggaraan serta pembaikan bagi pihak PBT. Tanggungjawab tersebut dinyatakan melalui *The Public Health (Supply of Sewerage Services) Order 1961* yang dikeluarkan mengikut kuasa di bawah Seksyen 113(2), Ordinan Kesihatan Awam 1960. Bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut, JKR telah menujuhan Cawangan Pembetungan yang bertanggungjawab untuk merancang, merekabentuk dan melaksanakan sistem pembetungan.

2.1.2. Terdapat 3 jenis sistem pembetungan di Negeri Sabah iaitu sistem berdasarkan tangki septik, sistem kolam pengoksidan dan sistem loji rawatan kumbahan mekanikal [*Sewerage Treatment Plant (STP)*]. Pada masa ini, projek pembetungan yang dirancang dan dilaksanakan JKR adalah menggunakan sistem IDEA (*Intermittently Decanted Extended Aeration*) iaitu merupakan salah satu jenis sistem loji rawatan kumbahan mekanikal. Sistem rawatan melalui beberapa proses iaitu pengudaraan, pemendapan dan pembuangan. Proses pengudaraan bertujuan mengurangkan bahan organik dan mengasingkan pencemar utama iaitu *Biological Oxygen Demand (BOD)* dan *Suspended Solids (SS)*. Oksigen dibekalkan daripada alat pengudaraan iaitu *compressors* atau *blowers*. Bakteria yang terdapat di dalam air kumbahan menggunakan oksigen untuk hidup dan memakan bahan organik serta memecahkannya untuk meningkatkan kualiti efluen. Seterusnya, proses pemendapan adalah bagi menyingkirkan pepejal terapung dan bahan organik serta menghapuskan organisma penyebab penyakit sebelum efluen (air kumbahan terawat) disalurkan ke sistem saliran. Sistem ini mampu menghasilkan kualiti efluen yang lebih baik dan memenuhi standard A yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan *Environmental Quality (Sewage and Industrial Effluents) Regulation 1979*.

2.1.3. Komponen utama projek pembetungan adalah STP, rumah pam dan saluran paip pembetungan. Proses rawatan yang melibatkan aktiviti pengudaraan, pemendapan dan pembuangan berlaku di STP. Antara komponen kecil yang terdapat di STP adalah bangunan pejabat dan makmal ujian efluen, penapis enap cemar, bangunan *Mechanical & Electrical*, bangunan mesin *filterpress* dan kuaters kakitangan. Paip pembetungan utama dibina bagi menyambungkan punca air kumbahan seperti kawasan perumahan, komersial dan industri dengan rumah pam serta STP.

2.1.4. Sebanyak 24 projek bernilai RM439.29 juta telah dilaksanakan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, di mana 14 projek dibiayai oleh Kerajaan Negeri bernilai RM136.08 juta dan 10 projek dibiayai melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan bernilai RM303.21 juta. Kesemua projek pembetungan ini adalah merupakan STP yang menggunakan sistem IDEA.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pembinaan projek pembetungan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.3.1. Skop pengauditan adalah merangkumi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pembinaan projek pembetungan yang dilaksanakan oleh JKR bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, maklumat sebelum tahun 2010 juga diperolehi di mana berkaitan. Tiga daripada 24 projek yang dilaksanakan bagi tempoh tersebut telah dipilih sebagai sampel untuk pengauditan terperinci iaitu Projek Skim Pembetungan Kota Belud Fasa 1, Projek Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1 dan Projek Skim Pembetungan Sipitang.

2.3.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen-dokumen yang berkaitan pembinaan projek pembetungan termasuk dokumen kajian awal, Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA), pemilihan kontraktor, dokumen kontrak, laporan kemajuan kerja, dokumen penyeliaan kerja kontraktor, dokumen tuntutan serta baucar pembayaran dan sebagainya. Selain itu, maklumat seperti status dan kapasiti sistem pembetungan sedia ada serta kapasiti keperluan sebenar telah diperolehi daripada PBT berkenaan. Temu bual dengan pegawai JKR dan pengedaran borang soal selidik telah dijalankan bagi mendapat maklum balas. Lawatan Audit juga telah dibuat terhadap 3 projek yang dipilih sebagai sampel Audit.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan pembinaan projek pembetungan oleh JKR telah dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2012 dan susulan Audit dijalankan pada bulan Februari 2013. Pada keseluruhannya, didapati pengurusan pembinaan projek pembetungan

JKR adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- projek tidak disiapkan mengikut jadual.
- kerja-kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi.
- kerja tidak dilaksanakan tetapi telah dibayar.
- kapasiti loji rawatan kumbahan tidak dapat menampung keperluan semasa.

2.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembetungan

2.4.1.1. Rekod JKR menunjukkan sebanyak 24 projek bernilai RM439.29 juta telah dilaksanakan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Projek-projek tersebut adalah terdiri daripada 14 projek yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri bernilai RM136.08 juta dan 10 projek yang dibiayai melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan bernilai RM303.21 juta. Sebanyak 10 daripada 24 projek yang dilaksanakan itu merupakan kajian dan penyediaan reka bentuk sistem pembetungan di 10 daerah yang terlibat. Kajian dan penyediaan reka bentuk tersebut dilaksanakan oleh 8 juruperunding yang dilantik oleh JKR. Manakala 14 projek yang lain merupakan kerja-kerja pembinaan projek pembetungan di mana 9 projek dilaksanakan mengikut kaedah *design and build*, satu projek mengikut kaedah *turnkey* dan 4 projek merupakan kontrak konvensional yang dikawal selia terus oleh JKR. Projek yang diluluskan perlu dilaksanakan dan disiapkan tanpa kelewatian supaya dapat digunakan secepat mungkin untuk faedah orang awam.

2.4.1.2. Semakan Audit mendapati setakat akhir Februari 2013, sebanyak 17 daripada 24 projek atau 70.8% yang melibatkan 8 projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan 9 projek yang dibiayai melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan telah disiapkan. Analisis Audit mendapati, sebanyak 10 daripada 17 projek telah disiapkan dalam tempoh kontrak asal manakala 7 projek lagi disiapkan dengan lanjutan masa [*Extension of Time (EOT)*] antara 181 hingga 914 hari. Bagi 7 projek yang masih dalam pelaksanaan pula, sebanyak 5 projek telah melewati tempoh kontrak asal yang ditetapkan dan telah mendapat EOT antara 60 hingga 1,645 hari dengan pencapaian kemajuan kerja antara 38.5% hingga 99.9%. Sebanyak 2 daripada 7 projek tersebut yang masih dalam pelaksanaan merupakan projek sambungan daripada Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) lagi iaitu projek Skim Pembetungan Kota Belud Fasa 1 dan Skim Pembetungan Sipitang yang masing-masing mula dilaksanakan pada tahun 2007 dan 2008. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.1** dan **Jadual 2.2**.

Jadual 2.1

Status Pelaksanaan Projek Pembetungan Antara Tahun 2010 Hingga 2012 Yang Dibiayai Oleh Kerajaan Negeri

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Tempoh Kontrak		EOT		Tarikh Siap Sebenar
			Mula	Siap	Bil. Hari EOT	Tarikh Akhir EOT	
1.	Skim Pembetungan Sipitang	24.80	03.10.08	02.10.10	195	15.04.11	-
2.	Kajian Dan Reka bentuk Skim Pembetungan Keningau	1.50	15.02.10	14.10.10	-	-	14.10.10
3.	Kajian Dan Reka bentuk Skim Pembetungan Beaufort	1.50	15.02.10	14.09.10	-	-	31.08.10
4.	Kajian Dan Reka bentuk Skim Pembetungan Kota Marudu	1.40	15.02.10	14.09.10	-	-	14.09.10
5.	Skim Pembetungan Kundasang	6.00	22.12.08	21.06.10	313	30.04.11	30.04.11
6.	Skim Pembetungan Kemabong	4.25	16.03.09	14.02.10	-	-	14.02.10
7.	Skim Pembetungan Pitas	4.25	31.01.08	30.07.09	316	11.06.10	11.02.10
8.	Kajian Dan Reka bentuk Skim Pembetungan Putatan	1.98	18.01.12	17.08.12	60	17.10.12	-
9.	Kajian Dan Reka bentuk Skim Pembetungan Tambunan	1.50	18.01.12	17.08.12	212	17.03.13	-
10.	Kajian Dan Reka bentuk Skim Pembetungan Beluran	1.40	16.08.12	22.03.13	-	-	-
11.	Skim Pembetungan Tawau Fasa 2 (Kontrak 1)	25.00	11.02.06	25.05.11	-	-	25.05.11
12.	Skim Pembetungan Tawau Fasa 2 (Kontrak 2)	48.50	07.09.10	06.03.12	240	01.11.12	01.11.12
13.	Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2	10.00	11.06.12	10.01.15	-	-	-
14.	Skim Pembetungan Papar (Pembaikan)	4.00	09.03.11	08.03.12	464	15.06.13	-
Jumlah		136.08					

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Jadual 2.2

Status Pelaksanaan Projek Pembetungan Antara Tahun 2010 Hingga 2012 Yang Dibiayai Oleh Pinjaman Kerajaan Persekutuan

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Tempoh Kontrak		EOT		Tarikh Siap Sebenar
			Mula	Siap	Bil. Hari EOT	Tarikh Akhir EOT	
1.	Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1	183.36	01.08.07	31.07.10	914	31.01.13	31.01.13
2.	Kerja-kerja Mempertingkat Dan Memperbaiki Sistem Tadahan Pembetungan Di Sandakan Utara Dan Kerja-kerja Berkaitan	20.25	04.07.08	03.07.10	181	31.12.10	31.12.10
3.	Kerja-kerja Mempertingkat Sistem Pembetungan BDC Sandakan Sedia Ada Dan Kerja-kerja Berkaitan	20.00	17.03.08	17.03.10	183	16.09.10	16.09.10
4.	Kajian Dan Rekabentuk Skim Pembetungan Sandakan Fasa 2 Kawasan Tadahan Barat Laut	2.00	15.02.10	14.12.10	-	-	14.12.10
5.	Skim Pembetungan Kota Belud Fasa 1	23.60	29.05.07	28.11.08	1,645	31.05.13	-
6.	Skim Pembetungan Kudat Fasa 1	30.00	19.07.07	14.11.10	-	-	12.11.10
7.	Skim Pembetungan Tamparuli	21.00	30.06.08	29.06.10	412	14.08.11	14.08.11
8.	Kajian Dan Rekabentuk Skim Pembetungan Lahad Datu Fasa 2	1.00	15.02.10	14.10.10	-	-	11.10.10
9.	Kajian Dan Rekabentuk Skim Pembetungan Ranau	1.00	15.02.10	14.09.10	-	-	14.09.10
10.	Kajian Dan Rekabentuk Skim Pembetungan Tenom	1.00	15.02.10	14.09.10	-	-	14.09.10
Jumlah		303.21					

Sumber: Jabatan Kerja Raya

2.4.1.3. Semakan Audit terhadap 3 projek yang dipilih iaitu Projek Skim Pembetungan Kota Belud Fasa 1, Projek Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1 dan Projek Skim Pembetungan Sipitang mendapati, antara sebab kelewatan menyiapkan projek berkenaan adalah masalah bantahan penduduk terhadap lokasi STP. Selain itu, projek juga tertangguh disebabkan perkara di luar kawalan Kontraktor seperti menunggu penyambungan bekalan elektrik daripada Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB). Kelewatan menyiapkan projek-projek ini menyebabkan masalah sistem pembetungan sedia ada belum dapat diselesaikan seperti STP yang tidak berfungsi dengan baik dan tidak dapat menampung kuantiti kumbahan yang semakin meningkat. Penjelasan lanjut mengenai perkara ini adalah seperti berikut:

a. Projek Skim Pembetungan Kota Belud Fasa 1

- i. Projek Skim Pembetungan Kota Belud Fasa 1 dilaksanakan oleh sebuah kontraktor tempatan dengan harga RM20.70 juta. Projek ini telah ditawarkan kepada Kontraktor secara rundingan terus dengan kelulusan Kementerian Kewangan Negeri. Mengikut kontrak, projek ini perlu disiapkan dalam tempoh 18 bulan bermula pada 29 Mei 2007 hingga 28 November 2008. Dua Arahan Perubahan Kerja dan satu Perubahan Harga (bahan binaan) telah diluluskan masing-masing berjumlah RM1.96 juta, RM0.30 juta dan RM0.64 juta menjadikan kos projek meningkat kepada RM23.60 juta. Berdasarkan semakan terhadap baucar bayaran terakhir bertarikh 10 Mei 2010, sejumlah RM22.69 juta telah dibayar kepada Kontraktor dengan pencapaian kemajuan kerja 98.8%. Sehingga tarikh pengauditan pada bulan Februari 2013, projek ini masih belum disiapkan sepenuhnya.
- ii. Pihak Audit mendapati, EOT selama 1,645 hari telah diluluskan bagi tempoh 29 November 2008 hingga 31 Mei 2013 melalui 13 Sijil EOT. Satu Sijil EOT selama 92 hari telah diluluskan bagi proses penyediaan laporan dan kelulusan EIA dan 12 Sijil EOT yang lain selama 1,553 hari diluluskan kerana pembinaan STP dan penyambungan paip pembetungan tidak dapat dilaksanakan antaranya masalah bantahan penduduk Kampung Kota Belud yang tidak bersetuju dengan lokasi STP kerana berhampiran dengan rumah mereka.
- iii. Kelewatan menyiapkan projek ini menyebabkan masalah sistem pembetungan di daerah Kota Belud belum dapat diselesaikan. **Mengikut maklum balas Majlis Daerah Kota Belud pada bulan Februari 2013, terdapat 30 sistem pembetungan sedia ada di daerah berkenaan yang terdiri daripada 5 STP dan 25 tangki septik.** Kesemua STP dan tangki septik tersebut tidak berfungsi dengan baik kerana komponen STP seperti pam dan *surface blower* mengalami kerosakan serta tangki septik tidak disenggara kerana **kekangan peruntukan kewangan.** Ini mengakibatkan air kumbahan dialirkan ke sistem perparitan tanpa menjalani rawatan yang sempurna. Kerosakan pam juga menyebabkan air melimpah daripada STP dan *manhole*. Contoh STP yang tidak berfungsi adalah seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**.



**Gambar 2.1
STP Yang Tidak Berfungsi**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: STP Centenary, Kota Belud
Tarikh: 6 Februari 2013

**Gambar 2.2
Air Kumbahan Melimpah Keluar Dari STP**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: STP Centenary, Kota Belud
Tarikh: 6 Februari 2013

iv. Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 10 Jun 2013, satu Jawatankuasa Khas Pembetungan Kota Belud bagi menangani masalah bantahan penduduk telah diwujudkan sejak Disember 2009 seperti disarankan di dalam Mesyuarat One Stop Agency (OSA) yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Jawatankuasa tersebut telah memutuskan untuk meneruskan kerja-kerja pembinaan bermula pada Jun 2013 dengan bantuan Polis DiRaja Malaysia.

b. Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1

i. Projek Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1 dilaksanakan oleh sebuah kontraktor tempatan mengikut kaedah *Design and Build (Turnkey)* dengan harga RM183.36 juta. Projek ini ditawarkan kepada Kontraktor secara rundingan terus dengan kelulusan Kementerian Kewangan Negeri. Setakat bulan Mac 2013, JKR telah membayar sejumlah RM180.01 juta kepada Kontraktor. Mengikut kontrak, projek hendaklah disiapkan dalam tempoh 3 tahun bermula daripada 1 Ogos 2007 hingga 31 Julai 2010.

- ii. Semakan Audit mendapati, projek ini telah disahkan siap pada 31 Januari 2013 selepas EOT selama 914 hari diluluskan bagi tempoh 1 Ogos 2010 hingga 31 Januari 2013 melalui 4 Sijil EOT. Antara sebab utama pemberian EOT adalah perubahan kaedah pemasangan paip pembetungan daripada *open-cut* kepada *pipe jacking* dan perubahan *alignment* pemasangan paip serta kerja tambahan untuk *unforeseen hard material*.

c. **Skim Pembetungan Sipitang**

- i. Projek Skim Pembetungan Sipitang dilaksanakan oleh sebuah kontraktor tempatan mengikut kaedah *Design and Build* dengan harga RM24.80 juta. Projek ini ditawarkan kepada Kontraktor secara rundingan terus dengan kelulusan Kementerian Kewangan Negeri. Mengikut kontrak, Projek Skim Pembetungan Sipitang hendaklah disiapkan dalam tempoh 24 bulan bermula pada 3 Oktober 2008 hingga 2 Oktober 2010. Bagaimanapun, EOT selama 195 hari sehingga 15 April 2011 telah diluluskan bertujuan untuk menunggu penyambungan bekalan elektrik oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. Setelah penyambungan dibuat pada bulan April 2011, ujian *Closed Circuit Television* (CCTV) yang dibuat oleh Kontraktor mendapati paip pembetungan utama mengalami kerosakan dan perlu disiapkan sebelum *testing and commissioning* keseluruhan projek dapat dilakukan dan Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan oleh JKR. Sehingga tarikh pengauditan pada bulan Februari 2013, kerosakan tersebut belum dibaiki oleh Kontraktor.
- ii. Berdasarkan semakan terhadap baucar bayaran terakhir bertarikh 12 Disember 2011, sejumlah RM24.78 juta telah dibayar kepada Kontraktor dengan pencapaian kemajuan kerja 99%. Kegagalan Kontraktor memohon lanjutan masa untuk pembaikan kerosakan paip pembetungan tersebut boleh menyebabkan *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) dikenakan terhadap kontraktor pada kadar RM4,452 sehari. Sehingga 10 Jun 2013 jumlah anggaran LAD mengikut perkiraan Audit adalah RM3.50 juta.
- iii. Kelewatan menyiapkan projek ini menyebabkan masalah sistem pembetungan di daerah Sipitang belum dapat diselesaikan. Mengikut maklum balas Majlis Daerah Sipitang, terdapat 15 sistem pembetungan sedia ada di daerah berkenaan yang terdiri daripada 5 STP dan 10 tangki septik. Kesemua 5 STP tersebut yang mana 2 daripadanya termasuk dalam skop kerja projek ini tidak berfungsi dengan baik mengakibatkan air kumbahan dialirkan ke sistem perparitan tanpa menjalani rawatan yang sempurna. Contoh STP yang tidak berfungsi adalah seperti di **Gambar 2.3**.



**Gambar 2.3
STP Yang Tidak Berfungsi**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: STP SUDC, Sipitang
Tarikh: 3 Oktober 2012

- iv. Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 10 Jun 2013, kelewatan kontraktor menyiapkan projek tersebut adalah disebabkan kekurangan air bersih daripada Jabatan Air Sipitang untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan paip sebelum kerja-kerja CCTV dapat dilaksanakan dan kekurangan kontraktor yang mempunyai peralatan dan kepakaran dalam membaik pulih kerosakan paip pembetung. Kontraktor telah mengemukakan permohonan lanjutan masa (EOT Nombor 2) dan JKR sedang meneliti permohonan tersebut berdasarkan justifikasi yang diberikan.

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan pengurusan pembinaan projek pembetungan adalah memuaskan kerana 17 daripada 24 projek yang diluluskan bagi tempoh 2010 hingga 2012 telah berjaya disiapkan. Bagaimanapun, perancangan yang teliti perlu dibuat di peringkat awal pelaksanaan projek seperti pemilihan tapak yang bebas daripada sebarang halangan bagi memastikan kerja-kerja pembinaan berjalan lancar dan projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

2.4.2. Kerja-kerja Pembinaan

2.4.2.1. Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja-kerja pembinaan mengikut rekabentuk dan spesifikasi kerja yang telah ditetapkan dalam kontrak. Kontraktor juga hendaklah memastikan kualiti bahan binaan, peralatan yang dibekalkan dan kerja yang dijalankan adalah baik dan mengikut piawaian yang ditetapkan. Pembayaran pula dibuat mengikut kemajuan kerja sebenar di tapak bina.

2.4.2.2. Pihak Audit telah menjalankan lawatan bersama Jurutera/Penolong Jurutera dari Cawangan Pembetungan, JKR terhadap Projek Skim Pembetungan Kota Belud Fasa 1, Projek Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1 dan Projek Skim Pembetungan Sipitang pada bulan September dan Oktober 2012 serta susulan lawatan Audit pada bulan Februari 2013. Tujuan lawatan adalah untuk memastikan rekabentuk dan spesifikasi yang ditetapkan telah dipatuhi serta menilai kualiti kerja pembinaan. Lawatan Audit mendapati, sebanyak 4 kerja dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi dan 8 kerja

tidak dilaksanakan tetapi telah dibayar. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

a. Kerja-kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

- i. Projek Skim Pembetungan Kota Belud Fasa 1 adalah dikawal selia oleh Cawangan Pembetungan, JKR. Kerja-kerja pembinaan dilaksanakan berdasarkan lukisan dan *Bills of Quantities* (BQ). Projek Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1 dan Skim Pembetungan Sipitang yang masing-masing dilaksanakan mengikut kaedah *Turnkey* dan *Design and Build* dikawal selia oleh Juruperunding yang dilantik oleh Kontraktor. Di bawah kontrak tersebut, Kontraktor bertanggungjawab untuk merekabentuk projek, melaksana dan menyelia kerja pembinaan. Kerja-kerja pembinaan hendaklah mematuhi reka bentuk dan spesifikasi yang telah diluluskan oleh JKR. Sebarang perubahan reka bentuk perlu mendapat persetujuan atau kelulusan JKR terlebih dahulu berdasarkan Syarat-syarat Kontrak klaus 2.3.2.
- ii. Lawatan Audit mendapati, sebanyak 4 kes reka bentuk dan spesifikasi tidak dipatuhi yang terdiri daripada 1 kes melibatkan projek Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1 dan 3 kes melibatkan projek Skim Pembetungan Sipitang. Butiran lanjut mengenai perkara ini adalah seperti di **Jadual 2.3** dan **Gambar 2.4** hingga **Gambar 2.7**.

Jadual 2.3
Kerja-kerja Pembinaan Yang Tidak Mematuhi Spesifikasi

Bil.	Butiran Kerja		Jumlah (RM)	Penemuan Audit	Penjelasan Juruperunding Kontraktor
	Item	Perkara			
Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1					
1.	2.20 [14.1 (a)]	<i>Supply of standby generator set c/w all necessary accessories/ancillaries (STP Penampang).</i> <i>Capacity: 1000 KVA</i> <i>Type: Indoor</i>	580,000	<i>Standby generator set yang dibekalkan hanya berkapasiti 830 KVA seperti di Gambar 2.4.</i>	Mengikut kontraktor, kapasiti 830 KVA adalah memadai bagi projek ini yang ditentukan oleh Jurutera Kontraktor berdasarkan kontrak <i>Turnkey</i> .
Skim Pembetungan Sipitang					
2.	4.8.1	<i>Timber Doors to M&E Room including hardwood timber frame fixed to brickwall/stiffener complete with cylindrical locksets.</i>	1,200	Pintu kayu telah ditukar kepada pintu besi. Penggunaan pintu besi ini adalah tidak sesuai kerana <i>pump station</i> ini terletak berdekatan dengan laut menyebabkan besi berkenaan berkarat seperti di Gambar 2.5.	Pintu kayu digantikan dengan pintu besi untuk jaminan keselamatan yang lebih baik tanpa melibatkan kos tambahan.

Bil.	Butiran Kerja		Jumlah (RM)	Penemuan Audit	Penjelasan Juruperunding Kontraktor
	Item	Perkara			
3.	4.8.2	Glass louver windows to M&E room complete with grill. i) 1200x1200 mm (adjustable) W1 ii) 600x600mm (fixed) W2	3,800 280	Glass Louver Windows Complete With M.S. Grill tersebut tidak dipasang kerana tingkap yang sepatutnya dibina telah ditukar kepada ventilation block seperti di Gambar 2.6 .	Tingkap ditukar kepada ventilation block untuk keselamatan dan mengelakkan dari dimasuki air hujan.
4.	5.7.4	Road pavement 50mm thick premix	196,020	Road pavement sepatutnya diturap menggunakan 50mm thick premix tetapi telah ditukar kepada concrete pavement seperti di Gambar 2.7 .	Jalan raya yang menggunakan premix didapati tidak sesuai memandangkan keadaan tanah yang tidak kukuh. Jalan raya menggunakan konkrit adalah lebih sesuai dan tahan lama disamping menjimatkan kos penyenggaraan di masa akan datang.
Jumlah		781,300			

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 2.4
Standby Generator Set Yang Berkapasiti Rendah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: M&E Room, STP Penampang
Tarikh: 21 September 2012

Gambar 2.5
Pintu Besi Yang Menggantikan Pintu Kayu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: M & E Room, Pump Station 1, Sipitang
Tarikh: 4 Oktober 2012

Gambar 2.6
Glass Louver Windows Complete With M.S. Grill Tidak Dipasang Kerana Tiada Tingkap Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: M & E Room, Pump Station 1, Sipitang
Tarikh: 4 Oktober 2012

Gambar 2.7
Jalan Masuk Ke STP Sepatutnya Premix Ditukar Kepada Concrete Pavement



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Masuk Ke STP, Sipitang
Tarikh: 5 Oktober 2012

- iii. Mengikut BQ dalam kontrak projek Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1, kos pembinaan STP di Penampang termasuk pembekalan *standby generator set* adalah secara *lump sum* sejumlah RM34.31 juta dan tiada butiran terperinci mengenai kapasiti *standby generator set*. Bagaimanapun, mengikut lukisan (*Vol. 2 of 2 Contract Documents*), kapasiti *standby generator set* yang ditetapkan adalah 1000KVA. Dokumen tuntutan bayaran oleh kontraktor juga menunjukkan *standby generator set* adalah berkapasiti 1000KVA bernilai RM0.58 juta.
- iv. Bagaimanapun, *standby generator set* yang dibekalkan adalah berkapasiti 830KVA sahaja. Walaupun pada perkiraan Kontraktor 830KVA adalah memadai bagi projek ini yang ditentukan oleh Jurutera Kontraktor berdasarkan kontrak *Turnkey*, tetapi perubahan tersebut seharusnya mendapat kelulusan JKR terlebih dahulu. **Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 10 Jun 2013, pihaknya telah mengambil tindakan mengarahkan pihak Kontraktor untuk memberi**

justifikasi atas perubahan tersebut dan sebarang perubahan kos yang terlibat.

- v. Ketidakpatuhan terhadap rekabentuk dan spesifikasi butiran kerja yang melibatkan projek Skim Pembetungan Sipitang adalah disebabkan Kontraktor berpendapat perubahan tersebut adalah perlu mengikut kesesuaian di tapak bina berdasarkan kontrak *Design and Build*. Bagaimanapun, Kontraktor sepatutnya mendapatkan persetujuan dan kelulusan daripada JKR terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang perubahan terhadap rekabentuk dan spesifikasi yang telah diluluskan lebih awal. Ini untuk membolehkan JKR menilai sama ada perubahan yang dicadangkan oleh Kontraktor adalah munasabah dengan mengambil kira kos, keselamatan, ketahanan dan kesesuaian di tapak bina. Pembayaran terhadap butiran kerja tersebut telah dibuat oleh JKR berdasarkan perakuan Juruperunding yang dilantik oleh Kontraktor. **Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 10 Jun 2013, pihaknya sedang meneliti perubahan kerja yang dilakukan oleh kontraktor dan akan mengambil tindakan sewajarnya. Ini termasuklah mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja bagi menyelaraskan perubahan-perubahan kerja tersebut dan implikasi kos yang terlibat.**

b. Kerja-kerja Tidak Dilaksanakan

- i. Mengikut kontrak, pembayaran kepada Kontraktor dibuat mengikut kemajuan kerja di tapak bina. Pembayaran hendaklah dibuat mengikut kuantiti kerja yang sebenarnya telah dilaksanakan pada tarikh tuntutan dibuat. Lawatan Audit mendapati, kerja-kerja yang tidak dilaksanakan tetapi pembayaran telah dibuat yang melibatkan projek Skim Pembetungan Kota Belud Fasa 1 dan projek Skim Pembetungan Sipitang seperti berikut:

• Skim Pembetungan Kota Belud Fasa 1

Lawatan Audit yang dijalankan pada 6 Februari 2013 mendapati 2 butiran kerja tidak dilaksanakan tetapi telah dibayar sepenuhnya pada bulan Mei 2010. Butiran kerja berkenaan adalah seperti di **Jadual 2.4** dan **Gambar 2.8**.

Jadual 2.4

Kerja Yang Tidak Dilaksanakan

Bil.	Butiran Kerja		Jumlah (RM)	Penemuan
	Item	Perkara		
1.	2.25.2	<i>Allow for pipeline testing with the use of CCTV (225mm, 300mm, 450mm and 500mm diameter).</i>	104,455	Ujian ini belum dijalankan semasa pemeriksaan Audit dijalankan pada bulan Februari 2013.
2.	6.6.10	<i>23 units single bay aluminium frame Top Hung window complete with hinges. Overall size 600 x 600mm – Laboratory.</i>	4,600	Hanya 1 daripada 23 jendela berkenaan dipasang di bahagian tandas mengikut lukisan. seperti di Gambar 2.8 .
Jumlah			109,055	

Sumber: Jabatan Audit Negara



Gambar 2.8
Hanya 1 Daripada 23 Jendela Berkenaan Dipasang Di Bahagian Tandas Mengikut Lukisan

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Bangunan Makmal, STP, Kota Belud

Tarikh: 6 Februari 2012

- **Skim Pembetungan Sipitang**

Lawatan Audit yang dijalankan pada 3 Oktober 2012 mendapati, sebanyak 6 butiran kerja tidak dilaksanakan tetapi telah dibayar sepenuhnya berdasarkan pembayaran terakhir setakat ini iaitu interim yang ke 18 (*penultimate*) pada bulan Disember 2011. Butiran kerja berkenaan adalah seperti di **Jadual 2.5** dan **Gambar 2.9** dan **Gambar 2.10**.

Jadual 2.5
Kerja-kerja Yang Tidak Dilaksanakan

Bil.	Butiran Kerja		Jumlah (RM)	Penemuan
	Item	Perkara		
1.	4.12.5	<i>Non-slip homogeneous tiles of approved pattern and colour laid on and including 20 mm thick 1:3 cement sand mortar and laid to fall. (M&E Room,Pump Station 1)</i>	234	<i>Non-slip homogeneous tiles</i> tidak dipasang seperti di Gambar 2.9 .
2.	4.17 (4.17.1 Hingga 4.17.4)	<i>Water Supply System, Pump Station 1</i> a. <i>ABS pipe class 'D' from government water main to pump station.</i> b. <i>200 gallons capacity HDPE water storage tank.</i> c. <i>Supply and install 2 way pillar fire hydrant.</i> d. <i>Supply and install cold water supply system connecting from water tank to M&E room.</i>	34,650	Tidak ada sistem bekalan air dibekal/dipasang.
3.	6.13.6	<i>Non-slip homogeneous tiles of approved pattern and colour laid on and including 20mm thick 1:3 cement sand mortar and laid to fall</i> i) <i>Pump Station, STP</i> ii) <i>M&E Room, STP</i>	5,070 234	<i>Non-slip homogeneous tiles</i> tidak dipasang seperti di Gambar 2.10 .
4.	6.13.7	<i>Ceramic wall tiles bedded on 20mm 1:3 cement sand mortar and joint with white cement</i> i) <i>Pump Station, STP</i> ii) <i>M&E Room, STP</i>	1,125 1,125	<i>Ceramic wall tiles</i> tidak dipasang seperti di Gambar 2.10 .

Bil.	Butiran Kerja		Jumlah (RM)	Penemuan
	Item	Perkara		
5.	8.3.1	<i>Compound Lighting, Pump Station 1</i> - 8m height hot-dipped galvanised octagonal lighting pole with single arm. LYSAGHT or equal	3,000	Tidak ada compound lighting telah dibekal/dipasang.
6.	8.3.2	<i>Compound Lighting, Pump Station 1</i> - 1 x 150W SON streetlight c/w control gear etc. PHILIPS	1,500	
Jumlah			46,938	

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 2.9
Non-slip Homogeneous Tiles
Tidak Dipasang Di Lantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: M&E Room, Pump Station 1, Sipitang
Tarikh: 4 Oktober 2012

Gambar 2.10
Homogeneous Tiles Dan Ceramic Wall Tiles Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: M&E Room STP, Sipitang
Tarikh: 3 Oktober 2012

ii. Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 10 Jun 2013, kerja-kerja ujian terhadap saluran paip pembetung melalui CCTV yang melibatkan projek Skim Pembetungan Kota Belud Fasa 1 akan diselaraskan semasa pembayaran interim selanjutnya. JKR juga bersetuju bahawa hanya 1 unit jendela (*Top Hung Window*) perlu dipasang di bahagian tandas bangunan makmal seperti ditetapkan dalam lukisan berbanding 23 unit yang diperuntukkan dalam BQ. Oleh itu, kos 22 unit jendela berjumlah RM4,400 yang telah dibayar itu akan diselaraskan semasa pembayaran interim selanjutnya. Manakala kerja-kerja memasang *compound lighting* dan pemasangan sistem paip bagi bekalan air di *Pump Station 1* yang melibatkan projek Skim Pembetungan Sipitang akan diselaraskan semasa pembayaran interim selanjutnya. Begitu juga dengan kos pemasangan *non-slip homogeneous tiles* dan *ceramic wall tiles* yang tidak sesuai dipasang akan diselaraskan semasa pembayaran interim selanjutnya.

iii. Pembayaran terhadap butiran kerja yang tidak dilaksanakan merupakan kelemahan penyeliaan kerja dan pengesahan tuntutan oleh Juruperunding

Kontraktor dan JKR. Pembayaran terhadap kerja-kerja yang tidak dilaksanakan adalah tidak teratur dan merugikan Kerajaan.

Pada pendapat Audit, kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan bagi Skim Pembetungan Kota Belud Fasa 1, Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1 dan Skim Pembetungan Sipitang adalah kurang memuaskan kerana pembayaran dibuat terhadap kerja-kerja yang tidak dilaksanakan dan tidak mengikut spesifikasi kontrak. JKR perlu menjalankan siasatan dan sekiranya didapati berlaku kecuaian, pegawai yang terlibat wajar diambil tindakan surcaj atau tatatertib.

2.4.3. Kapasiti STP Tidak Dapat Menampung Keperluan

2.4.3.1. Analisis berkaitan kapasiti STP sedia ada dan yang baru dibina berbanding keperluan semasa (*sewage immediate loading*) telah dibuat bagi 4 daerah yang terlibat dengan pembinaan 3 projek yang dipilih. Projek-projek tersebut adalah Projek Skim Pembetungan Kota Belud Fasa 1 bagi daerah Kota Belud, Projek Skim Pembetungan Kota Kinabalu Fasa 1 bagi daerah Kota Kinabalu dan Penampang dan Projek Skim Pembetungan Sipitang bagi daerah Sipitang. Analisis dijalankan berdasarkan maklumat daripada JKR dan maklum balas daripada PBT yang terlibat. Hasil analisis menunjukkan bahawa masalah kumbahan yang tidak melalui proses rawatan bagi daerah Kota Kinabalu dan Penampang belum dapat diselesaikan. Kapasiti STP sedia ada dan yang baru dibina untuk merawat kumbahan 233,784 penduduk tidak mencukupi bagi menampung keperluan semasa iaitu 295,919 penduduk. Bagaimanapun, bagi daerah Kota Belud dan Sipitang, kapasiti STP akan meningkat apabila projek pembetungan di daerah berkenaan siap kelak masing-masing untuk 12,000 penduduk. Kapasiti tersebut adalah lebih daripada mencukupi untuk menampung keperluan semasa iaitu masing-masing sebanyak 5,467 dan 5,020 penduduk. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Kapasiti Pembetungan Sedia Ada Berbanding Keperluan Semasa Bagi Daerah Kota Belud, Kota Kinabalu, Penampang Dan Sipitang

Daerah	Kapasiti STP/Tangki Septik/Kolam Pengoksidan (Penduduk)			Jumlah Kapasiti Berfungsi & Dalam Pembinaan (Penduduk) d=(a+c)	Keperluan Semasa (Penduduk) e	Lebih/ (Kurang) Daripada Keperluan Semasa (Penduduk) f=(d-e)			
	Sedia Ada		Dalam Pembinaan (Penduduk) d=(a+c)						
	Berfungsi (a)	Tidak Berfungsi (b)							
Kota Belud	-	6,140	12,000	12,000	5,467	6,533			
Kota Kinabalu dan Penampang	158,784	77,135	75,000*	233,784	295,919	(62,135)			
Sipitang	1,490	4,350	12,000	13,490	5,020	8,470			
Jumlah	160,274	87,625	99,000	259,274	306,406	(47,132)			

Sumber: Jabatan Kerja Raya Dan Pihak Berkuasa Tempatan

Nota: * Projek telah disiapkan pada 31 Januari 2013

2.4.3.2. Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 10 Jun 2013, pihaknya telah membuat perancangan untuk menambah kapasiti STP dan kawasan liputan perkhidmatan pembetungan di kawasan Kota Kinabalu dan Penampang. Kerja-kerja pembinaan ini akan dimulakan pada tahun hadapan.

Pada pendapat Audit, kapasiti loji pembetungan bagi daerah Kota Kinabalu dan Penampang pada masa ini adalah kurang memuaskan kerana masih tidak dapat menampung keperluan semasa walaupun projek yang dilaksanakan di daerah berkenaan telah siap.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahanbaikan dan memantapkan lagi pengurusan pembinaan projek pembetungan di Negeri Sabah, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Kerja Raya mengambil tindakan seperti berikut:

2.5.1. Menjalankan Kajian Awal secara menyeluruh dengan melibatkan semua pihak seperti penduduk setempat, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi yang terlibat bagi memastikan projek dilaksanakan berdasarkan keperluan yang sebenar dan beroperasi mengikut tempoh yang sepatutnya serta dapat menyelesaikan masalah sistem pembetungan sedia ada di daerah berkenaan.

2.5.2. Meningkatkan pemantauan dan penyeliaan terhadap kerja-kerja Kontraktor bagi mengelakkan kelewatan penyiapan projek, ketidakpatuhan terhadap reka bentuk dan spesifikasi serta pembayaran terhadap kerja yang tidak dilaksanakan.

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH NEGERI SABAH

3. PENGURUSAN MINI ESTET SEJAHTERA (MESEJ)

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Mini Estet Sejahtera (MESEJ) yang bermula pada tahun 2006 dalam RMKe-9 merupakan satu komponen Skim Pembasmian Kemiskinan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS). Objektif MESEJ adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar secara mampan di samping menikmati peningkatan kualiti hidup. MESEJ melibatkan pewartaan tanah di bawah **Seksyen 28, Ordinan Tanah Negeri** dan dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS), Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS), Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Sabah (LPPBS) serta pejabat-pejabat daerah dengan nasihat pakar agensi pembimbing yang berkaitan.

3.1.2. Komponen MESEJ melibatkan ekonomi, fizikal dan modal insan. Komponen ekonomi merangkumi aktiviti pertanian dan akuakultur. Aktiviti pertanian adalah berteraskan tanaman getah dan kelapa sawit yang melibatkan pembangunan tanah kerajaan seluas 98 hektar. Aktiviti akuakultur adalah tertakluk kepada kawasan sesuai yang mencukupi seperti rumput laut, ikan dalam sangkar/kolam, balat (*sea cucumber*) dan lain-lain yang mempunyai nilai komersil. Manakala komponen fizikal merangkumi pembangunan kawasan Penempatan Masyarakat Sejahtera (PMS) seluas 20 hektar melibatkan penyediaan kemudahan rumah dan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik. Selain itu, kemudahan-kemudahan infrastruktur lain seperti surau, dewan mini, sekolah, taman permainan dan sebagainya turut disediakan. Komponen modal insan pula melibatkan penyertaan seramai 33 peserta bagi setiap projek MESEJ pertanian dengan pemilihan peserta dilaksanakan oleh setiap pejabat daerah atau majlis perbandaran yang terlibat. Sehingga tahun 2012, bilangan aktiviti MESEJ yang telah dibangunkan adalah sebanyak 29 aktiviti pertanian dan 8 aktiviti akuakultur. Taburan kawasan MESEJ bagi aktiviti pertanian dan akuakultur di Negeri Sabah adalah seperti di **Peta 3.1**.

Peta 3.1
Taburan Kawasan MESEJ Seluruh Negeri Sabah



Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah

3.1.3. Pembangunan MESEJ bagi aktiviti pertanian dan akuakultur dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan yang disalurkan kepada KPLBS. Pembinaan perumahan dan kemudahan lain dibiayai melalui Akaun Amanah Pembasmian Kemiskinan (sumbangan FELDA kepada Kerajaan Negeri). Setakat Disember 2012, sejumlah RM16.55 juta bagi perbelanjaan penyediaan tanah sehingga menamam, RM4.83 juta sebagai perbelanjaan penyenggaraan ladang sehingga matang dan RM3.53 juta sebagai kos projek pertanian kelapa sawit.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada projek MESEJ bagi aktiviti pertanian kelapa sawit dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi komponen ekonomi, fizikal dan modal insan bagi aktiviti pertanian kelapa sawit untuk tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, maklumat-maklumat tambahan sebelum tahun 2010 juga digunakan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan projek ini. Pengauditan dijalankan di peringkat ibu pejabat KPLBS, LKTNS, LPPBS, Pejabat Daerah Keningau (PDK), Majlis Perbandaran Tawau (MPT), pejabat LKTNS Wilayah Keningau dan Tawau. Selain itu, lawatan dan pemeriksaan Audit turut dibuat ke kawasan MESEJ Bunang I, II dan III, Sook di daerah Keningau dan MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik di daerah Tawau. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen kontrak dan fail yang berkaitan dengan MESEJ. Pihak Audit juga

menjalankan temu bual dan mengedarkan borang soal selidik kepada peserta projek untuk mendapatkan maklum balas. Lawatan ke ladang MESEJ yang dipilih dilakukan untuk tujuan pengesahan bagi memastikan projek ini dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga November 2012, secara keseluruhannya mendapati pelaksanaan 4 projek MESEJ bagi aktiviti pertanian kelapa sawit adalah memuaskan dari segi prestasi pembangunan tanah, penyenggaraan ladang, pengeluaran hasil kelapa sawit, penyediaan kemudahan rumah dan infrastruktur asas. Secara tidak langsung, MESEJ telah dapat membantu menjayakan pelaksanaan pelan transformasi Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar dan turut membawa faedah seperti kemudahan jalan raya, bekalan elektrik dan air kepada penduduk di sekitar kawasan MESEJ. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan pelaksanaan MESEJ seperti berikut:

- Pembangunan tanah tidak mengikut jadual.
- Penyenggaraan ladang tidak mengikut jadual.
- Peserta dipilih tidak menyertai projek.
- Pendapatan bulanan peserta dan isi rumah tidak melepas Paras Garis Kemiskinan (PGK).

3.4.1. Prestasi Pembangunan Tanah MESEJ

3.4.1.1. MESEJ berteraskan kelapa sawit dimulakan pada tahun 2006 dengan pelancaran MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik di daerah Tawau. Bagi tempoh 2006 hingga 2012, sasaran keluasan tanah untuk dibangunkan bagi MESEJ pertanian kelapa sawit adalah seluas 1,372 hektar dengan penglibatan seramai 462 peserta. Jumlah keluasan tanah yang telah dibangunkan dalam tempoh tersebut adalah seluas 1,196 hektar (87.2%) bagi penyediaan kawasan dan 906 hektar (66%) bagi penanaman bibit kelapa sawit di 10 daerah seluruh Negeri Sabah seperti **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Prestasi Pembangunan Tanah MESEJ Bagi Aktiviti Pertanian Kelapa Sawit
Untuk Tempoh 2006 Hingga 2012

Bil.	MESEJ	Penyediaan Kawasan (Hektar)			Penanaman Bibit Kelapa Sawit (Hektar)			Tahun Siap Mengikut Kontrak
		Sasaran	Sebenar	Peratus (%)	Sasaran	Sebenar	Peratus (%)	
1.	Kg. Sungai Laba, Pulau Sebatik (Tawau)	98	98	100	98	98	100	Nov 2009
2.	Bunang I (Kg.Bunang, Keningau)	98	98	100	98	98	100	Apr 2008
3.	Bunang II (Kg. Liawan, Keningau)	98	98	100	98	98	100	Apr 2010
4.	Bunang III (Kg. Bingkor, Keningau)	98	78	80	98	34	35	Jul 2012
5.	Kg. Labang, Sepulot 1 (Nabawan)	98	98	100	98	98	100	Apr 2010
6.	Kg. Labang, Sepulot 2 (Nabawan)	98	98	100	98	98	100	Jul 2012
7.	Kg. Balat (Kinabatangan)	98	98	100	98	98	100	Apr 2010
8.	Kg. Kuala Binsulok, Membakut	98	88	90	98	29	30	Jul 2012
9.	Kg. Sapang (Kunak)	98	98	100	98	98	100	Okt 2012
10.	Kg. Mansalu (Ranau)	98	98	100	98	0	0	Sept 2012
11.	Kg. Banting (Sipitang)	98	98	100	98	98	100	Sept 2012
12.	Kg. Tukar (Pitas)	98	98	100	98	29	30	Okt 2012
13.	Kg. Lihak-Lihak (Semporna)	98	50	51	98	30	31	Okt 2012
14.	Kg. Lumiri (Keningau)	98	0	0	98	0	0	Cadangan projek baru
Jumlah		1,372	1,196	87	1,372	906	66	

Sumber: Laporan Terkini Pelaksanaan MESEJ, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah

3.4.1.2. Pembinaan kemudahan rumah dan infrastruktur asas bermula selepas kerja pembangunan ladang siap. Setakat Disember 2012, pembinaan kemudahan rumah dan infrastruktur asas telah dilaksanakan bagi 5 daripada 14 MESEJ pertanian berteraskan kelapa sawit. Status pelaksanaan pembinaan kemudahan rumah dan infrastruktur asas di 5 MESEJ adalah seperti dalam **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Status Pelaksanaan Pembinaan Rumah Kediaman Peserta
Setakat Disember 2012

Bil.	MESEJ	Peratus Penyiapan Pembinaan Rumah /Infrastruktur Asas		
		Sasaran (%)	Sebenar (%)	Perbezaan (%)
1.	Kg. Sungai Laba, Pulau Sebatik (Tawau)	100	100	0
2.	Bunang I (Kg. Menawo, Keningau)	100	100	0
3.	Kg. Labang, Sepulot (Nabawan)	70	60	(10)
4.	Kg. Balat (Kinabatangan)	72	68	(4)
5.	Kg. Sapang (Kunak)	52	68	16

Sumber: Laporan Terkini Pelaksanaan MESEJ, Lembaga Perumahan dan Bandar Sabah

3.4.1.3. Berdasarkan **Jadual 3.2** di atas menunjukkan pembinaan kemudahan rumah dan infrastruktur asas telah disiapkan di MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau dan MESEJ Bunang I, Sook, Keningau. Peratus penyiapan kerja pembinaan kemudahan rumah dan infrastruktur asas di MESEJ Kg. Labang, MESEJ Kg. Balat dan MESEJ Kg. Sapang adalah antara 60% hingga 68%.

3.4.1.4. Peserta terpilih akan menyertai projek MESEJ pertanian kelapa sawit selepas kerja pembangunan tanah dan penyediaan kemudahan rumah dan infrastruktur asas siap. Dua daripada 14 MESEJ pertanian berteraskan kelapa sawit iaitu MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau dan MESEJ Bunang I, Sook, Keningau telah menerima penyertaan seramai 52 peserta atau 78.8% berbanding sasaran seramai 66 peserta.

3.4.2. Pembangunan Tanah Tidak Mengikut Jadual

3.4.2.1. Pembangunan tanah terbahagi kepada 2 fasa utama iaitu penyediaan tapak dan penanaman bibit kelapa sawit. Mengikut Kontrak Pembangunan Tanah, tempoh penyiapan bagi pembangunan tanah adalah selama 18 bulan bermula dari tarikh mula kerja serah tapak. Kos perbelanjaan bagi pembangunan tanah di 4 MESEJ iaitu MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau dan MESEJ Bunang I, II dan III, Sook, Keningau adalah berjumlah RM2.05 juta.

3.4.2.2. Mengikut perjanjian, kontraktor dikehendaki melaksanakan kerja penyediaan tapak seperti menyukat dan menanda kawasan ladang sekurang-kurangnya 50 hektar untuk setiap satu blok, menebas kawasan semak samun, menebang pokok dan menyembur racun. Kontraktor juga dikehendaki membina teres, jalan pertanian, membuat penanda untuk tanaman sawit dan menanam tanaman penutup bumi jenis Mucuna sebelum fasa penanaman bibit kelapa sawit dijalankan. Bibit yang digunakan hendaklah berumur 18 bulan, dibekalkan dan diperaku oleh LKTNS. Purata bilangan pokok sehektar adalah 148 pokok bagi kawasan tanah rata dan 121 pokok untuk kawasan berbukit dengan kaedah penanaman berbentuk segi tiga berukuran 8.8 meter x 8.8 meter x

8.8 meter. Bagi setiap kegagalan penanaman, kerja menanam bibit gantian perlu dibuat dalam tempoh 6 bulan dengan jumlah tidak melebihi 5% daripada jumlah penanaman di setiap blok.

3.4.2.3. Lawatan Audit bersama pegawai ladang antara bulan September hingga November 2012 di MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau dan MESEJ Bunang I, II dan II, Sook, Keningau mendapati, kerja penyediaan tapak dan penanaman bibit kelapa sawit telah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, pelaksanaan kerja pembangunan tanah bagi satu daripada 4 MESEJ iaitu MESEJ Bunang III, Sook, Keningau tidak disiapkan mengikut jadual seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Pembangunan Tanah Bagi Tempoh 2006 Hingga 2012

Luas (Hektar)	Kos Projek (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Sepatut Siap	Lanjutan Masa			Peratus Kemajuan Kerja
				Pertama	Kedua	Ketiga	
MESEJ Bunang I, Sook, Keningau							
98	686,680	Oktober 2006	Oktober 2007	9.4.2008	Tiada	Tiada	100%
MESEJ Bunang II, Sook, Keningau							
98	447,860	November 2008	April 2010	31.12.2010	Tiada	Tiada	100%
MESEJ Bunang III, Sook, Keningau							
98	456,680	Ogos 2010	Julai 2011	31.08.2012	Tiada	Tiada	80% (Kerja penyediaan tapak) 35% (Penanaman Bibit)
MESEJ Kg. Sungai Laba Sebatik, Tawau							
98	457,667	Julai 2006	Julai 2007	30.11.2008	10.01.2009	30.11.2009	100%

Sumber: Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah
Nota: TB – Tidak Berkenaan; TM – Tiada Maklumat

3.4.2.4. Berdasarkan **Jadual 3.3** di atas, peratus kemajuan kerja bagi penyediaan tapak dan penanaman bibit di MESEJ Bunang III, Sook, Keningau adalah masing-masing 80% dan 35%. Setakat 20 September 2012, semakan Audit mendapati tempoh kelewatan adalah 294 hari. Berdasarkan penjelasan pengurus ladang, kelewatan ini disebabkan kontraktor gagal menjalankan kerja mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan kerana kekurangan tenaga kerja dan jentera yang kerap mengalami kerosakan. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Kerja Bulanan mendapati kelulusan lanjutan masa telah diberikan kepada kontraktor untuk menyiapkan kerja sehingga 31 Ogos 2012. Bagaimanapun, surat penamatkan kontrak telah dikeluarkan oleh LKTNS kepada kontraktor pada 25 September 2012 disebabkan kontraktor gagal mematuhi tarikh siap kerja yang baru. Kawasan MESEJ Bunang III, Sook, Keningau yang tidak dilaksanakan mengikut jadual adalah seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1
Pembangunan Tanah Tidak Dilaksanakan Mengikut Jadual



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MESEJ Bunang III, Sook, Keningau
Tarikh: 20 September 2012

Gambar 3.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MESEJ Bunang III, Sook, Keningau
Tarikh: 20 September 2012

3.4.2.5. Berdasarkan maklum balas LKTNS pada 11 Julai 2013, pembangunan tanah MESEJ Bunang III, Sook, Keningau telah disiapkan pada 18 Jun 2013 oleh kontraktor yang baru dilantik.

Pada pendapat Audit, prestasi pembangunan tanah bagi 4 projek MESEJ adalah memuaskan kecuali MESEJ Bunang III, Sook, Keningau kerana tidak disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

3.4.3. Penyenggaraan Ladang

3.4.3.1. Mengikut *Management Agreement*, LKTNS bertanggungjawab terhadap penyenggaraan ladang kelapa sawit di MESEJ selepas kerja pembangunan tanah siap. Penyenggaraan ladang meliputi kerja menebas, menyembur racun, membaja dan menanam bibit gantian bagi bibit kelapa sawit yang mati.

a. Penyenggaraan Ladang Tidak Dijalankan Mengikut Jadual

- i. Mengikut *Good Agricultural Practices (GAP)*, program penyenggaraan hendaklah disediakan bagi memastikan ladang kelapa sawit diurus dengan baik. Program penyenggaraan ladang meliputi kerja *Inter-Row/Selective slashing, decreeping, circle spray, selective spray, lallang & giant paspalum eradication, circle raking* dan *basal pruning/sanitation*. Kekerapan kerja penyenggaraan perlu dilaksanakan antara 1 hingga 4 kali setahun. Penyediaan program penyenggaraan bergantung kepada keluasan ladang, keadaan ladang, sumber tenaga kerja dan sumber kewangan. Program penyenggaraan yang disediakan adalah secara berjadual dan *ad-hoc*.
- ii. Semakan Audit terhadap rekod penyenggaraan dan lawatan Audit di Blok 1 MESEJ Bunang I dan Blok 6 di MESEJ Bunang II mendapati kerja dibuat tidak mengikut jadual yang ditetapkan seperti di **Jadual 3.4**. Manakala di MESEJ Kg.

Sungai Laba, Sebatik, Tawau kerja penyenggaraan telah dilaksanakan dengan teratur.

Jadual 3.4

**Tahap Pematuhan Jadual Penyenggaraan Blok I MESEJ Bunang I
Dan Blok 6 MESEJ Bunang II, Sook, Keningau**

Bil.	Jenis Kerja	Kekerapan Penyenggaraan	Pematuhan Ya (/) atau Tidak (x)	
			Blok 1, MESEJ Bunang I, Sook, Keningau	Blok 6, MESEJ Bunang II, Sook, Keningau
1.	<i>Inter-Row/Selective Slashing</i>	4 kali setahun atau 3 bulan sekali	x	x
2.	<i>Decreeping</i>	6 kali setahun atau 2 bulan sekali / 12 kali setahun atau 1 bulan sekali	x	x
3.	<i>Circle Spray</i>	6 kali setahun atau 2 bulan sekali	x	x
4.	<i>Selective Spray</i>	4 kali setahun atau 3 bulan sekali	x	x
5.	<i>Lallang & Giant Paspalum Eradication</i>	3 kali setahun atau 4 bulan sekali	x	x
6.	<i>Circle Raking</i>	1 kali setahun atau 12 bulan sekali	x	x
7.	<i>Basal Pruning/Sanitation</i>	1 kali setahun atau 12 bulan sekali	x	x

Sumber: Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah

- iii. Pihak Audit juga mendapati ketidakpatuhan terhadap jadual penyenggaraan seperti **Jadual 3.4** menyebabkan ladang ditumbuh semak samun seperti di **Gambar 3.3** hingga **Gambar 3.5**. Bagi Petak 2 dan Petak 4 di MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau, ladang telah disenggara dengan baik seperti di **Gambar 3.6** dan **Gambar 3.7**.

Gambar 3.3

Penyenggaraan Ladang Tidak Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Blok 1, MESEJ Bunang I, Sook, Keningau
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 3.4



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Blok 1, MESEJ Bunang I, Sook, Keningau
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 3.5
Penyenggaraan Ladang Tidak Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok 6, MESEJ Bunang II, Sook, Keningau
Tarikh: 13 September 2012

Gambar 3.6
Ladang Kelapa Sawit Yang Disenggara Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Petak 2, MESEJ Kg. Sungai Laba,
Sebatik, Tawau
Tarikh: 21 November 2012

Gambar 3.7
Ladang Kelapa Sawit Yang Disenggara Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Petak 2, MESEJ Kg. Sungai Laba,
Sebatik, Tawau
Tarikh: 21 November 2012

- iv. Berdasarkan maklum balas LKTNS pada 11 Julai 2013, kemampuan peserta MESEJ yang terhad dalam melaksanakan tugas dan tidak berpengalaman menyumbang kepada pelaksanaan jadual kerja tidak dapat diikuti. Selain itu, penyertaan peserta yang tidak serentak dan mengambil masa untuk menyesuaikan diri terutama bagi peserta wanita turut menyumbang kepada penyenggaraan ladang tidak dijalankan mengikut jadual. Selepas latihan, tunjuk ajar diberi dan peserta dapat menyesuaikan diri, maka kerja-kerja ladang dapat dibuat dengan baik dan mengikut jadual.

b. Pokok Kelapa Sawit Mati Tidak Diganti

- i. Mengikut *Management Agreement*, rekod bancian bilangan pokok di setiap petak atau blok hendaklah disediakan dari semasa ke semasa bagi merekodkan maklumat terperinci bilangan pokok yang hidup (matang/pramatang) dan mati. Selain itu, penanaman pokok gantian perlu dibuat bagi setiap pokok yang mati.

- ii. Lawatan Audit ke petak 3.5 HA, Blok 6 dan petak 3.0 HA, Blok 7 di MESEJ Bunang II, Sook, Keningau mendapati pokok mati tidak diganti seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5

Pokok Mati Tidak Diganti Bagi MESEJ Bunang II, Sook, Keningau

Bil.	Kawasan	Luas Kawasan (Hektar)	Bilangan Pokok		
			Rekod Penanaman	Kiraan Fizikal Audit	Pokok Mati Tidak Diganti
1.	Petak 3.5 HA, Blok 6 (Bunang II)	3.5	423	125	(298)
2.	Petak 3.0 HA, Blok 7 (Bunang II)	3	363	78	(285)

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Berdasarkan testimonial pihak Audit dengan pegawai ladang MESEJ Bunang II, Sook, Keningau mendapati penanaman pokok gantian tidak dibuat kerana rekod bancian pokok kelapa sawit tidak diselenggara dan keadaan kawasan ladang yang semak samun, seperti di **Gambar 3.8** dan **Gambar 3.9**.

Gambar 3.8

Kerja Menanam Pokok Gantian Tidak Dibuat



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Petak 3.5 HA, Blok 6 MESEJ Bunang II, Sook, Keningau

Tarikh: 20 September 2012

Gambar 3.9



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Petak 3.0 HA, Blok 7 MESEJ Bunang II, Sook, Keningau

Tarikh: 20 September 2012

- iv. **Berdasarkan maklum balas LKTNS pada 11 Julai 2013, bancian bagi MESEJ Bunang I, Sook, Keningau telah direkodkan pada tahun 2010 manakala, bagi MESEJ Bunang II, Sook, Keningau rekod bancian telah disediakan selepas teguran Audit. Selain itu, kerja-kerja menyulam sedang dijalankan di setiap blok yang terdapat pokok mati dan dijangka siap pada bulan September 2013.**

Pada pendapat Audit, penyenggaraan ladang adalah kurang memuaskan kerana 2 daripada 3 MESEJ iaitu MESEJ Bunang I dan II, Sook, Keningau tidak dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan manakala di MESEJ Bunang II, Sook, Keningau pokok sawit yang mati tidak diganti.

3.4.4. Prestasi Pengeluaran Hasil Kelapa Sawit

3.4.4.1. Pihak LKTNS telah menetapkan sasaran pengeluaran hasil sawit secara bulanan di setiap MESEJ mengikut metrik tan per hektar. Sasaran pengeluaran buah kelapa sawit bagi tahun 2011 di MESEJ Bunang I, Sook, Keningau dan MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau adalah masing-masing 620 tan metrik dan 294 tan metrik. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2012, MESEJ Bunang I, Sook, Keningau dan MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau mensasarkan pengeluaran buah kelapa sawit masing-masing sebanyak 697 tan metrik dan 537 tan metrik.

3.4.4.2. Semakan Audit terhadap Laporan Operasi Bulanan MESEJ Bunang I, Sook, Keningau mendapati, jumlah pengeluaran buah kelapa sawit bagi tahun 2011 iaitu 504.45 tan metrik adalah kurang berbanding sasaran. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2012, jumlah pengeluaran sebenar kelapa sawit iaitu 678.29 tan metrik adalah 2.7% kurang berbanding sasaran. Bagi MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau, jumlah pengeluaran buah kelapa sawit pada tahun 2011 dan Januari hingga Oktober 2012 mencatatkan lebihan berbanding sasaran masing-masing sebanyak 102.32 tan metrik atau 34.8% dan 268.34 tan metrik atau 50%. Prestasi pengeluaran hasil kelapa sawit bagi tempoh Januari 2011 hingga Oktober 2012 adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6

Prestasi Pengeluaran Hasil Kelapa Sawit Bagi Tempoh Januari 2011 Hingga Oktober 2012

Tahun	Bulan	MESEJ Bunang I, Sook, Keningau				MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau			
		Sasaran (MT)	Hasil Sebenar (MT)	Perbezaan Hasil (MT)	Peratus Pencapaian (%)	Sasaran (MT)	Hasil Sebenar (MT)	Perbezaan Hasil (MT)	Peratus Pencapaian (%)
2011	Jan	31.00	19.59	(11.41)	63.2	18.00	20.87	2.87	115.9
	Feb	37.00	14.43	(22.57)	39.0	20.00	24.00	4.00	120.0
	Mac	72.00	39.15	(32.85)	54.4	21.00	27.32	6.32	130.1
	April	78.00	31.73	(46.27)	40.7	21.00	27.25	6.25	129.8
	Mei	39.00	35.54	(3.46)	91.1	23.00	32.35	9.35	140.7
	Jun	38.00	28.16	(9.84)	74.1	25.00	34.07	9.07	136.3
	Julai	43.00	45.50	2.50	105.8	25.00	34.65	9.65	138.6
	Ogos	51.00	45.40	(5.60)	89.0	28.00	36.49	8.49	130.3
	Sept	49.00	46.02	(2.98)	93.9	31.00	39.88	8.88	128.7
	Okt	55.00	66.44	11.44	120.8	28.00	43.31	15.31	154.7
	Nov	58.00	72.13	14.13	124.4	27.00	36.75	9.75	136.1
	Dis	69.00	60.36	(8.64)	87.5	27.00	39.38	12.38	145.9
Jumlah		620.00	504.45	16.93	983.9	294.00	396.32	102.32	1,607.1
2012	Jan	50.00	34.56	(15.44)	69.1	37.00	40.93	3.93	110.6
	Feb	45.00	30.04	(14.96)	66.8	33.00	31.66	(2.34)	95.9
	Mac	59.00	30.49	(28.51)	51.7	47.00	56.96	9.96	121.2
	April	72.00	39.78	(32.22)	55.3	52.00	69.25	17.25	133.2
	Mei	51.00	66.39	15.39	130.2	52.00	84.51	32.95	162.5
	Jun	70.00	74.78	4.78	106.8	51.00	117.20	66.21	229.8
	Julai	80.00	68.27	(11.73)	85.3	57.00	88.77	31.77	155.7
	Ogos	80.00	84.31	4.31	105.4	57.00	82.46	25.46	144.7
	Sept	90.00	109.43	19.43	121.6	44.00	107.10	63.08	243.4
	Okt	100.00	140.24	40.24	140.2	107.00	126.50	19.46	118.2
Jumlah		697.00	678.29	(18.71)	932.4	537.00	805.34	267.73	1,515.2
Jumlah Keseluruhan		1,317.00	1,182.74	(134.26)	89.8	831.00	1,201.66	370.66	144.6

Sumber: Rekod Pengeluaran Buah Sawit, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah

- i. Analisis Audit terhadap **Jadual 3.6** di atas menunjukkan pada tahun 2011, pengeluaran bulanan buah kelapa sawit di MESEJ Bunang I, Sook, Keningau hanya melepas sasaran pada bulan Julai, Oktober dan November. Bagaimanapun, setakat Oktober 2012, prestasi pengeluaran buah kelapa sawit di MESEJ Bunang I, Sook, Keningau adalah lebih baik dengan peratus pencapaian antara 51.7% hingga 140.2%. Bagi MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau pula prestasi bulanan pengeluaran buah kelapa sawit adalah sangat baik dengan peratus pencapaian antara 95.9% hingga 243.4%.
- ii. **Berdasarkan maklum balas LKTNS pada 11 Julai 2013, sasaran telah dicapai apabila pengeluaran hasil adalah kurang atau lebih 10 peratus daripada sasaran yang ditetapkan.**

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran hasil buah kelapa sawit di MESEJ Bunang I, Sook, Keningau dan MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau adalah baik kerana peratus pencapaianya adalah antara 51.7% hingga 140.2% dan 95.9% hingga 243.4%.

3.4.5. Penyediaan Kemudahan Rumah Dan Infrastruktur Asas

3.4.5.1. Mengikut dokumen perjanjian, LPPBS adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan kemudahan rumah dan infrastruktur asas di Penempatan Masyarakat Sejahtera (PMS). LPPBS hendaklah memastikan 33 unit rumah kediaman peserta bagi setiap MESEJ siap dibina mengikut jadual dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam senarai kuantiti pembinaan.

3.4.5.2. Semakan Audit terhadap rekod dan lawatan fizikal, mendapati pembinaan 66 unit rumah, masing-masing 33 unit di MESEJ Bunang I, Sook, Keningau dan MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau adalah mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan. Pembinaan rumah dan infrastruktur asas melibatkan kos sejumlah RM3.27 juta bagi PMS MESEJ Bunang I, Sook, Keningau dan RM3.43 juta bagi PMS MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau. Rumah kediaman peserta di PMS MESEJ Bunang I, Sook, Keningau dan PMS MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau yang telah siap, seperti di **Gambar 3.10** dan **Gambar 3.11**.

Gambar 3.10

Rumah Kediaman Peserta di PMS MESEJ



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PMS, MESEJ Bunang I Sook, Keningau
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 3.11

Rumah Kediaman Peserta di PMS MESEJ



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PMS, MESEJ Kg. Sungai Laba Sebatik, Tawau
Tarikh: 21 November 2012

Pada pendapat Audit, penyediaan kemudahan rumah dan infrastruktur asas di PMS MESEJ Bunang I, Sook, Keningau dan PMS MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau adalah baik.

3.4.6. Pencapaian Peserta Projek

3.4.6.1. Bilangan peserta yang ditetapkan untuk setiap projek MESEJ adalah seramai 33 orang dan merupakan penduduk tempatan dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) terlibat. Peserta yang dipilih adalah daripada golongan miskin tegar dan berdaftar dalam sistem e-Kasih. Mengikut Unit Perancang Ekonomi Malaysia, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Tahun 2009 untuk Ketua Isi Rumah Tangga (KIRT) miskin tegar bagi Negeri Sabah adalah RM670.00 sebulan. Proses pemilihan peserta dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan Peserta/Pembasmian Kemiskinan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau Timbalan Presiden bagi pihak berkuasa tempatan. Senarai peserta yang dipilih akan dikemukakan kepada Pejabat Daerah selaku agensi pelaksana untuk dikemukakan kepada KPLBS untuk kelulusan. Surat lantikan sebagai peserta MESEJ akan dikeluarkan oleh Pejabat Daerah atau Majlis Perbandaran selepas kelulusan diperolehi.

a. Peserta Tidak Menyertai Projek

- i. Semakan Audit terhadap rekod senarai peserta mendapati, 33 peserta bagi MESEJ Bunang I, Sook, Keningau telah dipilih melibatkan 3 kawasan DUN iaitu DUN Sook, Keningau, DUN Liawan dan DUN Bingkor, manakala bagi MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau pemilihan 33 peserta adalah dari kawasan DUN Sebatik, Tawau. Proses pemilihan peserta bagi kedua-dua MESEJ adalah teratur, memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan. Manakala pemilihan peserta bagi MESEJ Bunang II dan III, Sook, Keningau masih dalam proses. Lawatan Audit antara bulan September hingga November 2012 ke MESEJ

Bunang I, Sook, Keningau dan MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau mendapati, hanya 24 peserta atau 72.7% telah menyertai MESEJ Bunang I, Sook, Keningau dan 28 peserta atau 84.8% bagi MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau. Kekurangan penyertaan peserta berbanding sasaran disebabkan peserta terpilih menarik diri kerana tidak berminat dengan projek MESEJ, mempunyai komitmen lain dan mendapat Program Bantuan Rumah (PBR).

- ii. Berdasarkan maklum balas KPLB pada 18 Jun 2013, peserta yang terpilih hendaklah tinggal dan bekerja di ladang. Peserta yang terpilih dan tidak menyertai projek akan diganti dengan peserta lain yang layak. Pemilihan peserta dibuat oleh Jawatankuasa Khas peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Rujukan utama pemilihan adalah daripada pangkalan data e-Kasih bagi daerah berkenaan disamping temuduga diadakan untuk peserta yang layak dimana perkara-perkara seperti usia, saiz keluarga, komitmen, bersedia untuk ditempatkan di MESEJ dan perkara-perkara lain. Jawatankuasa Pemilihan Peserta ini juga diwakili oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di DUN berkenaan. Peserta diperlukan menandatangani akuanji dimana komitmen penuh setiap peserta adalah dituntut. Setiap peserta perlu menyedari bahawa mereka boleh diganti dengan peserta lain yang layak sekiranya mereka gagal menunjukkan komitmen penuh sebagai peserta projek.**
- b. Pendapatan Bulanan Peserta Dan Isi Rumah Tidak Melepasi Paras Garis Kemiskinan (PGK)**
 - i. Dasar Kerajaan mensasarkan setiap peserta dan isi rumah yang menyertai MESEJ menikmati peningkatan pendapatan secara mampan bagi mengeluarkan golongan miskin tegar daripada garis kemiskinan. Selaras dengan itu, peserta dan isi rumah yang menyertai MESEJ dapat menjana pendapatan bulanan daripada bayaran gaji, upah dan elaun sebagai pekerja ladang, serta dividen daripada Akaun Amanah MESEJ. Kadar gaji, upah dan elaun yang dibayar sebagai pekerja ladang adalah mengikut jenis kerja yang dibuat seperti dalam Jadual 3.7.**

Jadual 3.7
Kadar Gaji, Upah Dan Elaun Bagi Pekerja Ladang MESEJ

Bil.	Jenis Kerja	Kadar Gaji, Upah Dan Elaun	
		MESEJ Bunang I, Sook, Keningau (RM)	MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau
1.	Menebas	Decreeping	10/hektar
		Slashing	30/hektar
		Pruning/Circle raking	52/hektar
2.	Meracun	Selective Spray	15/hektar
		Circle Spray	10/hektar
3.	Membaja		4/beg
4.	Menuai buah kelapa sawit	FFB harvest	75/tan
		Single loading	3.50/tan
		Double loading	7/tan
5.	Elaun Kehadiran		2/hari
6.	Elaun Hidup Susah		3/hari

Sumber: Rekod Pembayaran Gaji Pekerja, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah

Nota: TB – Tidak berkenaan

- ii. Semakan Audit mendapati peserta dibayar gaji, upah dan elaun mengikut kadar yang ditetapkan. Berdasarkan rekod pembayaran gaji untuk tempoh 6 bulan iaitu bagi bulan Mei hingga Oktober 2012, pihak Audit mengkategorikan purata pendapatan bulanan peserta dan isi rumah kepada 2 kategori seperti dalam **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8

Purata Pendapatan Bulanan Peserta Dan Isi Rumah Di MESEJ Bunang I, Sook, Keningau Dan MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau Bagi Bulan Mei Hingga Oktober 2012

Purata Pendapatan Bulanan (RM)	MESEJ Bunang I Sook, Keningau		MESEJ Kg. Sungai Laba Sebatik, Tawau	
	Bilangan Peserta	Peratus (%)	Bilangan Peserta	Peratus (%)
670 dan ke bawah	13	54.2	24	85.7
671 dan Ke atas	11	45.8	4	14.3
Jumlah	24	100	28	100

Sumber: Rekod Bayaran Gaji Peserta, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah

- iii. Analisis Audit terhadap **Jadual 3.8** di atas mendapati 54.2% peserta dan isi rumah di MESEJ Bunang I, Sook, Keningau memperolehi pendapatan bulanan di bawah PGK. Manakala di MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau pula sebanyak 85.7% peserta memperolehi pendapatan bulanan di bawah PGK. Keadaan ini berlaku kerana jumlah kehadiran bekerja yang kurang dan tidak semua peserta terlibat dengan kerja yang menawarkan kadar upah yang tinggi seperti menuai buah kelapa sawit.

- iv. Berdasarkan maklum balas LKTNS pada 11 Julai 2013, sebelum pelaksanaan gaji minimum yang baru dikuatkuasakan, sasaran pendapatan adalah RM670/bulan atau RM25.76/hari. Gaji minimum baru adalah RM800/bulan atau RM30.80/hari dengan kehadiran bekerja 26 hari sebulan. Seseorang peserta mesti bekerja 26 hari untuk mencapai pendapatan RM800 sebulan.
- v. Lawatan Audit dan soal selidik dengan peserta di MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau mendapati peserta dan isi rumah turut menjalankan aktiviti ekonomi sampingan. Seramai 17 peserta MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau terlibat dengan penanaman Limau Kasturi Integrasi Bersama Cili Semerah di bawah program Jabatan Pertanian Negeri Sabah. Aktiviti ekonomi lain yang dijalankan oleh peserta dan isi rumah adalah seperti penanaman sayur sawi, ubi kayu, perniagaan kedai runcit dan perusahaan bengkel besi yang menjana pendapatan tambahan bulanan antara RM60 hingga RM2,000. Sebagai perbandingan, lawatan Audit ke MESEJ Bunang I, Sook, Keningau mendapati, peserta dan isi rumah tiada menjalankan kegiatan ekonomi sampingan selain sebagai pekerja ladang. **Gambar 3.12** hingga **Gambar 3.17** menunjukkan kegiatan ekonomi sampingan yang dijalankan oleh peserta di MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau.

Gambar 3.12
Program Penanaman Limau Kasturi Integrasi Bersama Cili Semerah



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau

Tarikh: 21 November 2012

Gambar 3.13
Penanaman Sayur Sawi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik,
Tawau
Tarikh: 21 November 2012

Gambar 3.14
Penanaman Ubi Kayu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik,
Tawau
Tarikh: 21 November 2012

Gambar 3.15

Perniagaan Kedai Runcit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik,
Tawau
Tarikh: 26 November 2012

Gambar 3.16



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik,
Tawau
Tarikh: 26 November 2012



Gambar 3.17
Perusahaan Bengkel Besi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MESEJ Kg. Sungai Laba,
Sebatik, Tawau
Tarikh: 21 November 2012


- vi. Semakan Audit mendapati, Akaun Amanah telah diwujudkan bagi 2 daripada 14 MESEJ aktiviti pertanian kelapa sawit iaitu Akaun Amanah MESEJ Bunang I, Sook, Keningau dan Akaun Amanah MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau yang masing-masing berbaki RM737,077.12 dan RM796,756.38 pada

31 Disember 2012. Setakat Disember 2012, tiada pembayaran dividen kepada peserta daripada 2 Akaun Amanah tersebut.

- vii. **Berdasarkan maklum balas KPLB pada 18 Jun 2013, pertimbangan pembayaran dividen akan diputuskan oleh jemaah Menteri (Kerajaan Negeri Sabah). KPLB berkeyakinan jumlah keseluruhan pendapatan peserta melalui upah di ladang dan dividen dapat melepas PGK miskin tegar.**

c. **Maklum Balas Peserta Projek**

- i. Bagi mendapat maklum balas mengenai keberkesanan MESEJ, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada peserta di 2 MESEJ yang dilawat iaitu MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau dan MESEJ Bunang I, Sook, Keningau untuk mengetahui sama ada peserta memperolehi peningkatan pendapatan dan kualiti hidup. Sebanyak 52 borang soal selidik telah diedarkan kepada peserta projek dan 44 borang soal selidik telah dikembalikan. Analisis Audit terhadap borang soal selidik yang dikembalikan mendapati 28 daripada 44 peserta atau 63.6% menikmati peningkatan pendapatan antara RM200 hingga RM1,000 selepas menyertai projek, manakala 16 peserta menyatakan tiada peningkatan pendapatan. Selain itu, 31 peserta atau 70.5% berpuas hati, 3 peserta atau 6.8% tidak berpuas hati dan 10 peserta atau 22.7% tidak memberi pendapat seperti di **Carta 3.1**.



Sumber: Borang Soal Selidik, Jabatan Audit Negara

- ii. Berdasarkan maklum balas yang diberikan, peserta berpuas hati kerana projek MESEJ telah memberi pekerjaan kepada peserta dan isi rumah untuk menjana pendapatan secara konsisten di samping menyediakan kemudahan tempat

tinggal, manakala peserta yang tidak berpuas hati disebabkan pendapatan tidak meningkat dan kadar upah yang rendah.

- iii. Beberapa aduan turut dibangkitkan oleh peserta projek terhadap penyediaan kemudahan rumah dan infrastruktur asas seperti kerosakan tombol pintu rumah, aliran air longkang tersekat menyebabkan bau busuk, dinding penahan tebing tidak dibina menyebabkan mendapan tanah dan parit alir keluar tidak dibina menyebabkan banjir seperti di **Gambar 3.18** hingga **Gambar 3.21**.

Gambar 3.18
Dinding Penahan Tidak Dibina Menyebabkan Mendapan Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 5, MESEJ Bunang I, Sook, Keningau
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 3.19
Mendirikan Dinding Penahan Yang Tidak Sesuai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 5, MESEJ Bunang I, Sook, Keningau
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 3.20
Aliran Air Longkang Tersekat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Perumahan, MESEJ Bunang I,
Sook, Keningau
Tarikh: 11 September 2012

Gambar 3.21
Parit Alir Keluar Tidak Dibina Menyebabkan Banjir



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lot 1, MESEJ Kg. Sungai Laba, Sebatik, Tawau

Tarikh: 21 November 2012

- iv. Berdasarkan maklum balas KPLB pada 18 Jun 2013, terdapat tiga peringkat pemantauan iaitu Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Program MESEJ, Jawatankuasa Teknikal MESEJ dan Lembaga Pemegang Amanah bagi setiap MESEJ Pertanian. Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Program MESEJ di peringkat Kementerian yang bermesyuarat setiap bulan untuk memantau kemajuan dan isu-isu yang timbul. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mengawal peruntukan yang diluluskan setiap tahun bagi projek MESEJ. Jawatankuasa Teknikal MESEJ di peringkat daerah dipengerusikan oleh pegawai daerah yang memberi tumpuan kepada keperluan setiap MESEJ dan masalah yang timbul termasuklah pembangunan ladang dan infrastruktur yang berkaitan serta cadangan-cadangan penambahbaikan. Lembaga Pemegang Amanah ditubuhkan bagi setiap Akaun Amanah MESEJ yang berperanan menimbang cadangan perbelanjaan tahunan yang dibentang oleh Pengurus Ladang dengan mengambil kira keperluan penambahbaikan, penyelenggaraan dan memperakui dividen berdasarkan kedudukan Akaun Amanah. Lembaga tersebut dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap KPLB dan dianggotai oleh Kementerian Kewangan, Bendahari Negeri dan Pegawai Daerah berkenaan. Pengurus Ladang (LKTNS) adalah berperanan sebagai penasihat.

Pihak Audit berpendapat bahawa pencapaian peserta projek adalah kurang memuaskan kerana penyertaan peserta yang dipilih tidak mencapai sasaran, pendapatan peserta tidak melepas PGK dan aduan peserta belum diambil tindakan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi kelemahan yang telah dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS), Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS), Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar

Sabah (LPPBS), Pejabat Daerah Keningau (PDK) dan Perbandaran Tawau (MPT) mengambil tindakan berikut:

- 3.5.1.** Memantau dengan rapi pihak kontraktor bagi memastikan kerja pembangunan tanah siap mengikut jadual kontrak dan menyenarai hitam kontraktor yang gagal mematuhi syarat kontrak.
- 3.5.2.** Membuat penyenggaraan ladang mengikut jadual kerja yang dirancang dan menggantikan pokok mati.
- 3.5.3.** Mengambil tindakan untuk mengganti peserta terpilih yang tidak menyertai projek.
- 3.5.4.** Mempertimbangkan untuk membayar dividen daripada Akaun Amanah Mini Estet Sejahtera (MESEJ) kepada peserta.
- 3.5.5.** Menilai aduan yang dibangkit oleh peserta projek dan mengambil tindakan bersesuaian.

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

4. DESA LESTARI SDN. BHD

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Desa Lestari Sdn. Bhd. (DLSB) adalah sebuah syarikat dimiliki 100% oleh Kerajaan Negeri Sabah. Sehingga Disember 2012, modal saham dibenarkan DLSB adalah sejumlah RM100 juta dan modal berbayar sejumlah RM99.98 juta. Syarikat ini ditubuhkan pada 27 Januari 1981 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan nama asalnya KPD Holdings Sdn. Bhd. (KPDH) sebagai satu unit komersil kepada Korporasi Pembangunan Desa (KPD), sebuah agensi Kerajaan Negeri. KPDH telah diswastakan melalui *Management Buy Out* pada tahun 1995 di mana pegangan saham oleh pihak swasta dan KPD adalah masing-masing 60% dan 40%. Penyusunan semula struktur KPDH telah berlaku pada tahun 1996 di mana diwujudkan dua syarikat iaitu Desa Plus Sdn. Bhd. (ditubuhkan pada Mei 1996) dan Desa Lestari Sdn Bhd (ditukar nama daripada KPDH) sebagai syarikat pegangan pelaburan KPDH. Pada tahun 2004 Kerajaan Negeri telah mengambil alih semula pegangan saham 60% daripada pihak swasta dan pada tahun 2010 pegangan saham 40% daripada KPD yang menjadikan kedua-dua syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

4.1.2. Aktiviti utama yang dijalankan oleh DLSB adalah tertumpu kepada bidang pelaburan. DLSB mempunyai 10 syarikat subsidiari di mana 3 daripadanya masih aktif manakala 7 yang lain telah berhenti beroperasi/tidak aktif/dormant.

4.1.3. Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk melaksanakan semua aktiviti dan tanggungjawab seperti mana yang diperuntukkan oleh Memorandum Dan Artikel Syarikat serta Akta Syarikat 1965. DLSB mempunyai 5 orang Ahli Lembaga Pengarah, di mana seorang adalah ahli politik, 3 orang ahli bebas dan seorang wakil daripada Kementerian Kewangan. DLSB tidak mempunyai kakitangan kerana merupakan syarikat pegangan pelaburan. Aktiviti DLSB diuruskan oleh syarikat pengurusan Kumpulan Desa yang diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan yang bertanggungjawab menguruskan aktiviti harian syarikat kumpulan.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Kaedah pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan pengurusan aktiviti dijalankan dengan menyemak semua dokumen berkaitan dengan pengurusan dan pemantauan aktiviti anak syarikat dan pelaburan di syarikat bersekutu serta di pasaran saham. Temu bual juga telah dibuat dengan pegawai DLSB di samping melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap peralatan dan aset syarikat. Lawatan Audit ke kilang pemprosesan ubi kayu milik Desa Tapioca Industries Sdn. Bhd. di Sook, Keningau dan kilang pemprosesan jus pekat milik Sabah Food Corporation Sdn. Bhd. di Lok Kawi, sebidang tanah di Pinusuk, Daerah Ranau bagi meninjau pelaksanaan aktivitinya.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2012 hingga Februari 2013 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan DLSB adalah memuaskan di mana DLSB memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM15.24 juta pada tahun 2012 berbanding dengan RM1.82 juta pada tahun 2011 dan RM15.25 juta pada tahun 2010. Keuntungan yang diperoleh adalah khususnya daripada pelaburan dalam sebuah syarikat bersekutu. Dari segi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat masih terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Pulangan yang diperoleh daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari adalah kurang memuaskan di mana daripada 10 syarikat subsidiari yang dilaburkan, 7 syarikat telah berhenti beroperasi/tidak aktif/dormant. Tiga syarikat subsidiari yang aktif tidak mengisytiharkan dividen kerana syarikat masih dalam kedudukan kerugian terkumpul.
- Syarikat subsidiari dan bersekutu yang berhenti beroperasi/tidak aktif/dormant antara 8 hingga 20 tahun belum digulungkan/dilupuskan seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993.
- Tanah DLSB yang belum dibangunkan di Daerah Ranau diceroboh oleh penduduk/pengusaha tanpa izin.

4.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan DLSB, analisis terhadap trend dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

4.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis trend bagi tahun 2010 hingga 2012 mendapati jumlah pendapatan telah menurun daripada sejumlah RM15.75 juta pada tahun 2010 kepada RM2.28 juta pada tahun 2011. Penurunan jumlah pendapatan pada tahun 2011 adalah disebabkan dividen yang diterima daripada pelaburan mengalami penurunan sejumlah RM13.75 juta berbanding dengan tahun 2010. Bagaimanapun, jumlah pendapatan meningkat semula kepada RM15.87 juta pada tahun 2012. Perbelanjaan adalah masing-masing RM0.50 juta pada tahun 2010, RM0.46 juta pada tahun 2011 dan RM0.63 pada tahun 2012. DLSB telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sejumlah RM15.25 juta pada tahun 2010 dan menurun ketara pada RM1.82 juta pada tahun 2011. Manakala pada tahun 2012, keuntungan sebelum cukai telah meningkat semula kepada RM15.24 juta.
- b. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan/kerugian DLSB adalah seperti di **Jadual 4.1**, **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.1


Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian DLSB
Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Jumlah Pendapatan	15.75	2.28	15.87
Jumlah Perbelanjaan	-0.50	-0.46	-0.63
Keuntungan Sebelum Cukai	15.25	1.82	15.24
Cukai Pendapatan	-2.49	0.11	-0.04
Keuntungan Bersih	12.76	1.93	15.20
Kerugian Terkumpul	-34.86	-33.10	-18.75

Sumber: Penyata Kewangan DLSB



Sumber: Penyata Kewangan DLSB



Sumber: Penyata Kewangan DLSB

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan DLSB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Kewangan DLSB bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Analisis Nisbah Kewangan DLSB Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	12.88:1	25.66:1	38.59:1
Margin Untung Bersih	96.8%	79.8%	96.1%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.22:1	0.02:1	0.15:1
Nisbah Pulangan Ke atas Ekuiti	0.24:1	0.02:1	0.16:1

Sumber: Penyata Kewangan DLSB

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kemampuan syarikat untuk membayar hutang manakala Nisbah Semasa pada kadar 1:1 adalah dianggap setara iaitu semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa meningkat daripada 12.88:1 pada tahun 2010 kepada 25.66:1 pada tahun 2011 dan terus meningkat kepada 38.59:1 pada tahun 2012. Ini menunjukkan kecairan syarikat yang baik bagi tempoh 2010 hingga 2012.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, syarikat telah menjana masing-masing sejumlah RM0.97, RM0.80 dan RM0.96 untung bersih sebelum cukai bagi tempoh 2010 hingga 2012. Ini menunjukkan aktiviti utama syarikat telah memberikan pulangan yang tinggi kepada syarikat.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit

aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan terbaik. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2010, Nisbah Pulangan Atas Aset syarikat menunjukkan pulangan keuntungan pada RM0.22 bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan. Bagaimanapun, bagi tahun 2011, kadar pulangan tersebut telah menurun kepada RM0.02 bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan. Ini adalah disebabkan pendapatan yang jauh menurun pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Manakala pada tahun 2012, kadar pulangan tersebut meningkat semula kepada RM0.15.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti pada tahun 2010 adalah pada 0.24:1, di mana bagi setiap ringgit modal yang digunakan, syarikat menjana RM0.24 keuntungan sebelum cukai. Bagaimanapun, nisbah tersebut menurun kepada 0.02:1 pada tahun 2011 di mana syarikat menjana RM0.02 bagi setiap modal yang dilaburkan. Manakala pada tahun 2012, nisbah tersebut meningkat kepada 0.16:1 di mana syarikat menjana RM0.16 bagi setiap modal dilaburkan.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan DLSB adalah memuaskan kerana mencatatkan keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, syarikat masih mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM18.75 juta pada akhir tahun 2012.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

DLSB merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan. Setakat 31 Disember 2012, DLSB telah melabur sejumlah RM30.51 juta dalam 10 syarikat subsidiari dan sejumlah RM10.22 juta dalam 2 syarikat bersekutu. Aktiviti utama syarikat subsidiari dan bersekutu adalah dalam bidang penternakan ayam, penanaman dan jualan buah-buahan serta perladangan kelapa sawit. Selain itu, DLSB juga melabur sejumlah RM353,150 dalam sebuah syarikat yang disenaraikan dalam bursa saham. Status dan pegangan ekuiti DLSB dalam syarikat subsidiari dan bersekutu adalah seperti di **Jadual 4.3** dan **Jadual 4.4**.

Jadual 4.3**Kedudukan Syarikat Subsidiari DLSB Sehingga Tahun 2012**

Bil.	Nama Syarikat	Modal Berbayar (RM)	Pemilikan (%)	Pelaburan DLSB (RM)	Aktiviti Perniagaan/Status
1.	Desa Hatchery Sdn. Bhd.	16,000,102	100	16,000,102	Penternakan Ayam
2.	Desa Kurnia Sdn. Bhd.	1,500,000	100	1,500,000	Perladangan Kelapa Sawit
3.	Tropical Fruit Sdn. Bhd.	5,000,000	51	2,550,002	Penanaman Dan Jualan Buah-Buahan
4.	Sabah Food Corporation Sdn. Bhd.	9,000,000	100	1,256,805	Pemprosesan Dan Pemasaran Jus Pekat – Tidak Aktif
5.	Desa Tapioca Industries Sdn. Bhd.	5,140,000	100	4,140,002	Kilang Pemprosesan Ubi Kayu – Tidak Aktif
6.	Desa Shipping Corporation Sdn. Bhd.	5,000,000	100	5,000,001	Berhenti Operasi Sejak 1995
7.	Desa Construction And Engineering Sdn. Bhd.	1,000,000	100	1	Berhenti Operasi Sejak 1998
8.	Bonarch Sdn. Bhd.	1,000,000	100	1	Berhenti Operasi Sejak 2005
9.	Desa Villa Sdn. Bhd.	66,157	100	66,157	Berhenti Operasi Sejak 1993
10.	Desa Restu Sdn. Bhd.	25,000	100	1	Tidak Beroperasi Sejak Penubuhan
Jumlah				30,513,072	

Sumber: Rekod DLSB

Jadual 4.4**Kedudukan Syarikat Bersekutu DLSB Sehingga Tahun 2012**

Bil.	Nama Syarikat	Modal Berbayar (RM)	Pemilikan (%)	Pelaburan DLSB (RM)	Aktiviti Perniagaan/Status
1.	Amalania Koko Bhd.	34,055,085	30	10,216,294	Kelapa Sawit
2.	Desa Kuril Sdn. Bhd.	2	50	1	Tidak Beroperasi
Jumlah				10,216,295	

Sumber: Rekod DLSB

4.4.2.1. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Tidak Memberi Pulangan**a. Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari**

Sehingga bulan Disember 2012, daripada 10 syarikat subsidiari yang dilaburkan oleh DLSB, sebanyak 7 syarikat telah berhenti beroperasi/tidak aktif/dormant. Daripada 3 syarikat subsidiari yang aktif, syarikat Desa Hatchery Sdn. Bhd. dan Tropical Fruit Sdn. Bhd. telah mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut manakala Desa Kurnia Sdn. Bhd. telah mencatatkan keuntungan bagi tahun 2010 dan 2011 tetapi telah mengalami kerugian pada tahun 2012. Semakan Audit juga mendapati semua syarikat subsidiari masih mengalami kerugian terkumpul setakat 31 Disember 2011 antara RM29,668 hingga RM76,415,175. Butiran prestasi kewangan syarikat subsidiari bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5**Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari DLSB Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Syarikat Subsidiari	Status	Untung/(Rugi) Semasa			Kerugian Terkumpul 31.12.2012 (RM)
			2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	
1.	Desa Hatchery Sdn. Bhd.	Aktif	-117,519	-3,265,625	-1,845,711	-76,415,175
2.	Desa Kurnia Sdn. Bhd.	Aktif	29,214	21,904	-87,345	-5,065,774
3.	Tropical Fruit Sdn. Bhd.	Aktif	-2,461	-775,177	-84,677	-7,155,301
4.	Sabah Food Corporation Sdn. Bhd.	Tidak Aktif – Kilang Berhenti Operasi Sejak 2003	-353,615	-341,438	-294,698	-20,367,255
5.	Desa Tapioca Industries Sdn. Bhd.	Tidak Aktif – Kilang Berhenti Operasi Sejak 2001	-242,872	-382,380	-248,497	-19,850,336
6.	Desa Shipping Corporation Sdn. Bhd.	Berhenti Operasi Sejak 1995	-2,724	-2,996	-2,965	-6,287,025
7.	Desa Construction And Engineering Sdn. Bhd.	Berhenti Operasi Sejak 1998	-33	-3,292	-3,194	-2,046,473
8.	Bonarch Sdn. Bhd.	Berhenti Operasi Sejak 2005	-31,842	-3,103	5,204	-3,952,145
9.	Desa Villa Sdn. Bhd.	Berhenti Operasi Sejak 1993	-2,635	-1,880	-3,124	-185,280
10.	Desa Restu Sdn. Bhd.	Tidak Beroperasi Sejak Penubuhan	-1,715	-2,066	-2,196	-29,668
Jumlah			-726,202	-4,756,053	-2,567,203	-141,354,423

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari DLSB

b. Rosotnilai (*Dimunition*) Pelaburan

Mengikut penyata kewangan DLSB, kos pelaburan dalam syarikat subsidiari adalah berjumlah RM30,513,073. Bagaimanapun, setelah mengambil kira peruntukan untuk rosot nilai sejumlah RM30,513,063, pelaburan DLSB dalam syarikat subsidiari pada 31 Disember 2012 hanyalah berjumlah RM10 seperti butiran di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6**Pelaburan DLSB Dalam Syarikat Subsidiari**

Bil.	Syarikat Subsidiari	Kos Pelaburan (RM)	Peruntukan Untuk Rosotnilai (RM)	Nilai Bersih (RM)
1.	Desa Hatchery Sdn. Bhd.	16,000,103	-16,000,102	1
2.	Desa Kurnia Sdn. Bhd.	1,500,000	-1,499,999	1
3.	Tropical Fruit Sdn. Bhd.	2,550,002	-2,550,001	1
4.	Sabah Food Corporation Sdn. Bhd.	1,256,805	-1,256,804	1
5.	Desa Tapioca Industries Sdn. Bhd.	4,140,002	-4,140,001	1
6.	Desa Shipping Corporation Sdn. Bhd.	5,000,001	-5,000,000	1
7.	Desa Construction And Engineering Sdn. Bhd.	1	-	1
8.	Bonarch Sdn. Bhd.	1	-	1
9.	Desa Villa Sdn. Bhd.	66,157	-66,156	1
10.	Desa Restu Sdn. Bhd.	1	-	1
Jumlah			30,513,073	-30,513,063
				10

Sumber: Rekod DLSB

c. Defisit Dalam Dana Pemegang Saham

Dana Pemegang Saham adalah merupakan modal yang dibayar oleh pemegang saham dan keuntungan terkumpul syarikat. Prestasi sebuah syarikat dianggap baik sekiranya ia berjaya meningkatkan dana pemegang saham secara berterusan. Sehubungan ini, didapati semua syarikat subsidiari DLSB telah mengalami defisit dalam dana pemegang saham bagi tempoh 3 tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2010 hingga 2012. Perkara ini juga ditekankan dalam laporan Juruaudit Luar terhadap pengauditan penyata kewangan syarikat subsidiari DLSB. Syarikat subsidiari menyediakan penyata kewangan dengan menggunakan asas *going concern* di mana kemampuan syarikat meneruskan perniagaan adalah diragui kerana dana pemegang saham menunjukkan kedudukan defisit dan liabiliti semasa melebihi aset semasa dan penerusan perniagaan syarikat subsidiari bergantung kepada sokongan kewangan daripada syarikat induk. Kedudukan defisit dana pemegang saham bagi tahun 2010 hingga 2012 dan jumlah liabiliti semasa melebihi aset semasa pada akhir tahun 2012 untuk syarikat subsidiari DLSB adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7

Kedudukan Defisit Dalam Dana Pemegang Saham Dan Liabiliti Semasa Melebihi Aset Semasa

Bil.	Syarikat Subsidiari	Defisit Dalam Dana Pemegang Saham			Liabiliti Semasa Melebihi Aset Semasa Pada 31.12.2012 (RM)
		2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	
1.	Desa Hatchery Sdn. Bhd.	-32,700,179	-24,974,665	-26,820,376	-72,066,212
2.	Desa Kurnia Sdn. Bhd.	-3,500,333	-3,478,429	-3,565,774	-3,667,337
3.	Tropical Fruit Sdn. Bhd.	-1,295,447	-2,070,624	-2,155,301	-2,418,533
4.	Sabah Food Corporation Sdn. Bhd.	-8,024,465	-7,663,090	-7,957,788	-8,413,110
5.	Desa Tapioca Industries Sdn. Bhd.	-12,223,356	-11,501,481	-11,749,978	-17,372,251
6.	Desa Shipping Corporation Sdn. Bhd.	-1,281,064	-1,284,060	-1,287,025	-1,287,025
7.	Desa Construction And Engineering Sdn. Bhd.	-1,039,987	-1,043,279	-1,046,473	-1,046,473
8.	Bonarch Sdn. Bhd.	-2,954,246	-2,957,349	-2,952,145	-2,952,145
9.	Desa Villa Sdn. Bhd.	-114,119	-115,999	-119,123	-119,123
10.	Desa Restu Sdn. Bhd.	-406	-2,472	-4,668	-4,668
Jumlah		-63,133,602	-55,091,448	-57,658,651	-109,346,877

Sumber: Rekod DLSB

d. Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari

Mengikut rekod DLSB, baki pendahuluan yang terhutang oleh 10 syarikat subsidiari pada akhir tahun 2010, 2011 dan 2012 adalah masing-masing berjumlah RM37.11 juta, RM47.60 juta dan RM52.76 juta. Setelah menolak peruntukan untuk hutang lapuk berjumlah RM14.64 juta bagi tahun 2010 dan sejumlah RM14.62 juta bagi tahun 2011 dan 2012, baki pendahuluan yang terhutang oleh syarikat subsidiari bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah masing-masing berjumlah RM22.46 juta, RM32.98 juta dan RM38.15 juta. **Berdasarkan maklum balas pihak DLSB pada 13 Mei 2013, pada masa ini semua pendahuluan kepada syarikat subsidiari dinyatakan sebagai liabiliti semasa dalam penyata kewangan. Oleh kerana syarikat subsidiari masih belum mampu untuk membayar pendahuluan tersebut, pihak pengurusan akan membuat usul kepada Lembaga Pengarah syarikat induk untuk menukar pendahuluan tersebut kepada pinjaman jangka panjang.** seperti di **Jadual 4.8.**

Jadual 4.8

Baki Pendahuluan Yang Terhutang Oleh Syarikat Subsidiari Pada 2010 Hingga 2012

Bil.	Nama Syarikat Subsidiari	Tahun		
		2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
1.	Desa Hatchery Sdn. Bhd.	19,833,889	30,256,288	35,263,323
2.	Desa Kurnia Sdn. Bhd.	2,004,519	2,004,669	2,004,819
3.	Tropical Fruit Sdn. Bhd.	664,904	637,730	637,730
4.	Sabah Food Corporation Sdn. Bhd.	7,097,233	7,181,874	7,325,316
5.	Desa Tapioca Industries Sdn. Bhd.	5,205,248	5,205,398	5,205,548
6.	Desa Construction And Engineering Sdn. Bhd.	133,899	136,825	139,774
7.	Bonarch Sdn. Bhd.	19,792	22,749	25,698
8.	Desa Villa Sdn. Bhd.	110,041	112,967	115,916
9.	Desa Restu Sdn. Bhd.	23,008	25,007	27,028
10.	Cakur Manis Sdn. Bhd.*	2,012,651	2,015,585	2,018,519
		37,105,184	47,599,092	52,763,672
Tolak : Peruntukan Untuk Hutang Lapuk		-14,642,558	-14,615,384	-14,615,384
Jumlah		22,462,626	32,983,708	38,148,288

Sumber: Rekod DLSB

* Anak Syarikat Desa Hatchery Sdn. Bhd.

4.4.2.2. Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

- a. DLSB juga melabur sejumlah RM10.22 juta dalam 2 syarikat bersekutu dengan pegangan ekuiti antara 30% hingga 50%. Bagaimanapun, didapati syarikat bersekutu Desa Kuril Sdn. Bhd. telah berhenti operasi. Selain itu, rekod DLSB menunjukkan Desa Kuril Sdn. Bhd. masih berhutang kepada DLSB sejumlah RM1,238,005 pada akhir tahun 2012. **Berdasarkan maklum balas pihak DLSB pada 13 Mei 2013, satu-satunya aset yang signifikan dalam DLSB adalah sekeping tanah 11.48 ekar dipegang di bawah hak milik No.115412158 (999 leasehold period) yang terletak di Mile 3, Jalan Tengah Nipah, Lahad Datu. Pihak pengurusan akan membuat satu usul perbincangan dengan rakan usahasamanya, Desa Kuril**

Plantations Sdn. Bhd. mengenai hala tuju DLSB mengenai tanah tersebut dan status pembayaran pendahuluan pemegang saham yang tertunggak seperti di atas, sebelum membawa perkara ini kepada Lembaga Pengarah DLSB untuk keputusan.

- b. Manakala syarikat bersekutu yang aktif ialah Amalania Koko Bhd. telah mencatatkan keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut. Prestasi kewangan syarikat bersekutu bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9

Prestasi Kewangan Syarikat Bersekutu DLSB Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Syarikat Subsidiari	Pegangan Ekuiti (%)	Status	Untung/Rugi Semasa			Untung/(Rugi) Terkumpul 31.12.2012 (RM)
				2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	
1.	Amalania Koko Bhd. *	30	Aktif	11,212,555	19,462,456	13,874,779	56,710,497
2.	Desa Kuril Sdn. Bhd.	50	Tidak Beroperasi	-3,322	-1,591	-3,224	-1,907,842

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Bersekutu DLSB

Nota: * Tahun Kewangan Berakhir Pada 30 Jun

4.4.2.3. Pembayaran Dividen Oleh Syarikat Subsidiari Dan Bersekutu

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan garis panduan bayaran dividen antaranya adalah Lembaga Pengarah Syarikat Induk hendaklah memastikan supaya semua lapisan syarikat subsidiari, bersekutu dan pelaburan membayar dividen kepada syarikat Induk masing-masing agar Syarikat Induk itu pula dapat membayar dividen kepada pemegang-pemegang sahamnya. Semakan Audit mendapati semua syarikat subsidiari DLSB tidak pernah mengisyiharkan dividen kerana masih mengalami kerugian terkumpul. Untuk pelaburan dalam syarikat bersekutu DLSB telah menerima dividen sejumlah RM32.24 juta daripada syarikat Amalania Koko Bhd bagi tahun 2010 hingga 2012.

4.4.2.4. Syarikat Subsidiari Yang Dorman/Tidak Aktif/Berhenti Operasi Belum Dilupuskan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 perenggan 4.5 menetapkan Lembaga Pengarah Syarikat Induk perlu melupuskan atau menswastakan kepentingan Kerajaan di dalam syarikat yang menghadapi masalah kewangan yang tenat dan mengalami kerugian besar yang berterusan, kecuali syarikat yang sedang atau akan disusun semula. Langkah yang sama perlu juga diambil ke atas syarikat-syarikat yang tidak beroperasi, khususnya yang dorman dan yang telah memberhentikan operasinya. Usaha penswastaan ini perlu dilakukan dengan cepat, iaitu semasa syarikat berkenaan masih boleh dipulihkan oleh pihak swasta. Semakan Audit mendapati DLSB mempunyai 7 syarikat subsidiari dan satu syarikat bersekutu yang dorman/tidak aktif/berhenti beroperasi antara 8 tahun hingga 20 tahun. Syarikat tersebut terus menanggung perbelanjaan pentadbiran dan kos yuran

pengurusan seperti gaji kakitangan, yuran audit dan yuran kesetiausahaannya. **Berdasarkan maklum balas pihak DLSB pada 13 Mei 2013, mesyuarat Lembaga Pengarah DLSB pada 18 Jun 2011 telah memutuskan bahawa pengurusan meminta nasihat daripada Juruaudit KPMG supaya syarikat subsidiari yang dorman digulungkan. Pengurusan telah mula menjalankan proses penggulungan pada tahun 2012 dan mendapati dua buah syarikat dorman mungkin dikenakan cukai berjumlah RM255,206.50. seterusnya, pengurusan akan membentangkan kepada Lembaga Pengarah yang relevan untuk membuat keputusan selepas menimbang transaksi yang perlu diambil di dalam akaun termasuk implikasi cukai yang kena bayar.** Semakan Audit lanjut terhadap syarikat subsidiari yang dorman/tidak aktif/berhenti beroperasi tersebut mendapati perkara berikut:

a. Desa Tapioca Industries Sdn. Bhd. – Kilang Pemprosesan Ubi Kayu Terbiar Selama 12 Tahun

- i. Desa Tapioca Industries Sdn. Bhd. (DTISB) mempunyai sebuah kilang pemprosesan ubi kayu berkapasiti memproses 400 tan metrik ubi kayu (24 jam) sehari yang bertempat di Sook, Keningau. Kilang tersebut mulai beroperasi pada tahun 1996 tetapi berhenti beroperasi pada tahun 2001 kerana tidak ada pembekalan bahan mentah iaitu, ubi kayu daripada pekebun kontrak Korporasi Pembangunan Desa (KPD). DTISB masih mempunyai 4 kakitangan bergaji harian untuk menjaga kilang dan aktiviti memungut bayaran tol daripada syarikat/pengusaha yang menggunakan jalan di tanah DTISB. DTISB terpaksa terus membiayai perbelanjaan pentadbiran, perbelanjaan operasi lain dan perbelanjaan kewangan sejumlah RM1,418,391 bagi tahun 2010 hingga 2012 berbanding dengan pendapatan daripada bayaran tol sebanyak RM383,418 untuk tempoh yang sama. Kedudukan kewangan DTISB bagi tahun 2010 hingga 2012 mengikut penyata kewangan yang telah diaudit adalah seperti di **Jadual 4.10.**

**Jadual 4.10
Kedudukan Kewangan DTISB Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Butir	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan Operasi Lain	152,695	132,015	98,708
Perbelanjaan Pentadbiran	-468,063	-473,533	-381,029
Perbelanjaan Operasi Lain	-23,025	-22,320	-22,608
Kerugian Dari Operasi	-338,393	-363,838	-304,929
Perbelanjaan Kewangan	-	-18,542	-9,271
Kerugian Sebelum Cukai	-338,393	-382,380	-314,202
Cukai	95,521	-	65,703
Kerugian Bersih	-242,872	-382,380	-248,497
Kerugian Terkumpul	-19,818,793	-19,798,947	-19,850,336

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari DTISB

- ii. Lawatan ke kilang pada 22 Januari 2013 mendapati kilang pemprosesan ubi kayu dan loji dan jentera masih utuh dan pondok memungut tol yang masih beroperasi seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.4**.




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 22 Januari 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 22 Januari 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 22 Januari 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sook, Keningau
Tarikh: 22 Januari 2013

- iii. Berdasarkan maklum balas pihak DLSB pada 13 Mei 2013, untuk mengaktifkan semula aset dan kilang yang terbiar, DTISB telah memasukkan satu perjanjian penyewaan dengan Koperasi Sabah Kita Berhad (KITA) di mana tanah berkeluasan 100 ekar termasuk kilang pemprosesan ubi kayu kepunyaan DTISB disewa kepada KITA dengan kadar sewaan RM30,000 sebulan untuk 5 tahun dan tempoh *moratorium* untuk 2 tahun tanpa bayaran sewa.

b. Sabah Food Corporation Sdn. Bhd. – Kilang Pemprosesan Jus Pekat Buah Markisa Terbiar Selama 10 Tahun

- i. Sabah Food Corporation Sdn. Bhd. (SFCSB) mempunyai sebuah kilang berkapasiti memproses 48 metrik tan buah markisa sehari atau mengeluarkan 3.6 metrik tan jus pekat buah markisa sehari bertempat di Lok Kawi, Penampang. Kilang tersebut mulai beroperasi pada tahun 1992. Bagaimanapun, kilang tersebut hanya dapat beroperasi pada purata 4% hingga 5% kapasiti pemprosesan setahun bagi tempoh 1992 hingga 2003. Pengeluaran jus pekat buah markisa tidak dapat diteruskan kerana kekangan bekalan buah markisa. Kilang tersebut terpaksa berhenti operasi pada tahun 2003.
- ii. Semakan Audit mendapati SFCSB masih mempunyai 3 kakitangan dan terpaksa membiayai perbelanjaan pentadbiran dan perbelanjaan operasi lain sejumlah RM1,086,057 bagi tahun 2010 hingga 2012 berbanding dengan pendapatan yang diperolehi daripada jualan minuman jus dan lain-lain sejumlah RM31,808 untuk tempoh yang sama. Kedudukan kewangan SFCSB mengikut penyata kewangan yang diaudit bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.11**.

Jadual 4.11
Kedudukan Kewangan SFCSB Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Butir	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Hasil	1,980	1,530	1,619
Kos Jualan	-898	-688	-827
Keuntungan Kasar	1,082	842	792
Lain-lain Pendapatan Operasi	17,603	4,786	4,290
Perbelanjaan Pentadbiran	-149,071	-129,128	-133,161
Perbelanjaan Operasi Lain	-250,894	-217,938	-205,865
Kerugian Sebelum Cukai	-381,280	-341,438	-333,944
Cukai	27,665	-	39,246
Kerugian Bersih	-353,615	-341,438	-333,055
Kerugian Terkumpul	-19,280,453	-20,190,295	-20,367,255

Sumber: Penyata Kewangan SFCSB

- iii. Lawatan ke kilang pada 28 Januari 2013 mendapati tindakan pelupusan tidak diambil terhadap barang-barang seperti bahan pembungkusan, tong penyimpanan jus pekat dan produk jus buah limau yang lama tidak digunakan lagi. Tindakan pelupusan juga tidak diambil terhadap sebuah lori, sebuah van dan sebuah forklif memandangkan kilang telah berhenti operasi. Selain itu, didapati bayaran tidak dikenakan kepada sebuah syarikat subsidiari dibawah Kumpulan Desa iaitu Desa Intergrated Food Industries Sdn. Bhd. (DIFI) yang menggunakan premis SFCSB untuk meletak bilik sejuk penyimpanan produk ayam dan juga barang-barang lain. Kilang pemprosesan jus pekat buah markisa, sebahagian loji dan jentera, barang atau aset yang tidak dilupuskan, bilik sejuk dan barang-barang kepunyaan DIFI adalah seperti di **Gambar 4.5** hingga **Gambar 4.12**.

**Gambar 4.5
Kilang Pemprosesan Jus Pekat
Buah Markisa**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lok Kawi, Penampang
Tarikh: 28 Januari 2013

**Gambar 4.6
Sebahagian Loji Dan Jentera Kilang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lok Kawi, Penampang
Tarikh: 28 Januari 2013

**Gambar 4.7
Bahan Pembungkusan Belum
Dilupuskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lok Kawi, Penampang
Tarikh: 28 Januari 2013

**Gambar 4.8
Tong Untuk Menyimpan Jus Pekat Belum
dilupuskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lok Kawi, Penampang
Tarikh: 28 Januari 2013

**Gambar 4.9
Jus Buah Limau Yang Lama Disimpan Di
Bilik Chiller Belum Dilupuskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lok Kawi, Penampang
Tarikh: 28 Januari 2013

**Gambar 4.10
Lori Yang Tidak Digunakan Sejak Kilang
Berhenti Beroperasi Belum Dilupuskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lok Kawi, Penampang
Tarikh: 28 Januari 2013

Gambar 4.11
Bilik Sejuk Kepunyaan DIFI Diletak Dalam Premis SFCSB



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lok Kawi, Penampang
Tarikh: 28 Januari 2013

Gambar 4.12
Barang-barang Kepunyaan DIFI Disimpan Di Kilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lok Kawi, Penampang
Tarikh: 28 Januari 2013

- iv. Berdasarkan maklum balas pihak DLSB pada 13 Mei 2013, Pihak pengurusan Kumpulan Desa telah menetapkan supaya kilang tersebut digunakan untuk pemprosesan hiliran bagi menghasilkan produk sej ayam dan daging, bebola daging dan sebagainya dalam Rancangan Strategik Tahun 2013 hingga 2017.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan kerana pelaburan dalam syarikat subsidiari tidak memberi pulangan kepada DLSB dan syarikat subsidiari yang dorman/tidak aktif/berhenti operasi antara 8 hingga 20 tahun tidak digulung/dilupuskan secepat mungkin menyebabkan syarikat terus menanggung perbelanjaan pentadbiran syarikat berkenaan.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik akan dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat DLSB mendapati perkara berikut:

4.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Bagi memastikan pengurusan DLSB diuruskan dengan sempurna dan mencapai objektif penubuhannya, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau seberapa kerap yang boleh selaras dengan kehendak Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness* yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah hanya bermesyuarat 3 kali bagi tahun

2010 dan 2 kali bagi tahun 2011. Bagaimanapun, mesyuarat Lembaga pengarah telah diadakan sebanyak 5 kali bagi tahun 2012. Kehadiran ahli Lembaga Pengarah adalah memuaskan. Selain daripada Ahli Lembaga Pengarah, mesyuarat turut dihadiri oleh Setiausaha Syarikat dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Desa.

4.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara sepenuhnya serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan atau seperti mana yang ditentukan oleh Pengurusnya. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit hanya mengadakan mesyuarat sekali setahun iaitu pada 6 Jun 2011 dan 30 November 2012. **Berdasarkan maklum balas pihak DLSB pada 13 Mei 2013, Setiausaha Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan akan memastikan sekurang-kurangnya 4 mesyuarat akan diadakan setiap tahun.**

4.4.3.3. Sistem Dan Prosedur

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, polisi dan garis panduan perlu ditetapkan untuk dipatuhi. Semakan Audit mendapati *General Terms & Conditions Of Employment* untuk kegunaan syarikat Kumpulan Desa telah disedia dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 29 Jun 2012 berkuatkuasa mulai 1 Julai 2012. Selain itu, *Standard Operating Procedures (SOP)* juga disediakan. Bagaimanapun, didapati SOP tersebut tidak komprehensif kerana hanya merangkumi *Procurement Policies And Procedures, Disbursement Policy And Procedures* dan *Cash Float Policies And Prosedures*. Pihak Audit mengesyorkan supaya SOP dikemas kini dengan memasukkan aspek seperti prosedur asas untuk perakaunan terimaan dan perbelanjaan, polisi dan prosedur mengenai pengurusan aset dan inventori, pelaburan, pendahuluan kepada syarikat subsidiari dan lain-lain aspek yang berkaitan. **Berdasarkan maklum balas pihak DLSB pada 13 Mei 2013, pengurusan akan mengkaji semula sistem dan prosedur yang sedia ada dan menghasilkan satu SOP yang lebih komprehensif sebelum hujung tahun 2013.**

4.4.3.4. Rekod Statutori

Seksyen 141(1) Akta Syarikat 1965 memerlukan syarikat menyimpan satu Daftar Statutori. Pihak Audit tidak dapat memeriksa rekod tersebut kerana daftar tersebut diambil oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk siasatan sejak tahun 2003. **Berdasarkan maklum balas pihak DLSB pada 13 Mei 2013, Daftar Statutori tersebut**

telah diserahkan oleh SSM kepada Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan, Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman untuk penyiasatan lanjut dan pengurusan tidak dimaklumkan mengenai status tindakan jenayah yang diambil. Justeru itu, bantuan dari Kementerian Kewangan akan diperlukan untuk mendapat kembali rekod statutori dari Polis DiRaja Malaysia Bukit Aman untuk mengelak laporan audit dikualifikasikan oleh KPMG.

4.4.3.5. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menyatakan bahawa bayaran dividen sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keuntungan selepas cukai setiap tahun perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih tinggi diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati walaupun DLSB mencatatkan keuntungan 3 tahun berturut-turut bagi tahun 2009 hingga 2011 tetapi DLSB hanya mengisyiharkan dividen pada kadar 1.02% tolak cukai berjumlah RM750,000 bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 sahaja. Dividen tersebut telah dibayar kepada pemegang saham iaitu Kerajaan Negeri Sabah pada 7 April 2012.

4.4.3.6. Kelemahan Dalam Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan yang cekap adalah penting di mana sesebuah organisasi perlu memenuhi tatacara dan peraturan yang ditetapkan untuk memperoleh dan menggunakan sumber berdasarkan kepada objektif tertentu. Kawalan dalaman yang sistematik dan berkesan menyumbang kepada pengurusan kewangan yang baik. Pengurusan Kewangan melibatkan beberapa aspek kawalan seperti kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset, pengurusan pinjaman dan pengurusan pelaburan. Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan DLSB mendapati perkara berikut:

a. Akaun Penghutang

Mengikut rekod DLSB, hutang pada akhir tahun 2012 adalah berjumlah RM7,455,027. Semakan Audit mendapati setelah ditolak peruntukan untuk hutang lapuk sejumlah RM7,382,787 hutang yang dapat dipungut hanyalah sejumlah RM72,240 iaitu 0.97% dari jumlah hutang. Mengikut pegawai yang bertanggungjawab hutang tersebut adalah hutang yang lama dan kebanyakannya dokumen yang berkaitan tidak dapat dikesan. Pihak Audit mengesyorkan DLSB menyiasat dan menentukan hutang yang tidak dapat dipungut supaya tindakan menghapuskan hutang lapuk tersebut boleh dibuat mengikut peraturan yang sedia ada. **Berdasarkan maklum balas pihak DLSB pada 13 Mei 2013, pengurusan akan mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk menghapuskan hutang yang lama tersebut.**

b. Pengurusan Aset Dan Inventori

Sistem kawalan dalaman berhubung pengurusan aset dilaksanakan untuk menentukan semua rekod aset, dokumen dan rekod berkaitan diselenggara dengan betul, lengkap dan kemas kini. Pengurusan aset yang baik adalah penting bagi menentukan aset yang diperolehi telah direkod, disimpan dan dikawal dengan sempurna untuk mengelakkan kehilangan dan pembaziran. DLSB tidak mempunyai SOP mengenai kaedah pengurusan aset iaitu proses pembelian, penerimaan, perekodan dan pemeriksaan serta pelupusan aset syarikat. Semakan Audit terhadap pengurusan aset dan inventori DLSB mendapati perkara berikut:

i. Tanah Diceroboh Oleh Penduduk/Pengusaha Tanpa Izin

DLSB mempunyai sebidang tanah CL065316047 berkeluasan 69.66 hektar (172.1 ekar) bertempat di Pinusuk, Daerah Ranau. Semakan Audit mendapati sehingga 31.12.2012 DLSB belum membangunkan tanah tersebut walaupun syarat tanah tersebut menetapkan 75% tanah tersebut hendaklah ditanam dengan tanaman sebelum tahun 1995. Tanah tersebut tidak dapat dibangunkan kerana diceroboh oleh penduduk/pengusaha tanpa izin. DLSB tidak dapat menentukan bilangan penduduk/pengusaha tanpa izin atas tanah tersebut kecuali dua orang. Perkara ini telah dibawa ke tindakan mahkamah pada tahun 2000 dan DLSB telah mendapatkan perintah mahkamah *writ of possession* pada 16 Ogos 2001. Bagaimanapun, perintah tersebut tidak dilaksanakan oleh DLSB dan tempoh perlaksanaan telah tamat. Lawatan Audit ke tapak tanah tersebut pada 17 Januari 2013 mendapati rumah yang didirikan dan diusahakan dengan tanaman sayuran seperti di **Gambar 4.13** dan **Gambar 4.14**.

Gambar 4.13
**Rumah Yang Diduduki Oleh
Pekerja Kebun Sayur**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pinusuk, Ranau
Tarikh: 17 Januari 2013

Gambar 4.14
**Kebun Sayur Yang Telah Diusahakan
Oleh Penduduk/Pengusaha Tanpa Izin**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pinusuk, Ranau
Tarikh: 17 Januari 2013

- ii. Berdasarkan maklum balas pihak DLSB pada 13 Mei 2013, beberapa mesyuarat antara pegawai-pegawai Jabatan Tanah dan Ukur, Pejabat Daerah Ranau, Ketua Kampung dan pegawai Kerajaan yang berkaitan telah diadakan untuk membincangkan masalah pencerobohan di tanah DLSB. Bagaimanapun, masalah pencerobohan masih tidak dapat diatasi.

Pada pendapat Audit, pengurusan tadbir urus korporat DLSB adalah memuaskan kecuali Jawatankuasa Audit dan Pemeriksa perlu bermesyuarat lebih kerap, SOP yang lebih komprehensif hendaklah disediakan dan susulan dibuat dengan SSM berhubung dengan daftar statutori DLSB. Selain itu, pengurusan tanah dan akaun penghutang perlu dipertingkatkan.

4.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Desa Lestari Sdn. Bhd. (DLSB) adalah memuaskan. DLSB adalah disyorkan untuk mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

- 4.5.1. Prestasi kewangan syarikat subsidiari perlu dipertingkatkan.
- 4.5.2. Melupuskan syarikat subsidiari yang tidak aktif, dorman atau berhenti beroperasi.
- 4.5.3. Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan perlu mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan bagi meningkatkan kawalan dan pemantauan ke atas syarikat.
- 4.5.4. SOP perlu dikemas kini dan dilengkapkan dengan polisi dan prosedur asas untuk perakaunan terimaan dan perbelanjaan, pengurusan aset dan inventori, pelaburan, pendahuluan kepada syarikat subsidiari dan lain-lain aspek yang berkaitan.
- 4.5.5. Menyiasat dan menentukan hutang lapuk yang tidak boleh dipungut supaya tindakan menghapus hutang lapuk boleh dibuat mengikut peraturan yang ada.
- 4.5.6. Tindakan untuk menyelesaikan masalah pencerobohan tanah perlu diambil segera bagi membolehkan ianya dibangunkan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah pemantauan kurang berkesan, kekurangan sumber tenaga untuk pemeriksaan dan penguatkuasaan, penyeliaan yang kurang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kelemahan penguatkuasaan aktiviti di bawah kawalan Jabatan dan *Standard Operating Procedure* tidak komprehensif bagi Syarikat Agensi Kerajaan Negeri. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
1 Oktober 2013



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2013
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my